





MALAYSIAN INSTITUTE
OF ACCOUNTANTS



■ LAPORAN BERSEPADU 2018

#MEMBANGUN NEGARA

CEKAP DAN BERWAWASAN



*Di dalam era IR4.0,
MIA berusaha membangun
dan mengawal selia
akauntan yang cekap
dan pandang ke hadapan
yang melindungi
kepentingan awam dan
membangun negara.*

Tentang Laporan Ini

Laporan Bersepadu MIA yang kedua menceritakan perjalanan berterusan Institut dalam pemikiran bersepadu dan pelaporan bersepadu

Laporan ini disediakan mengikut Rangka Kerja Pelaporan Bersepadu Antarabangsa, dan bertujuan untuk memberikan gambaran menyeluruh tentang rangka kerja penciptaan nilai MIA dan mengkaji semula prestasi kewangan dan bukan kewangan melangkaui empat objektif strategik kami. Di dalam laporan ini, kami menekankan faktor material, tinjauan pasaran dan megatrends yang menjelaskan tadbir urus, dasar pengurusan risiko dan model perniagaan, yang seterusnya mendorong penciptaan nilai kami dan inisiatif penglibatan pihak berkepentingan.

Kami amat berbesar hati melaporkan berdasarkan pengalaman dan sokongan <IR> kami, Majlis Pelaporan Bersepadu Antarabangsa (IIRC) telah melantik MIA sebagai satu-satunya jurulatih <IR> yang disahkan bagi rantau ASEAN berkuatkuasa dari tahun kewangan akan datang. Ini adalah selaras dengan pemacu kami untuk memperjuangkan kecemerlangan dalam pelaporan korporat dan kewangan sebagai sebahagian daripada tujuan kami untuk mengawal selia dan memperkembangkan profesion perakaunan. Selanjutnya, kami berharap perkongsian amalan baik dan matlamat kami ini akan berguna untuk organisasi yang lain dalam memulakan perjalanan <IR> mereka sendiri.

RANGKA TINDAKAN TEKNOLOGI DIGITAL MIA

 Untuk maklumat lanjut
rujuk ke muka surat 12-13

*Panduan untuk
penerimaan pakai
teknologi bagi
profesion Malaysia*



HALA TUJU SMP 2015 - 2020

 Untuk maklumat lanjut
rujuk ke muka surat 14-15

*Membangunkan
ekosistem yang lebih
baik untuk memperkasa
SMP*




KAD KEISTIMEWAAN KEAHLIAN DIGITAL MIA

 Untuk maklumat lanjut
rujuk ke muka surat 16-17

*Memberikan manfaat
eksklusif kepada
ahli-ahli*



KANDUNGAN



Gambaran Keseluruhan Institut

Sepintas Lalu	2
Perutusan Presiden	4
Kenyataan KPE	6
Soalan & Jawapan bersama KPE	8
Pasukan Pengurusan	10
Rangka Tindakan Teknologi Digital MIA	12
Hala tuju SMP MIA 2015 – 2020	14
Kad Keistimewaan Keahlian Digital MIA	16

Penciptaan Nilai

Pihak Berkepentingan Kami	18
Faktor Material	24
Rangka Kerja Pengurusan Risiko Kami	28
Risiko Utama Kami	29
Gambaran Pasaran dan <i>Megatrends</i>	30
Model Perniagaan	34
Objektif Strategik dan Pendukungnya	36

Semakan Operasi

Keahlian & Operasi	40
Strategi & Pembangunan	44
Teknikal & Amalan Profesional	48
Pengawasan & Penguatkuasaan	52
Sumber Manusia	56

Tadbir Urus

Ringkasan Kewangan	60
Ahli Majlis	62
Rangka Kerja Tadbir Urus dan Fungsi-fungsi	68
Laporan Majlis	69

Penyata Kewangan

Penyata Kewangan bagi Tahun Kewangan Berakhir 30 Jun 2018	75
--	----

SEPINTAS LALU #MembangunNegara

*Menyampaikan hasil
untuk pembangunan negara*

Tujuan

Mengawal selia dan membangun profesion perakaunan bagi menyokong pertumbuhan ekonomi dan membangun negara

Visi

Untuk diiktiraf sebagai Organisasi Perakaunan Profesional (PAO) di peringkat global di dalam mengawal selia dan membangunkan profesion untuk pembangunan negara

Nilai

- Integrity (Integriti)
- Mutual Trust & Respect (Saling Mempercayai dan Menghormati)
- Professionalism (Keprofesionalisme)
- Accountability (Akauntabiliti)
- Commitment (Komitmen)
- Teamwork (Kerjasama)
- Sustainability (Kemampanan)

Diinspirasi oleh tujuan kami

- Model penciptaan nilai kami disokong oleh rangka kerja tadbir urus yang kukuh
(+) m/s 68
- ... membantu kami memberi keutamaan kepada **faktor material** yang membawa kepada risiko dan peluang
(+) m/s 24 – 27
- ... dan mengenal pasti **tinjauan pasaran dan megatrends** yang mempengaruhi profesion perakaunan
(+) m/s 30 – 33
- Faktor material, tinjauan pasaran dan **megatrends** ini menjelaskan **model perniagaan** kami
(+) m/s 34 – 35
- ... yang kemudian memacu **objektif strategik** untuk mencipta nilai kepada pihak berkepentingan
(+) m/s 36 – 39
- ... dan mempengaruhi aktiviti **penglibatan pihak berkepentingan** kami untuk membantu kami memahami kebimbangan mereka dan menyampaikan kepuasan
(+) m/s 18 – 23
- **Prestasi** kami kemudiannya dikaji semula berdasarkan objektif strategik
(+) m/s 40 – 55

1

Keahlian & Operasi

Memperkuat bakat melalui pelbagai inisiatif kecekapan dan pembangunan keupayaan tertumpu kepada pembangunan keahlian, pendidikan dan penglibatan pihak berkepentingan tempatan dan global. Operasi ditugaskan dengan fungsi kewangan, perolehan dan IT bagi menyokong keinstitution MIA dan keselamatan kewangan.

34,655

Ahli MIA



Lebih lanjut di Penilaian Operasi pada muka surat 40

2

Strategi & Pembangunan

Selaraskan perumusan strategi, komunikasi, penjenamaan, penglibatan pihak-pihak berkepentingan dan projek khas dengan objektif strategik. Menyampaikan kandungan Pendidikan Profesional Berterusan (CPE) yang bersesuaian dengan konteks tempatan dalam meningkatkan kecekapan profesional perakaunan dan menjana pendapatan untuk keselamatan kewangan.

1,026

program CPE dijalankan



Lebih lanjut di Penilaian Operasi pada muka surat 44

3

Teknikal & Amalan Profesional

Memperkuat keyakinan dan kepercayaan orang ramai dengan mendukung nilai dan amalan profesional. Melaksanakan piawaian dan panduan dalam bidang yang berkaitan dengan perakaunan, pengauditan, percukaian, pelaporan korporat, pasaran modal. Kalis masa depan profesion dengan memperjuangkan <IR> dan inovasi teknologi.

60

program ihsan



Lebih lanjut di Penilaian Operasi pada muka surat 48

4

Pengawasan & Penguatkuasaan

Diamanahkan untuk membina persekitaran pengawalseliaan yang responsif dan selamat yang mewajibkan akauntan untuk berkelakuan profesional dan menyekat tingkah laku yang tidak beretika, memperkuat kepercayaan orang ramai terhadap profesion dan pasaran. Kajian Semula Amalan, Penelitian Penyata Kewangan, Pendidikan Profesional Berterusan, Pematuhan Audit, Prosiding Siasatan dan Tatatertib berada di bawah skopnya.

75

aduan diselesaikan



Lebih lanjut di Penilaian Operasi pada muka surat 52

PERUTUSAN PRESIDEN

Pencapaian Utama Kami

Dengan bimbingan Majlis, MIA telah merekodkan pertumbuhan yang dinamik dan peroleh kejayaan dalam pelbagai peristiwa penting untuk tahun 2017/2018.

Untuk mengukuhkan ekosistem perakaunan, MIA telah menubuhkan Pasukan Petugas untuk Memperkukuhkan Profesion Perakaunan (CSAP) dan Pasukan Petugas Pendidikan CSAP.

Untuk memacu profesion, kami terus membangunkan Pelan Tindakan Strategik Jangka Panjang MIA dan memuktamadkan Pelan Operasi 3 Tahun MIA. Kami mengeluarkan Pelan Bertindak Teknologi Digital MIA sebagai panduan untuk ahli-ahli dalam menerima pakai teknologi.

Kami mengukuhkan pautan pihak-pihak berkepentingan dan memperbaiki manfaat ahli menerusi MoU dengan Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA) di samping memperbaharui Perjanjian Pengiktirafan Bersama serta MoU dengan badan-badan perakaunan profesional antarabangsa.

Untuk mengukuhkan tadbir urus dan etika kepimpinan pengurusan, kami mengkaji semula Piagam Majlis dan mesyuarat prosedur serta menyelaraskan carta organisasi MIA secara strategik dengan Pelan Operasi.

Meningkatkan Keterlibatan Ahli

Bagi keterlibatan dengan para ahli yang lebih baik dan menyediakan profesion menghadapi gangguan, MIA telah memperluaskan khidmatnya kepada para ahli dalam tahun 2017/2018, dengan melibatkan mereka melalui pelbagai saluran yang berbeza, seperti sesi dialog dan pendedaran ringkasan mingguan serta surat pekeliling untuk penglibatan dalam menghubungkan dengan ahli-ahli yang kurang diberi perhatian dan sukar didatangi, contohnya menerusi 8 sesi pembukaan penglibatan ahli-ahli termasuk di Pantai Timur. Melalui sesi-sesi ini MIA berjaya:

- mengenal pasti dan memahami isu-isu serta cabaran-cabaran yang memberi kesan kepada para ahli dan profesion;
- berkongsi pengetahuan dan pengalaman ke atas isu-isu ini dan menjelaskan bagaimana MIA berusaha untuk mengukuhkan ahli-ahli dan profesion; dan
- menyampaikan visi dan tujuan MIA dan juga peranan kawal selia dan pembangunannya.

Kami mendapat maklum balas yang mengagumkan daripada para ahli berkenaan dengan sesi-sesi ini, dan akan menggunakan maklum balas ini untuk memperbaiki perkhidmatan kepada para ahli dan membantu mereka menjadi lebih berdaya tahan dalam landskap perniagaan baharu yang mencabar.

Dalam masa yang terdekat, Sistem Maklumat Keahlian MIA (MMIS) yang baharu akan membawa keterlibatan ahli ke tahap yang berbeza, dengan menyampaikan pengalaman yang lebih mengkhusus, interaktif dan lancar yang akan meningkatkan kepuasan ahli apabila berhubung dengan Institut.

Perancangan Masa Depan

Petunjuk kepada kemajuan masa depan MIA ialah untuk meningkatkan pemerkasaan kawal selia menerusi semakan semula Akta Akauntan, yang akan mengukuhkan kedudukan MIA dalam mengawal selia sebagaimana badan pengawal selia yang lain dan menjalankan penguatkuasaan dan tadbir urus yang lebih kukuh. Kami akan terus mengukuhkan perkongsian strategik dengan pihak Kerajaan dan pihak-pihak berkepentingan untuk mencapai pembaharuan kawal selia yang diperlukan untuk mengubah ekosistem perakaunan dan menyokong matlamat membangun negara.

Inisiatif lain adalah untuk meningkatkan sokongan kami kepada ahli supaya mereka mengguna daya tuil teknologi yang bersesuaian bagi kalis masa depan mereka sendiri, dan untuk meningkatkan Amalan Kecil dan Sederhana (SMP) sebagai penasihat perniagaan pilihan oleh Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME).

Penghargaan

Dengan kerjasama semua pihak berkepentingan, Institut mendapat pengiktirafan meluas sebagai pengawal selia dan pembangun profesion perakaunan di Malaysia. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan kepada ahli Majlis, Jawatankuasa-jawatankuasa dan Pasukan Petugas MIA, pasukan pengurusan dan kakitangan, pihak Kerajaan, Majlis Dekan-dekan Perakaunan Universiti Awam Malaysia dan semua pihak berkepentingan MIA yang lain atas sokongan mereka.

MIA akan terus menerajui, menyokong dan bekerjasama dengan pihak-pihak berkepentingan bagi mengukuhkan kawal selia dan pembangunan profesion di Malaysia, yang pastinya mendukung tadbir urus terbaik dan matlamat membangun negara kita.

Presiden Encik Salihin Abang mengaitkan bagaimana MIA terus mengukuhkan khidmat bantuan dan keterlibatannya dengan kumpulan pihak berkepentingan bagi memacu tujuannya ke arah pembangunan negara.

Salihin Abang
Presiden



KENYATAAN KPE

Dr. Nurmazilah Dato' Mahzan
Ketua Pegawai Eksekutif



Menerajui Kolaborasi untuk Pertumbuhan Exponential

Saya berbesar hati untuk berkongsi bahawa MIA telah mencipta nilai yang signifikan merentas pelbagai dimensi bagi pihak berkepentingan kami yang pelbagai dalam tahun yang dilaporkan.

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak berkepentingan kami yang mengalu-alukan usaha kepimpinan kolaborasi kami, yang merupakan gaya pengurusan yang menyokong inisiatif penciptaan nilai kami. Melalui kepimpinan kolaborasi, MIA berjaya bekerjasama dengan pihak berkepentingan untuk sinergi tenaga dan sumber kami untuk mencapai prestasi rekod kami. MIA mencatatkan 23 output utama untuk 2017/2018, berbanding hanya 13 bagi 2016/2017.

Pendekatan kepimpinan kolaborasi kami juga selaras dengan usaha pemikiran dan pelaporan bersepadu kami yang membolehkan kami menghubungkan modal utama kami - intelektual, insan, kewangan, sosial dan juga perhubungan - dan memetakan output dan hasil kami untuk mendapatkan keputusan yang lebih baik.

Pencapaian

Inisiatif kami dirancang secara strategik berikutan dari perbincangan dan penglibatan pihak berkepentingan dengan matlamat utama memacu perkembangan dan pengawalseliaan profesion perakaunan.

Untuk mengukuhkan suara dan impak profesion, MIA meningkatkan keahliannya dengan ketara kepada 34,655. Bagi meningkatkan nilai keahlian, kami menyokong pensijilan ASEAN CPA dan pelbagai MoU dengan badan perakaunan global. Kami juga melaksanakan Sistem Maklumat Keahlian MIA untuk penglibatan ahli yang mengkhusus dan lebih lancar bagi meningkatkan kepuasan ahli.

Lanjutan daripada sambutan Ulang Tahun kami ke-50, video sulung memaparkan 24 akauntan ikonik disiarkan di Astro Awani, dan liputan media arus perdana yang berganda,

mengukuhkan jenama MIA dan reputasi profesion di pasaran tempatan. Kepimpinan kolaborasi telah memperoleh pengiktirafan serantau dan antarabangsa yang lebih besar. Kami adalah yang pertama di ASEAN yang diiktiraf sebagai jurulatih <IR> oleh Majlis Pelaporan Bersepadu Antarabangsa (IIRC) dan terus terlibat secara aktif dalam menyumbang kepakaran kami kepada Persekutuan Akauntan Antarabangsa (IFAC), Persekutuan Akauntan ASEAN (AFA) dan Bank Dunia antara lainnya.

Kami memperluaskan jejak kepimpinan pemikiran dan kecekapan yang ditingkatkan dengan mengeluarkan Rangka Tindakan Teknologi Digital MIA, Rangka Kerja Kompetensi untuk CFO di Syarikat Terserai (PIE), Penyata Kewangan Ilustrasi MPERS edisi kedua, kajian semula pasca pelaksanaan pelaporan juruaudit yang dipertingkatkan dan Soalan Lazim mengenai Piawai Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) 9 dan 15, bersama dengan analisis dan penerbitan lain. Ini disokong oleh 1,026 program CPE melatih dan meningkat kemahiran ahli dan bukan ahli dalam bidang utama yang merangkumi peraturan, piawai, pematuhan dan teknologi.

Kami memperkukuh fungsi penguatkuasaan dengan menyelesaikan kes-kes tertunggak kami, dan meningkatkan penguatkuasaan proaktif terhadap akauntan tidak berdaftar, di samping mengurus risiko reputasi dan melindungi kepentingan awam.

MIA terus memperkaya nilai Persidangan Akauntan Antarabangsa MIA 2017, untuk peserta, penaja dan rakan kongsi. Persidangan ini dihadiri oleh 2,980 peserta pada tahun 2017, yang dipercayai sebagai perhimpunan akauntan terbesar di Malaysia.

Kemampuan kewangan bertambah baik apabila kami mencatatkan hasil tertinggi dalam tempoh lima tahun lepas sebanyak RM41.91 juta, yang akan dapat membantu dalam membiayai pelbagai aktiviti pembangunan dan peraturan kami untuk manfaat pihak berkepentingan dan orang ramai.

Kepimpinan Kolaborasi dan Integrasi Memacu Pertumbuhan Sinergi

Melangkah ke hadapan, kami akan terus menyokong kepimpinan kolaborasi dan pemikiran bersepadu untuk mencapai matlamat dan objektif kami untuk tahun depan, berdasarkan pelan operasi 3 tahun yang telah diluluskan oleh Majlis beserta pelan strategik jangka panjang baharu. Kami akan terus membangunkan penguatkuasaan, kecekapan, modal insan dan teknologi untuk mengukuhkan profesion dan menyokong pembangunan negara.

Di bawah proses perancangan strategik, kami memperhalusi 5 objektif strategik kami menjadi 4 objektif strategik dan 4 pendukung yang menyokong kemampanan dan penciptaan nilai jangka panjang Institut: Insan dan Kebudayaan, Sistem Maklumat dan Teknologi, Dasar, Amalan dan Operasi, dan Pengawasan Kewangan.

Insan dan Kebudayaan merupakan penyumbang utama dan faktor kejayaan material. Di samping memupuk bakat yang berwibawa dan membina budaya berprestasi tinggi, kami akan mengkaji semula carta organisasi untuk menyokong perancangan penggantian dan penciptaan jabatan-jabatan baru dan jawatan kepimpinan eksekutif untuk strategi, sistem dan penambahbaikan proses, serta penggunaan teknologi.

Dalam melaksanakan pendukung ini, kami dipandu oleh amalan pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang mantap. Kami melihat laporan audit dalaman kami dengan serius sebagai pemangkin bagi penambahbaikan operasi dan mengukur kemampanan jangka panjang. Ini memastikan bahawa kami kekal fokus dengan visi pembangunan negara serta pelaksanaan misi dan objektif Institut.

SOALAN & JAWAPAN BERSAMA KPE

Mencipta Lebih Nilai



Q
Teknologi dianggap sebagai memberi kesan kepada profesion perakaunan sehingga akauntan boleh menjadi tidak relevan. Bagaimana MIA memberi maklum balas?

Tidak dinafikan, banyak teknologi baharu yang wujud di bawah payung Revolusi Perindustrian (IR4.0) yang impaknya bukan hanya kepada profesion perakaunan tetapi semua pihak dalam ekosistem tersebut. Kami dapati bahawa ramai ahli melahirkan kebimbangan ketika cuba memahami pelbagai teknologi yang diperkenalkan.

Untuk membantu ahli-ahli kami, MIA memulakan perbincangan tentang teknologi di Persidangan MIA 2016 dan pergiatkan wacana pada tahun 2017. Kami menjalankan pelbagai latihan dan sesi kesedaran termasuklah ceramah pendek, dan melancarkan Rangka Tindakan Teknologi Digital MIA untuk menyediakan pandangan keseluruhan

ahli-ahli dalam empat sektor berbeza – iaitu amalan awam, sektor awam, akademik dan ahli-ahli dalam perdagangan – tentang bagaimana IR4.0 boleh memberi kesan kepada mereka. Dokumen ini juga mengemukakan 5 dasar untuk menyediakan ahli dalam profesion memberi gerak balas yang sesuai kepada IR4.0.

MIA sendiri telah menggariskan pelan dalaman untuk menggerakkan Institut ke aras seterusnya dalam penerimaan pakai teknologi dan memandu kami untuk menjadi organisasi dipacu data.

Q
Bagaimana MIA membangunkan kecekapan untuk mengembangkan profesion?

Pada tahun ini, kami memberi tumpuan secara giat dan rapi kepada penambahbaikan kecekapan.

Satu bidang utama yang kami jalankan ialah untuk meningkatkan kecekapan untuk SMP dan SME. Strategi kami pada tahun lepas ialah untuk melatih seramai mana yang boleh pengamal audit kecil dan sederhana tentang pelaksanaan Piawaian Antarabangsa mengenai Kawalan Kualiti1 (ISQC1) dan meningkatkan kualiti. Kami menjalankan 38 acara latihan tentang Kertas Kerja Audit Ilustrasi dan Panduan Audit untuk Pengamal yang memanfaatkan lebih daripada 1,400 juruaudit. Pada tahun ini, kami akan meneruskan inisiatif ini.

Untuk ahli dalam sektor komersial, kami akan memuktamadkan Rangka Kerja Kompetensi untuk fungsi kewangan. Kami telah melengkapkan Rangka Kerja Kompetensi CFO untuk Syarikat Terserai (PIE).

Untuk memberi sokongan lanjut kepada Rangka Kerja Kompetensi CFO, kami bercadang untuk menubuhkan kelab CFO dan menganjurkan pelbagai aktiviti termasuklah perbincangan meja bulat untuk manfaat mereka.

KPE Dr. Nurmazilah Dato' Mahzan menjelaskan inisiatif MIA untuk membawa perkembangan dan pengawalan profesion ke aras seterusnya.

Masnita Shaari
Ketua
Audit Dalaman

Awang Khalis Awang Suhaili
Ketua
Bakat & Modal Insan

**Dr. Nurmazilah
Dato' Mahzan**
Ketua Pegawai Eksekutif



Q

Pada tahun lepas, anda membincangkan tentang pelaksanaan cadangan Jawatankuasa untuk Memperkukuhkan Profesion Perakaunan (CSAP) dengan panjang lebar. Sila kemas kini kemajuannya.

Pada tahun lepas, kami telah terlibat dengan pelbagai pihak berkepentingan untuk mempercepatkan pelaksanaan cadangan CSAP yang akan membawa kepada pindaan terhadap Akta Akauntan 1967. Rangka Kerja Kompetensi MIA yang baharu, yang akan menjadi kriteria garis dasar untuk keahlian sedang menunggu kelulusan. Kami akan terus bekerja rapat dengan pihak berkepentingan.

Q

Untuk sementara, bagaimana MIA meningkatkan penguatkuasaan?

Ketika menanti akan perubahan kepada Akta untuk meningkatkan penguatkuasaan, MIA terus melindungi kepentingan awam melalui proses penguatkuasaan aktif berasaskan kuasa yang terdapat di dalam Akta semasa. Sehingga suku keempat tahun kewangan, kami mengambil pendekatan penguatkuasaan proaktif dalam mengatasi isu akauntan tidak berdaftar.

PASUKAN PENGURUSAN

Dato' Muhammad Redzuan Abdullah
Pengarah Eksekutif
Pengawasan & Penguatkuasaan

G. Shanmugam
Pengarah Eksekutif
Strategi & Pembangunan

Dr. Nurmazilah Dato' Mahzan
Ketua Pegawai Eksekutif

Simon Tay Pit Eu
Pengarah Eksekutif
Teknikal & Amalan Profesional

Datin SK Yap
Pengarah Eksekutif
Keahlian & Operasi



Memimpin dengan Strategik.

Statistik Pengurusan Penting



Kombinasi pengalaman profesional

147
tahun




Purata umur

54
tahun

VISI UNTUK MASA DEPAN

Mentadbir Profesion dengan kepimpinan berkolaborasi untuk membangunkan negara

Struktur Organisasi MIA



RANGKA TINDAKAN TEKNOLOGI DIGITAL MIA

Rangka tindakan ini menjadi panduan kepada profesional perakaunan tentang bagaimana untuk merumus dan melaksana pelan transformasi teknologi yang sesuai dengan keperluan unik mereka, agar mereka bersedia dengan ekonomi digital dan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0)

Impak Penting ke atas Ahli-ahli MIA

Teknologi akan mengubah bagaimana para ahli bekerja dalam dua cara: pertama, akauntan akan menggunakan teknologi yang canggih secara berterusan untuk meningkatkan produktiviti, dan kedua, teknologi akan menggantikan proses yang biasa dan rutin harian untuk membolehkan para akauntan menjalankan tugas yang lebih strategik dan bernilai tinggi.

Perdagangan dan Industri



Digital dan data adalah dua daya utama yang mengganggu peranan dan jangkaan ketua-ketua kewangan dan fungsi-fungsi kewangan. Ketua-ketua kewangan mesti mempunyai pengetahuan untuk menilai dan melaksanakan inisiatif teknologi yang mana pertamanya, meningkatkan fungsi kewangan sebagai rakan kongsi strategik dan perniagaan dan kedua, membawa nilai holistik kepada organisasi. Sains data dan analitik data adalah kemampuan kritikal untuk fungsi-fungsi kewangan untuk masa depan bagi menguruskan risiko dan ketidakpastian, mempengaruhi keputusan yang dibuat, serta menerajui dan merancang strategi dengan lebih efektif.

Amalan Awam




Teknologi memberi kesan ke atas firma-firma amalan awam tanpa mengira saiz. Firma besar harus melabur dalam teknologi yang biasa diguna pakai dalam pengauditan pada hari ini, iaitu analitik data, kecerdasan buatan dan teknologi kognitif, atau berisiko menjadi tidak relevan. SMP akan menjadi paling terkesan disebabkan oleh kemunculan teknologi seperti teknik audit bantuan komputer (CAATs), pengkomputeran awan, dan perisian perancangan sumber perusahaan (ERP). Semua ini akan meningkatkan produktiviti SMP agar mereka boleh memberi tumpuan kepada menasihati klien dan membantu mereka merangka strategi.

Akademik



Para ahli dalam sektor akademik haruslah mengetahui tentang teknologi bagi menghasilkan bakat tersedia untuk pasaran dan memastikan bahawa penyelidikan perakaunan dan inovasi adalah relevan untuk perniagaan. Sebagai pendidik, para ahli dalam sektor akademik perlu mematuhi piawaian yang baharu dan berkembang tentang teknologi digital dalam pendidikan perakaunan, yang akan menjelaskan tentang kemahiran yang bersesuaian Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) tertentu yang diperlukan oleh profesional perakaunan. Tambahan lagi, teknologi digital memudahkan para ahli akademik dalam proses penyelidikan mereka dari setiap sudut.

Sektor Awam



Memandangkan fungsi kewangan sektor awam merangkumi perakaunan akruan, ia akan menyamai fungsi kewangan di sektor swasta dengan peranan dan jangkaan yang setanding, seperti menyediakan analisis dan tinjauan untuk menyokong pembuatan keputusan dan melaksanakan projek transformasi teknologi yang memacu nilai organisasi. Oleh itu, ketua-ketua kewangan sektor awam perlu ada kebolehan yang setanding dalam teknologi pintar, sains data dan analitik data.

Maju ke hadapan dengan Lima Prinsip

Rangka tindakan ini menyenaraikan 5 prinsip penggerak yang menjadi panduan kepada profesion perakaunan di Malaysia untuk bertindak balas sewajarnya kepada teknologi digital. Profesion perlu menyediakan pelan tindakan mereka berdasarkan prinsip-prinsip ini. MIA perlu memainkan peranan berpusat bagi menyokong ekosistem dalam pelaksanaan 5 prinsip tersebut.

	Akauntan	MIA
Prinsip 1 Menilai aliran teknologi	Peka tentang aliran teknologi digital dan menilai bagaimana ia akan memberi kesan kepada peranan mereka.	Memberi kesedaran tentang aliran teknologi dan penilaian tentang bagaimana ia memberi kesan kepada para ahli.
Prinsip 2 Kenal pasti kemampuan	Kenal pasti kemampuan, membangunkan kemahiran yang dibezakan dan membuat pembaharuan ketika bertindak balas kepada perubahan.	Menyediakan latihan dan sijil yang berkaitan untuk ahli-ahli bagi meningkatkan kemampuan.
Prinsip 3 Memanfaatkan teknologi digital	Memanfaatkan penggunaan teknologi digital yang sesuai.	Menggalakkan penerimaan pakai teknologi digital dan meneroka kerjasama dengan pihak-pihak berkepentingan yang relevan.
Prinsip 4 Pendanaan	Menentukan dana yang diperlukan dan kenal pasti pilihan pendanaan.	Kerjasama dengan pembuat polisi tentang insentif dan geran.
Prinsip 5 Tadbir urus	Berpegang teguh kepada amalan tadbir urus yang baik menerusi penerimaan pakai keperluan industri dan kawal selia.	Membangun dan menggalak tadbir urus baik dalam penggunaan dan penerimaan pakai teknologi digital.

A black and white photograph of a woman with short dark hair and glasses, wearing a vertically striped shirt, speaking into a microphone. She is standing and facing slightly to the right. In the background, a large audience of people is seated, listening attentively. The setting appears to be a conference or seminar. A thin orange diagonal line runs across the upper right portion of the image.

HALA TUJU SMP MIA 2015 – 2020

Hala tuju ini menjadi panduan kepada transformasi pengamal-pengamal kecil dan sederhana (SMP), penasihat perniagaan utama kepada perusahaan kecil dan sederhana (SME) yang menjadi tulang belakang kepada ekonomi Malaysia


Cabaran-cabaran yang dihadapi oleh SMP

Hala tuju SMP berusaha untuk mengukuhkan kecekapan serta keupayaan SMP dan memperkasa kepada mereka untuk menyelesaikan cabaran-cabaran yang mereka hadapi.



Tiga Teras Strategik untuk Menangani Cabaran

- Penambahan Kualiti
- Pembangunan Keupayaan dan Perkembangan Kemampuan
- Pembaharuan Profesional



3 pihak berkepentingan adalah kritikal dalam membangunkan dan menyediakan perkhidmatan sokongan kepada SME: SMP, MIA dan Kerajaan

- 1 Bertindak sebagai pusat tumpuan tentang isu-isu SMP dan membangunkan perkongsian dengan industri dan Kerajaan
- 2 Kerjasama SMP-Industri
- 3 Sokongan terhadap dasar

Bagaimana Kemajuan MIA untuk Setiap Teras Strategik?



Teras Strategik 1
Penambahan Kualiti



Program CPE dalam Audit dan ISQCI distrukturkan



Program Penilaian Kualiti



Penyata Kewangan Ilustrasi MPERS



Laman Sesawang Khusus SMP dan sudut SMP dalam Accountants Today



Buku Panduan untuk Audit dan Kertas Kerja Ilustrasi

Membangun dan Menambah Kecekapan Teknikal dan Kualiti SMP



Teras Strategik 2
Pembangunan Keupayaan dan Perkembangan Kemampuan



Teras Strategik 3
Pembaharuan Profesional

Memastikan kawal selia dan persekitaran amalan berkembang tetapi kekal relevan dan sesuai untuk profesion di Malaysia.



KAD KEISTIMEWAAN KEAHLIAN DIGITAL MIA

*Manfaat dan keistimewaan eksklusif
mencipta nilai dan meningkatkan
kepuasan ahli-ahli*



Kad Keistimewaan Keahlian Digital MIA



Kad Keistimewaan Keahlian Digital MIA (E-kad MIA) mula diperkenalkan pada 24 September 2016 khusus untuk ahli-ahli MIA bagi meningkatkan iltizam ahli dan meletakkan perakaunan sebagai profesion yang menarik. Objektif utama adalah menyediakan capaian untuk ahli kepada manfaat dan keistimewaan gaya hidup, juga ciri-ciri tambahan seperti surat pekeliling serta paparan dan mengemaskini profil ahli. E-kad MIA kemudiannya ditingkatkan ke versi 2.0 dengan lebih banyak ciri-ciri yang membolehkan bukan ahli mengaksesnya. Antara ciri-ciri utamanya adalah:

- Kad Keahlian Digital dengan kod QR
- Berita Terkini dan Kemaskini dari Institut
- Lihat dan Kemaskini Profil Keahlian
- Lihat dan Bayar Yuran Tahunan Keahlian
- Lihat Surat Pekeliling Terkini
- Hantar E-maklum balas, Aduan atau Pertanyaan Teknikal
- Lihat Program Latihan CPE Terkini
- Kursus Induksi Ahli Atas Talian



14,295

Muat turun

Kategori Manfaat & Keistimewaan



Automobil



Makan



Kewangan
& Insuran



E-sumber



56

Manfaat &
keistimewaan
gaya hidup



Kesihatan &
Kecergasan



Hartanah



Melancong &
Masa Lapang



Berbelanja

PIHAK BERKEPENTINGAN KAMI

Melibatkan Pihak berkepentingan



	Kerajaan	Pengawal selia
Bagaimana kami terlibat?	MIA terlibat secara proaktif dengan Kerajaan bagi menyokong pemerkasaan reformasi kawal seliaan, memperbaiki pendidikan perakaunan, juga meningkatkan pengurusan kewangan sektor awam yang mendukung tadbir urus baik dan kepercayaan awam. Secara khususnya, kami: • Menyokong Kerajaan untuk memperbaiki pengurusan kewangan awam dan penyampaian perkhidmatan • Terlibat dengan isu-isu yang relevan seperti reformasi pengawalseliaan Akta Akauntan 1967, perakaunan akruan, tadbir urus, pendidikan dan percukaian • Menubuhkan Jawatankuasa Teknikal bersama Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)	Untuk memperkukuhkan landskap pengawalseliaan dan menyokong pendiriannya tentang isu penting melibatkan profesion, MIA bekerjasama rapat dengan rakan pengawalseliannya dan memberi komentar berterusan terhadap kertas konsultasi yang dikeluarkan oleh pengawal selia dan pembentuk piawaian
Apa maklum balas mereka?	• Kerajaan mengiktiraf sumbangan, perakuan dan sokongan kami • Agensi Kerajaan bekerjasama dengan MIA untuk membangunkan kecekapan bakat mereka melalui latihan khas	• Memaklumi pandangan dan sumbangan kami • Kerjasama dengan MIA untuk memperkukuh penguatkuasaan, tadbir urus dan kepercayaan awam cth. tentang mempertingkatkan pelaporan juruaudit (EAR)
Bagaimana kami responds?	• Menangani isu-isu/ perkara yang timbul • Menerusi Jawatankuasa Teknikal Bersama dengan MQA, kami berikhtiar untuk mencapai keharmonian dalam proses akreditasi • Membentuk dan menghasilkan kandungan khusus untuk memperbaiki penyampaian perkhidmatan awam, tadbir urus dan pengurusan kewangan cth. CPE tentang percukaian dan audit dalaman sektor awam • Meneruskan usaha-usaha dalam memperkasa reformasi pengawalseliaan Akta Akauntan dan perkara-perkara penting yang lain yang melibatkan profesion	• Mengutamakan dan melibatkan isu-isu yang mempengaruhi pengawalan dan perkembangan profesion perakaunan, seperti EAR, akauntan tidak berdaftar, dan pelaksanaan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS)

MIA berhubung secara giat dengan pihak-pihak berkepentingan menerusi pelbagai saluran, menggunakan pendekatan yang digemari iaitu kepimpinan terbuka dan kolaborasi



Para Ahli

MIA terlibat secara giat melalui pelbagai saluran dengan ahli-ahli untuk meningkatkan kepuasan ahli dan tambah nilai, juga membangunkan kecekapan dan mewajibkan kelakuan baik untuk melindungi kepentingan awam. Saluran ini termasuklah: menerusi kaji selidik, program latihan dan siri CPE, ceramah ihsan, modul e-pembelajaran, dan komunikasi maya, borang penilaian, dan sesi keterlibatan ahli.

Inisiatif utama kami termasuklah:

- Kad Keistimewaan Keahlian Digital MIA
- Rangka Tindakan Teknologi Digital MIA, ceramah dan persidangan, dan platform Pengesahan e-Bank untuk mempersiapkan ahli terhadap gangguan digital
- Inisiatif kecekapan dan perkembangan khusus untuk segmen ahli utama cth. Hala Tuju SMP dan edisi kedua Penyata Kewangan Ilustrasi MPERS, Rangka Kerja Kompetensi CFO untuk PIE, Program Pelatihan Mini Kewangan Islam
- Pembangunan Rangka Kerja Kompetensi MIA (CFM) telah lengkap, hanya menunggu kelulusan. CFM dijangka menjadi garis dasar keperluan untuk memperakui ahli-ahli menurut pelan Institut bagi membentuk profesion yang lebih inklusif dengan melebarkan kategori keahlian

- Lebih ramai ahli mendaftar, menjadikan jumlah keahlian seramai 34,655 pada 30 Jun 2018
- Keputusan awal daripada Kaji Selidik Kepuasan Ahli MIA 2018 mendapati lebih kurang 79% responden berpuashati dengan Institut dan 81% bangga dikaitkan dengan MIA
- Menyediakan saluran e-maklum balas untuk pujian dan kritikan konstruktif
- 86% ahli meluahkan kepuasan terhadap program latihan CPE
- Terlibat secara aktif dengan urusan teknikal dan bukan teknikal
- 77% ahli meluahkan kepuasan terhadap keistimewaan dan manfaat Kad Keistimewaan Keahlian Digital MIA

- Membangun dan menjalankan Kaji Selidik Kepuasan Ahli MIA 2018
- Terus menganjurkan program berkualiti dan memastikan keperluan dipenuhi
- Berterusan menangani aduan dengan tindakan dan penyelesaian
- Anjurkan lebih keterlibatan dan acara latihan CPE di peringkat serantau
- Terus melibatkan ahli tentang perkara teknikal dan bukan teknikal
- Tingkatkan nilai kepada ahli dengan membentuk platform untuk dapatkan maklum balas
- Persiapkan ahli untuk gangguan digital menerusi Rangka Tindakan Teknologi Digital MIA, ceramah dan persidangan, platform Pengesahan e-Bank
- Bentuk inisiatif kecekapan dan perkembangan khusus untuk segmen ahli utama cth. Hala Tuju SMP dan edisi kedua Penyata Kewangan Ilustrasi MPERS, Rangka Kerja Kompetensi CFO untuk PIE, Program Pelatihan Mini Kewangan Islam dan buku teks Kewangan Islam dengan aplikasi Piawaian Pelaporan Kewangan antarabangsa (IFRS) yang baharu



Organisasi Perakaunan Profesional

MIA bekerjasama giat dengan badan perakaunan tempatan, serantau dan global untuk memperkembangkan profesion bagi pembangunan negara. Inisiatif bersama kami termasuklah:

- Melengkapkan 6 Program Penilaian Kualiti bersama dengan Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA) untuk menilai prestasi Amalan Kecil dan Sederhana (SMP) dan mengeluarkan 4 laporan kemajuan
- Menjalankan kursus pembangunan profesional jenama bersama dan jenama bersama program Melatih Jurulatih
- Memperbaharui MOU untuk menggalakkan saluran khas untuk ahli MIA

- Mengalu-alukan peluang untuk kolaborasi acara jenama bersama
- Berpuas hati dengan perkongsian yang menggalakkan penjenamaan dikalangan keahlian MIA dan profesion perakaunan

- Dapatkan lebih peluang untuk meningkatkan perkongsian dan menggalakkan peluang kerjasama
- Mengalu-alukan permintaan dan pertanyaan tentang perkongsian
- Memperkenalkan terma perkongsian menang-menang
- Merancang platform baru dan acara untuk penjenamaan dan keterlibatan

PIHAK BERKEPENTINGAN KAMI

Melibatkan Pihak berkepentingan



	Firma-firma Perakaunan	Para Akademik
Bagaimana kami terlibat?	MIA terlibat secara giat dengan firma perakaunan untuk membangunkan dan mengawal selia mereka bagi mendukung tadbir urus terbaik dan kepentingan awam. Dalam tahun ini kami telah mencapai perkara berikut: • Menyediakan platform untuk firma-firma berbincang dan mendebatkan isu-isu dan menawarkan panduan atau konsesus • Memudahkan permohonan Sijil Amalan, permohonan dan pembaharuan lesen audit, menubuhkan firma audit dan bukan audit dan penukaran kepada Perkongsian Liabiliti Terhad • Penguatkuasaan proaktif ke atas akauntan tidak berdaftar • Penguatkuasaan pematuhan CPE dan audit CPE • Pelaksanaan rangka kerja kajian semula amalan yang disemak • Menerbitkan panduan teknikal yang dibangunkan sendiri tentang pengauditan, percukaian, MFRS 9 dan 15 dan juga konsensus Jawatankuasa Pelaksanaan Piawaian Pelaporan Kewangan (FRISC) • Mengeluarkan <i>Enhanced Auditors Report: A review of first-year implementation experience in Malaysia</i> (EAR) untuk meningkatkan kualiti audit dan memacu pematuhan dengan piawaian pengauditan global	MIA akan membangunkan keupayaan dan kecakapan para akademik bagi meningkatkan kualiti pendidikan perakaunan, kemudiannya memupuk bakat yang memenuhi jangkaan majikan. Kami melibatkan para akademik dengan: • Menawarkan nasihat kewangan untuk membantu universiti dan institusi pengajian tinggi memperbaiki pengurusan kewangan mereka • Memberikan geran penyelidikan melalui Yayasan Pendidikan dan Penyelidikan Perakaunan Malaysia (MAREF) • Menganjurkan program Latihan CPE dan Melatih Jurulatih yang dibentuk khusus untuk para akademik • Terlibat dengan MoE tentang kepentingan menerapkan teknologi digital ke dalam kurikulum perakaunan
Apa maklum balas mereka?	• Firma mengalu-alukan platform untuk menyelesaikan sebarang perbezaan dan mencapai amalan tekak • Firma, terutamanya SMP, mengalu-alukan sokongan lanjut dan inisiatif untuk mengukuhkan mereka dalam persekitaran yang mencabar, seperti bengkel dan forum	• Universiti dan institusi pengajian tinggi menghargai MIA melibatkan mereka dalam literasi kewangan dan kemampanan • Penyelidik mengalu-alukan peluang dan dana untuk meneruskan projek perakaunan khusus • Amat berpuashati dengan program CPE dan Melatih Jurulatih • MoE memaklumi tindakan segera menggabungkan set kemahiran baharu dalam pendidikan perakaunan disebabkan oleh transformasi teknologi
Bagaimana kami responds?	• Kekalkan platform untuk perbincangan dan mengurangkan perbezaan dalam amalan • Terus melaksanakan inisiatif dan program berterusan, cth. Hala Tuju SMP dan program Kajian Semula Amalan yang disemak	• Berikan lebih nasihat tentang literasi kewangan dan pengurusan kepada institusi pengajian tinggi • Terus membuka peluang untuk menyokong penyelidikan • Menjalankan lebih acara untuk para akademik • Membuka lebih peluang untuk meningkat kemahiran para akademik menerusi program CPE dan Melatih Jurulatih • Menjalankan lebih banyak ceramah kesedaran dan terlibat dengan universiti untuk kalis masa depan kurikulum mereka bagi menghasilkan bakat yang cekap



Awam	Persatuan Global	Syarikat
MIA berusaha untuk mendukung tadbir urus terbaik dan melindungi kepentingan awam dengan mengambil tindakan proaktif dan menyalurkan penguatkuasaan seimbang. Kami melibatkan orang awam melalui: • Mendedahkan risiko menggunakan perkhidmatan perakaunan tidak berdaftar • Menawarkan pelbagai program bukan teknikal sama ada secara percuma atau dengan yuran yang berpatutan • Memberi perkhidmatan kepada pejabat Serantau kami di Johor, Utara Semenanjung, Sabah dan Sarawak	Institut terlibat secara aktif dalam badan-badan serantau dan antarabangsa seperti Persekutuan Akauntan ASEAN (AFA) dan Persekutuan Akauntan Antarabangsa (IFAC) untuk menyatakan pendirian dan menyokong perkara-perkara yang melanjutkan objektif strategiknya. Tindakan utama dalam tahun ini termasuklah penyertaan kami di mesyuarat AFA dan IFAC, mengeluarkan 10 komentar tentang dokumen konsultatif yang diterbitkan oleh pembentuk piawaian dan agensi antarabangsa, dan kerjasama dengan Majlis Pelaporan Bersepadu Antarabangsa (IIRC) untuk meningkatkan sokongan dan pendidikan <IR>	MIA bekerja rapat dengan ahli-ahli dalam perdagangan dan industri untuk memperkukuh fungsi kewangan dan menyokong aktiviti ekonomi, melalui inisiatif berikut: • Menyokong <IR> untuk pelaporan korporat cemerlang • Menyusun program latihan dalaman mengikut kehendak • Dapatkan dan libatkan pandangan daripada syarikat-syarikat tentang Rangka Kerja Kompetensi bagi fungsi kewangan • Menjalankan kempen kesedaran tentang MIA dan laluan menjadi C.A.(M) di syarikat-syarikat tersenarai awam • Mengajukan Anugerah Laporan Korporat Tahunan Kebangsaan (NACRA) • Menyokong kecemerlangan pelaporan melalui hasil penemuan Jawatankuasa Penelitian Penyata Kewangan • Melengkapkan Rangka Kerja Kompetensi untuk CFO di PIE
• Orang awam memahami manfaat mendapatkan khidmat perakaunan yang tulen • Berpuashati dengan kualiti program latihan • Penyertaan bukan ahli meningkat setiap tahun • Penerimaan baik perkhidmatan serantau	• Mengiktiraf kehadiran kami di peringkat serantau dan antarabangsa, juga menghargai pandangan serta sumbangan kami • IIRC melantik MIA sebagai jurulatih <IR> serantau yang pertama untuk ASEAN • Jemputan untuk berucap di acara antarabangsa	• Sekurang-kurangnya 43 syarikat telah berikrar untuk sama ada akan menerima pakai atau telah menerima pakai <IR> • Lebih banyak syarikat menyertai Anugerah Laporan Korporat Tahunan Kebangsaan (NACRA) 2018 • Berpuas hati dengan latihan dalaman • Syarikat menyumbang pandangan mereka tentang Rangka Kerja Kompetensi untuk CFO di PIE • Kakitangan perakaunan di syarikat sasaran mengetahui tentang MIA, peranannya dan laluan menjadi C.A. (M)
• Terus mendukung kepercayaan awam dan menyokong ahli-ahli memperbaiki reputasi profesion • Terus menganjurkan program berkualiti • Perkukuh tindakan tegas ke atas akauntan tidak berdaftar	• Terus terlibat secara aktif dalam perkembangan profesion perakaunan di arena serantau dan antarabangsa, contohnya dengan memperjuangkan pensijilan ASEAN CPA • Terus menyokong secara aktif untuk <IR> di peringkat kebangsaan dan serantau	• Terus menyokong <IR>, sebagai jurulatih bertauliah pertama untuk ASEAN • Terus mempromosikan program sesuai yang disusun mengikut kehendak yang memenuhi keperluan korporat • Melaksanakan Rangka Kerja Kompetensi untuk CFO di PIE bagi merapatkan jurang kecekapan dan meningkatkan persepsi CFO • Terus membangunkan kesedaran tentang MIA dan C.A. (M)

PIHAK BERKEPENTINGAN KAMI

Melibatkan Pihak berkepentingan



	Pekerja	Bakat	Media
Bagaimana kami terlibat?	Memetakan saluran perkembangan bakat yang jelas dan perancangan penggantian adalah dua daripada strategi penting dijalankan oleh MIA untuk mengekalkan kecekapan bakat yang tinggi, bagi menyokong pencapaian objektif strategik dan memastikan persaingan pasaran kita	Untuk membangunkan keupayaan dan kedudukan perakaunan sebagai profesion pilihan, MIA terlibat secara aktif dengan sekolah dan universiti untuk menarik minat belia dalam perakaunan dan melantik duta MIA untuk berkongsi pengalaman kerja mereka dengan pelajar dan bakal akauntan	Untuk membangunkan jenama dan reputasi MIA dan profesion, kami aktif menyokong untuk meningkatkan liputan media bagi isu-isu berkenaan profesion perakaunan, dekati media untuk penerbitan artikel/penulisan/siaran akhbar tertentu, dan memberi maklum balas kepada permintaan media untuk temuduga yang makin bertambah
Apa maklum balas mereka?	Kakitangan mengalu-alukan usaha pengurusan untuk membangun dan memperkasa mereka	- Lebih ramai belia mendaftar untuk program perakaunan - Penyertaan yang hebat dalam acara seperti kuiz perakaunan dan ceramah kerjaya - Mengalu-alukan interaksi dengan Duta MIA	- Media mengalu-alukan naratif baharu yang menarik, dan menyediakan pertambahan liputan atas isu-isu perakaunan di platform mereka - Meningkatnya permintaan untuk temuduga eksklusif
Bagaimana kami responds?	- Mengagihkan lebih tanggungjawab dan mengiktiraf serta memberi ganjaran kepada mereka yang cemerlang - Melantik mentor dan jurulatih untuk memandu dan mengukuhkan bakat - Menyediakan peluang untuk pemilikan serta terlibat dalam projek yang mencabar dan bermakna untuk pertumbuhan profesional	- Terus menganjurkan acara seperti kuiz kebangsaan, persidangan, pertandingan, anugerah, ceramah kerjaya, pesta kerjaya dan kempen kesedaran untuk menarik belia - Melantik lebih ramai Duta MIA	- Perhalus dan melaksana pelan komunikasi strategik MIA untuk memandu keterlibatan media - Dapatkan media sebagai rakan kongsi dalam usaha kita untuk menyokong akauntan sebagai pembangun negara



Pakar Bidang (Rakan Kongsi & Penceramah)

Rakan kongsi dan penceramah mahir adalah penting untuk menyampaikan program CPE yang berkualiti bagi membantu MIA mengekalkan kepimpinan dan kecekapan dalam latihan perakaunan profesional. MIA terus mencari calon yang sesuai dan mendekati rakan kongsi bereputasi baik dan penceramah luar biasa untuk turut sama menganjur dan memudahkan program CPE

- Menghargai pengiktirafan dan peluang untuk berkongsi pengetahuan, terlibat dengan peserta, dan menggunakan daya tuil ke atas platform MIA untuk penjenamaan

- Berunding tentang keterlibatan manfaat bersama dan terma perkongsian untuk menarik dan mengekalkan penceramah dan rakan kongsi
- Menjejaki pakar baharu untuk kelainan dan tambah nilai kepada CPE

Jawatankuasa & Pasukan Petugas

Institut menghargai dan menerima sumbangan oleh sukarelawan yang bermurah hati berkongsi masa dan pengalaman mereka untuk membantu mencapai objektif strategik MIA dan tujuan pembangunan negara. Untuk menyokong dan melengkapi usaha Pengurusan dan kakitangan, Majlis telah menubuhkan beberapa Jawatankuasa dan Pasukan Petugas utama, antaranya adalah Jawatankuasa Profesional Muda menumpukan kepada memperkembangkan bakat. Pasukan Petugas Digital Ekonomi pula memacu penerimaan pakai teknologi manakala Jawatankuasa Semakan Amalan serta Lembaga Penyasatan dan Tatatertib menguruskan perkara-perkara yang berkaitan dengan penguatkuasaan

- Menghargai pengiktirafan dan peluang untuk menyumbang kepada peraturan profesion, perkembangan dan tujuan pembangunan negara

- Mengalu-alukan panduan dan sokongan Jawatankuasa dan Pasukan Petugas
- Memastikan Jawatankuasa dan Pasukan Petugas adalah terdiri daripada pemimpin pasaran dan pakar bidang
- Pelbagai Jawatankuasa dan Pasukan Petugas untuk optimum nilai dan menjaga kepentingan awam

FAKTOR MATERIAL

Faktor Material	Deskripsi	Apakah risiko dan peluang?
 Akta Akauntan 1967	Ini ialah perundangan penting yang menganugerahkan MIA dengan kuasa statutori untuk mengawal selia profesion perakaunan di Malaysia	Pembaharuan kepada Akta akan memberi lebih kuasa kepada MIA dalam menjatuhkan hukuman mengikut peraturan yang ditetapkan. Sekiranya pembaharuan kepada Akta ini dilengahkan, tadbir urus dan reputasi profesion mungkin terjejas
 Tadbir urus	MIA menyokong tadbir urus baik yang disokong oleh teras nilai profesion iaitu integriti, akauntabiliti dan kepercayaan, untuk meningkatkan pengurusan kewangan sektor awam, tadbir urus korporat dan mendukung kepentingan awam	Memperkuhkan pengurusan kewangan sektor awam memberi impak secara terus dan positif kepada kerajaan sektor awam yang baik dan penyampaian perkhidmatan awam. Manakala pengurusan kewangan sektor awam yang teruk, melemahkan tadbir urus dan membuka jalan untuk rasuah dan ketirisan Dengan membangunkan dan mengawal selia akauntan, MIA boleh menghalang akauntan dan juruaudit tidak berdaftar, dengan itu meningkatkan keprofesionalisme dan kepercayaan. Gagal untuk membangun dan mengawal selia akauntan akan menyaksikan pertumbuhan akauntan tidak beretika dan akauntan tidak berdaftar, merosakkan profesion dan perniagaan juga masyarakat secara keseluruhannya
 Bakat	MIA merekrut dan mengekalkan bakat yang cekap dan profesional untuk memacu objektif strategik kami MIA mengembang dan meningkatkan kemahiran bakat melalui saluran bakat untuk memenuhi jangkaan majikan yang meningkat dan pertumbuhan permintaan pasaran untuk akauntan profesional	Pengrekrutan modal insan dan pengekalan risiko boleh memesongkan tujuan MIA, manakala kewujudan bakat berprestasi tinggi akan membantu MIA mencapai objektif strateginya Bakat perakaunan berkompetitif tinggi merapatkan jurang bakat dan membantu menyemarakkan persaingan ekonomi dan perkembangan sosial. Sebaliknya, risiko profesion perakaunan Malaysia menjadi kurang kompetitif dalam peningkatan pasaran global yang rumit, manakala kemampuan perniagaan dicabar oleh kekurangan bakat

MIA mendefinisi faktor material sebagai perkara utama yang memberi impak kepada penciptaan nilai kami.

Apa yang kita lakukan untuknya?	Bagaimana ini berkait dengan pihak berkepentingan?
Kami terlibat secara proaktif dengan Kerajaan untuk memperbaiki Akta, justeru menjadikan tadbir urus lebih baik dan peraturan yang seimbang 	Peraturan yang seimbang membolehkan MIA meningkatkan tadbir urus dan lebih melindungi kepentingan semua pihak berkepentingan, terutamanya kepercayaan awam 
MIA terlibat secara proaktif dengan Kerajaan untuk menjelaskan perspektif MIA tentang pengurusan kewangan sektor awam dan membayar cukai yang betul, berdasarkan pematuan pelaporan kewangan dengan piawaian global cth. Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS), Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) MIA memperkukuhkan kod etika untuk akauntan profesional dengan meminda Undang-undang Kecil MIA (Tentang Etika, Kelakuan dan Amalan Profesional) (Undang-undang Kecil MIA) bagi mengharmonisasikan dengan piawaian etika antarabangsa yang dikaji semula 	Penyampaian perkhidmatan awam yang cemerlang, tadbir urus dan reputasi bergantung kepada pengurusan kewangan sektor awam profesional yang mematuhi piawaian global dan disokong oleh integriti Profesion perakaunan yang dipercayai meningkatkan kredibiliti dan reputasi profesion, dan menyediakan jaminan tadbir urus yang baik kepada pasaran dan awam 
MIA memetakan definisi saluran perkembangan bakat dan perancangan penggantian bagi memastikan bakat dikekalkan dan kemampunan organisasi MIA menyampaikan pendidikan profesional berterusan dan latihan yang dipetakan menurut Rangka Kerja Kompetensi 	Bakat yang cekap, profesional dan dipercayai membolehkan kami menyampaikan perkhidmatan berkualiti dan amat memuaskan semua pihak berkepentingan kami MIA menghasilkan akauntan profesional yang dipercayai yang menyokong matlamat pembangunan sosial dan ekonomi 


FAKTOR MATERIAL

Faktor Material	Deskripsi	Apakah risiko dan peluang?
 Pematuhan & Piawaian	Profesion menerima impak yang besar dengan perubahan kepada peraturan dan piawaian yang memerlukan peningkatan tadbir urus yang baik	Tadbir urus yang baik berpunca dari pematuhan bermatlamat yang disokong oleh nilai teras dan ia memperkukuh reputasi profesion dan negara. Sebaliknya, sekiranya peraturan-peraturan tempatan dan global dicerobohi, ia akan mendedahkan pihak berkepentingan kepada risiko tadbir urus, reputasi dan litigasi Reputasi, keterbandingan dan daya saing pasaran Malaysia akan meningkat sekiranya pelaporan luaran patuh kepada pelaporan global, piawaian jaminan dan amalan terbaik. Ketidakpatuhan pasaran akan diketepikan oleh pelabur dan pihak berkepentingan
 Teknologi	Profesion menerima impak besar oleh kehadiran teknologi dan gangguan digital yang mengubah landskap perniagaan dan kerja	Takluki teknologi seperti kecerdasan buatan, rantai blok dan analitik data membuka pandangan dan peluang baharu kepada akauntan. Enggan untuk menakluki mendedahkan mereka kepada risiko modal insan dan kecekapan, manakala risiko menjadi tidak relevan dalam ekonomi digital
 Kemapanan Kewangan	Kemapanan kewangan MIA menyokong aktiviti pembangunan dan peraturannya	Kemapanan kewangan yang kukuh menyokong usaha keterlibatan, pembangunan dan kawal selia Kemapanan kewangan yang lemah akan menghalang kami daripada memenuhi mandat untuk mengawal selia dan mengembangkan profesion, mungkin mengurangkan pengaruh dan reputasi Institut dan profesion
 Kepimpinan Kolaborasi dengan Pihak Berkepentingan	Pendekatan kepimpinan kolaborasi kami membolehkan MIA menggunakan daya tuil atas kekuatan kolektif dan aset bagi hubungan pihak berkepentingan kami yang berbeza, untuk mencapai objektif strategik kami	Kepimpinan kolaborasi membolehkan kami artikulat dan menyokong pendirian kami tentang isu-isu material dan kepentingan profesion, dengan itu memacu objektif strategik kami ke hadapan Kekurangan kolaborasi akan menghalang keterlibatan dan sokongan kami, dan berpotensi membantutkan misi MIA untuk membangun dan mengawal selia profesion

MIA mengenal pasti dan mengutamakan faktor material kami melalui keterlibatan berterusan dengan pihak berkepentingan dan juga perbincangan berterusan oleh Majlis, Jawatankuasa dan Pengurusan tentang perkara substansif yang memberi kesan kepada Institut dan profesion.

Apa yang kita lakukan untuknya?	Bagaimana ini berkait dengan pihak berkepentingan?
Terus terlibat dengan rakan pengawal selia untuk menyatakan pandangan MIA dan mendukung kepentingan, piawaian dan nilai profesion perakaunan Menyokong kecemerlangan dalam pelaporan korporat yang patuh dengan rangka kerja pelaporan global untuk meningkatkan komunikasi, keterbandingan dan keyakinan pelabur. Artikulat pembentukan nilai perniagaan menerusi sokongan kepada <IR>  	Pematuhan kepada piawaian, peraturan dan amalan profesional meningkatkan nilai nyata profesion dan juga reputasi global, keterbandingan dan daya saing pasaran Malaysia Pelabur dan orang awam dilengkapkan untuk membuat keputusan pelaburan yang lebih baik, menuju kepada pasaran modal yang bertenaga dan mampan        
Menyokong penerimaan pakai teknologi yang sesuai untuk profesion dan berskala kepada setiap organisasi proposisi nilai yang unik, dipandu oleh 5 dasar Rangka Tindakan Teknologi Digital MIA Kini sedang melaksanakan Sistem Maklumat Keahlian MIA yang memberi pengalaman keterlibatan ahli yang lebih khusus dan secara sistematik menyatukan fungsi dan operasi MIA 	Profesional perakaunan yang menggunakan teknologi baharu – khususnya kecerdasan buatan, rantai blok, awan dan keselamatan siber, juga analitik data – adalah kalis masa depan terhadap gangguan digital  
Perluas dan mencari kelainan dalam aktiviti menjana hasil cth. CPE dan kerjasama penajaan serta platform penjenamaan	Kemampuan kewangan membolehkan MIA mencapai objektif strategi tepat pada masanya untuk menyokong tujuan pembangunan negara     
MIA terlibat dengan pihak berkepentingan berlainan menerusi pelbagai platform untuk artikulat dan menyokong pandangan kami cth. kami bekerjasama dengan rakan pengawal selia bagi bertindak keras ke atas akauntan dan juruaudit tidak berdaftar, memperjuang pelaporan juruaudit yang dipertingkat untuk kualiti audit yang lebih baik, dan memperkukuhkan SMP bagi menyokong SME dengan lebih baik    	MIA berusaha untuk mengatur kolaborasi yang menguntungkan semua pihak berkepentingan, dipandu oleh tujuan utama kami untuk pembangunan negara              

RANGKA KERJA PENGURUSAN RISIKO KAMI



Rangka Kerja Pengurusan Risiko Perusahaan Institut (ERM) adalah patuh ISO 31000:2009 Pengurusan Risiko dan menyediakan persekitaran kawalan yang kukuh menerusi pelaksanaan sistem yang sesuai dan proses penilaian risiko untuk menyokong perancangan yang efektif dan membuat keputusan yang berkualiti.

RISIKO UTAMA KAMI

Daftar Risiko (RR) kami telah dibangunkan dari peringkat bawah oleh pemilik risiko diperingkat operasi dan dokumen risiko material Institut. Daftar Risiko dikaji semula setiap 6 bulan oleh pemilik risiko dan perbincangan lanjut oleh Jawatankuasa Pengurusan Risiko Pengurusan (MRMC). Berikut adalah risiko penting dikedudukan 5 teratas yang telah dikenal pasti dan dilaporkan kepada ARMC untuk tindakan lanjut.

RISIKO PENTING DIKEDUDUKAN LIMA TERATAS

1. Risiko tadbir urus
2. Risiko reputasi
3. Risiko perekrutan/ pengekalan modal insan
4. Risiko litigasi
5. Risiko kecekapan

Risiko Penting Lima Teratas	Deskripsi	Pengukuran Mitigasi
1 RISIKO TADBIR URUS	Terdapat keperluan untuk memperkukuhkan Akta Akauntan 1967 dan Majlis menambah baik pembuatan keputusan bagi kepentingan profesion dan Institut	Institut berhubung dengan Kerajaan tentang reformasi pengawalan untuk lebih pemerkasaan dan telah menubuhkan pasukan petugas Jawatankuasa Memperkukuh Profesion Perakaunan (CSAP) untuk menumpukan kepada agenda ini. Latihan untuk Lembaga telah dilaksanakan untuk menambah baik tadbir urus korporat dan menjalankan perancangan strategik ke arah pembangunan negara
2 RISIKO REPUTASI	Institut mempunyai potensi kejatuhan reputasi dan kredibiliti sekiranya Majlis, pengurusan dan kakitangan dianggap berkelakuan tidak cekap dan tidak beretika	Untuk memastikan tadbir urus yang baik, Majlis perlu mematuhi Bidang Tugas dan berikrar untuk menyimpan maklumat sulit, manakala pengurusan dan kakitangan mesti mematuhi peraturan dan prosedur, piagam Institut dan buku panduan kakitangan, juga menjalani latihan yang diperlukan. Untuk meningkatkan persepsi awam, Institut telah melaksanakan polisi jurucakap Institut kepada media dan mengatur latihan media dan perhubungan awam untuk jurucakap yang dilantik
3 RISIKO PENGREKRUTAN/ PENGEKALAN MODAL INSAN	Kadar pusing ganti yang tinggi bersatu dengan cabaran menarik minat calon yang sesuai di pasaran kerja yang kompetitif menyebabkan risiko bakat kepada Institut	Untuk meningkatkan penglibatan dan kepuasan pekerja, Institut telah mengkaji semula gaji dan manfaat setiap 3 tahun, dan bercadang untuk meneruskan langkah ini. Institut mendapatkan maklum balas daripada pekerja menerusi kaji selidik kepuasan untuk menambah baik persekitaran kerjanya. Tambahan lagi, program pembelajaran dan pembangunan dibentuk untuk meningkatkan kerjaya pekerja dan pembangunan peribadi
4 RISIKO LITIGASI	Risiko litigasi mungkin timbul daripada situasi berikut cth. tindakan diambil oleh Institut ke atas ahli-ahli dan bukan ahli, pandangan diberi oleh Institut bergantung kepada ahli-ahli hingga menjejaskan, pelanggaran hak cipta di acara CPE, dan pemecatan salah ke atas pekerja	Badan perundangan dalaman menasihati Institut tentang pengukuran mitigasi risiko perundangan, seperti mematuhi prosedur pengendalian standard apabila membalas pendapat teknikal dan isu-isu hak cipta, juga mematuhi kod kelakuan kerahsiaan. Kakitangan utama yang terlibat perlu menjalani latihan untuk mengurangkan risiko, dan Institut telah membeli insurans perlindungan profesional untuk melindungi sebarang liabiliti profesional yang mungkin menyusul
5 RISIKO KECEKAPAN	Kualiti perkhidmatan dan kepuasan pihak berkepentingan terletak pada kecekapan bakat Institut dan kebolehannya untuk merapatkan jurang kecekapan dan kemahiran	Institut berhati-hati memilih dan menyemak calon-calon sebelum mengrekrut, dan kemudiannya meletakkan mereka dalam tempoh percubaan sebelum mengesahkan ke jawatan yang ditetapkan. Tambahan lagi, Institut memetakan peranan berskala kepada tahap kecekapannya dan menggunakan peralatan seperti analisis tentang keperluan latihan dan juga program latihan dan perkembangan untuk meningkatkan kemahiran bakat dan merapatkan jurang kemahiran

GAMBARAN PASARAN DAN MEGATRENDS

Ekonomi



Deskripsi

- Kerajaan Malaysia menyokong tahap kecekapan, akauntibiliti dan ketelusan yang lebih tinggi dan mengurangkan amalan rasuah selaras dengan langkah anti-rasuah global
- Peningkatan ekonomi saling berhubung memacu permintaan dan mobiliti bakat perakaunan Malaysia
- Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME) masih menjadi peneraju pertumbuhan dalam menggerakkan ekonomi Malaysia, maka pengamal kecil dan sederhana (SMP) sebagai penasihat perniagaan diletakkan bagi membantu SME menguruskan penerimaan pakai teknologi dan akses kepada kewangan
- Evolusi model perniagaan baharu dan peraturan global menambah peranan akauntan dalam pembuatan keputusan dan kecerdasan, pematuhan, penciptaan nilai dan pengukuran, serta penilaian tak ketara dan prestasi persekitaran, sosial dan tadbir urus (ESG)



Peluang

- Profesion perakaunan berada pada kedudukan yang betul dalam memperjuangkan manfaat maklumat kewangan yang tepat, dan terlibat dengan Kerajaan dalam meningkatkan ketelusan, pengurusan baik untuk kewangan awam, membayar cukai yang betul dan mengurangkan rasuah
- Pelaksanaan berterusan untuk piawaian dan peraturan global yang baharu dan terkini cth. Piawaian Pelaburan Kewangan Antarabangsa (IFRS) dan *Base Erosion Profit Shifting (BEPS)* yang akan meningkatkan permintaan untuk akauntan profesional
- Pertambahan permintaan untuk perkhidmatan seperti penentuan harga pindahan dan BEPS akan memacu peluang rentas sempadan untuk firma perakaunan pandang keluar, termasuk SMP dengan kecekapan khusus yang boleh menyokong SME meneruskan perkembangan global



Risiko

- Bakat boleh berpindah kepada pasaran lebih kompetitif
- Kekangan sumber dan pertumpuan global yang lemah menghalang firma-firma perakaunan Malaysia daripada berkhidmat kepada klien dengan jejak global
- Kekurangan SMP yang boleh menyokong SME secukupnya sebagai penasihat perniagaan dalam landskap global yang mencabar



Respons MIA

- Tingkatkan kecekapan dan pertumpuan global ahli-ahli dan firma-firma perakaunan MIA, cth. memperkukuhkan SMP untuk berkhidmat kepada SME dengan dipandu oleh Hala Tuju SMP 2015 – 2020 dan menggalakkan ahli yang layak untuk mendaftar sebagai ASEAN CPA (Akauntan Profesional Bertauliah)
- Terlibat dengan Kerajaan untuk menyokong peningkatan ketelusan, pengurusan kewangan awam yang lebih baik, membayar cukai yang betul dan mengurangkan rasuah
- Menangani isu pengrekrutan dan pengekalan bakat

Objektif Strategik



1



2



3



4



1

Membangun dan mempertingkatkan kecekapan profesional perakaunan agar kekal relevan kepada permintaan perniagaan dan pasaran



2

SO2 Memupuk nilai dan etika profesional ahli-ahli untuk mendukung profesion perakaunan yang kukuh

MIA mengenal pasti dan mengutamakan risiko yang paling mencabar dan peluang yang dihadapi oleh profesion perakaunan di Malaysia.

Sosial



Deskripsi

- Terdapat peningkatan jurang antara jangkaan majikan dan set kemahiran sedia ada untuk bakat perakaunan contohnya, komunikasi, teknikal, kepimpinan, strategik dan pemikiran perusahaan
- Persepsi awam yang buruk terhadap integriti sektor awam memberi kesan kepada reputasi global, yang mana kedudukan Malaysia jatuh ke tempat yang ke-62 dari 180 negara dalam Indeks Ketelusan Persepsi Rasuah Antarabangsa (CPI) 2017, dari tempat ke-55 pada CPI 2016
- Peningkatan penerimaan pakai teknologi mengganggu kerja dan tugas, yang mana peralatan seperti proses automasi robotik dan kecerdasan buatan menggantikan proses rutin dan meningkatkan produktiviti pekerja termasuk akauntan



Peluang

- Disokong oleh kepakaran dalam jaminan, profesion perakaunan bertujuan untuk menyokong tadbir urus yang baik untuk memperkukuhkan persepsi awam dan kepercayaan awam
- Ketua Pegawai Kewangan (CFO) dan mereka yang terlibat dengan tadbir urus akan mempunyai potfolio yang lebih luas dengan tanggungjawab, menggunakan daya tuil ke atas kemampuan dan kecekapan akauntan profesional merentasi fungsi-fungsi yang berbeza
- Akauntan boleh menggunakan teknologi untuk meningkatkan kemahiran dan menyesuaikan diri dengan perubahan perniagaan dan persekitaran kerja, menjadi lebih efisien dan efektif



Risiko

- Persepsi rasuah dan penipuan yang semakin meningkat telah merosotkan keyakinan dalam profesion kerana orang awam mempersoalkan kecekapan dan kredibiliti juruaudit dan akauntan
- Jangkaan pasaran meningkat bermakna akauntan yang kekurangan keperluan kecekapan yang diperlukan dan ketinggalan di belakang tentang teknologi akan menjadi kurang daya saing



Respons MIA

- Melaksanakan konsep Penguatkuasaan Seimbang untuk mendidik ahli-ahli tentang kepatuhan dan kelakuan beretika untuk tadbir urus terbaik
- Rangka Kerja Kompetensi CFO untuk CFO di Entiti Kepentingan Awam MIA dan Rangka Kerja Kompetensi yang baharu bertujuan untuk merapatkan jurang kemahiran
- Melaksanakan Pelan Komunikasi Strategik MIA untuk meningkatkan pengiktirafan jenama, reputasi dan persepsi awam
- Peningkatan liputan media yang menarik menyerlahkan pandangan Institut tentang isu-isu penting contohnya akauntan tidak berdaftar, tadbir urus baik dan pembangunan negara

Objektif Strategik



1



2



4



3

SO3 Mengawalselia dan membangunkan amalan profesion perakaunan sejajar dengan piawaian global dan amalan baik



4

SO4 Menggalakkan proposisi nilai profesion perakaunan dan meningkatkan pengiktirafan global berterusan

GAMBARAN PASARAN DAN MEGATRENDS

Trend Teknologi



Deskripsi

- Teknologi yang berbeza mentransformasi secara radikal peranan dan jangkaan akauntan dan profesion cth. proses automasi robotik, rangkaian blok dan analitik data
- Akauntan profesional mesti mahir, cepat memahami, boleh menyesuaikan dan bersifat ingin tahu tentang teknologi untuk kalis masa depan mereka sendiri bagi ekonomi Revolusi Perindustrian 4.0 (IR4.0)
- Para akademik mesti membangunkan keupayaan dan kecekapan dalam teknologi bagi melengkapkan graduan baharu dengan IR4.0



Peluang

- Kognitif dan kecerdasan buatan akan menambah nasihat yang profesional kewangan sediakan kepada perniagaan
- Robotik akan mengurangkan kesilapan manusia dan menggantikan tugas berulang, menjadikan kerja perakaunan lebih menarik dan memperkayakan kerjaya
- Rangkaian blok menyediakan keterlihatan penuh transaksi jejak audit, meningkatkan jaminan dan kepercayaan
- Analitik data besar dan pengkomputeran awan akan memperbaiki operasi kewangan, pembuatan keputusan dan kos yang rendah
- Evolusi model perniagaan baharu cth. perkongsian ekonomi, media sosial dan e-dagang perlukan kaedah baharu untuk penilaian perniagaan yang mana akauntan adalah tepat untuk merancang



Risiko

- Akauntan yang tertinggal di belakang dalam penerimaan pakai teknologi menjadi tidak relevan dan kurang daya saing dalam persekitaran IR4.0
- Pelaksanaan teknologi timbulkan risiko keselamatan penjaga, dan akauntan mempunyai tanggungjawab bersama untuk menangani risiko keselamatan siber yang makin berkembang
- Akauntan dan juruaudit adalah pemain utama dalam perniagaan dan jaminan ekosistem memainkan peranan penting dalam mengenal pasti dan menguruskan kemunculan isu etika dan risiko tadbir urus IT



Respons MIA

- Rangka Tindakan Teknologi Digital MIA menyediakan ahli dan akauntan untuk menerima teknologi dan menekankan isu-isu tadbir urus IT
- Perkembang dan laksanakan platform pengesahan bank atas talian semua industri untuk membantu juruaudit, terutamanya SMP, dalam memperbaiki kecekapan dan keselamatan audit
- Bekerjasama dengan MyFinB dan syarikat teknologi terkemuka untuk membangunkan kecekapan teknologi yang sesuai
- Menyediakan maklum balas kepada Lembaga Piawaian Pendidikan Perakaunan Antarabangsa (IAESB) tentang Konsultasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi
- Menganjurkan program tetap, Melatih Jurulatih dengan Organisasi Perakaunan Profesional (PAO) global bagi membantu para akademik membangunkan keupayaan dan kecekapan teknologi

Objektif Strategik



1



4



1

Membangun dan mempertingkatkan kecekapan profesional perakaunan agar kekal relevan kepada permintaan perniagaan dan pasaran



2

SO2 Memupuk nilai dan etika profesional ahli-ahli untuk mendukung profesion perakaunan yang kukuh

Perundangan



Deskripsi

- Banyak perubahan dalam landskap pengawalseliaan yang bertujuan untuk mempertingkatkan tadbir urus yang baik dan telah memberi impak kepada profesion
- Piawaian perakaunan dan pengauditan baharu dan dikemaskini mempunyai impak langsung: Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) yang baharu, kemaskini kepada Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS), dan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) berkuatkuasa pada 2018, semakan semula kepada kod etika global oleh Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Akauntan (IESBA)
- Akauntan juga terkesan dengan perubahan kepada perundangan dan peraturan yang memberi impak kepada ekosistem perniagaan, pasaran modal, percukaian dan industri, cth. Akta Syarikat 2016, Kod Tadbir Urus Malaysia 2016 yang dikemaskini, rangka tindakan 5 tahun Dana Islam dan Pengurusan Harta, pengharmonian peraturan cukai global yang berterusan dan perubahan daripada Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) kepada Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST)
- Format pelaporan syarikat yang lebih holistik untuk menggalakkan kemampanan organisasi jangka panjang dan mempertingkatkan ketelusan; dan keyakinan pelabur mula meningkat cth. Pelaporan Bersepadu, dan pelaporan kelestarian yang melaporkan tentang risiko alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) dan matlamat pembangunan mampan (SDG)



Peluang

- Keterlibatan dengan rakan pengawalselia untuk menyampaikan pandangan MIA dan mendukung kepentingan, standard dan nilai profesion perakaunan
- Menyokong tadbir urus baik melalui pematuhan kepada kod etika global, pengharmonian peraturan cukai global dan rangka kerja pelaporan global untuk menyokong pembangunan negara



Risiko

- Gagal untuk melibatkan dan meyakinkan pihak berkepentingan tentang pandangan MIA boleh mengeneipkan profesion dan akauntan menjadi kurang relevan
- Penggunaan dan pematuhan peraturan dan rangka kerja global yang lemah menghalang pelabur dan perniagaan daripada melibatkan diri dengan Malaysia



Respons MIA

- MIA mereka bentuk pendidikan profesional berterusan (CPE) yang khusus dan bekerjasama dengan pengawalselia untuk mendidik ahli-ahli, profesion perakaunan dan orang awam tentang perubahan dan impak daripada peraturan baharu
- MIA memperkukuhkan perakuannya untuk <IR>, menerbitkan <IR> sendiri, memperkenalkan anugerah <IR> untuk Anugerah Laporan Korporat Kebangsaan (NACRA) 2017, dan telah diakreditasi sebagai jurulatih tunggal <IR> untuk ASEAN oleh IIRC
- Meminda Undang-undang Kecil MIA agar harmoni dengan perubahan kepada Kod Etika Antarabangsa untuk Akauntan Profesional IESBA (termasuk Piawaian Bebas Antarabangsa) dan mendidik ahli-ahli tentang pematuhan
- Membangunkan keupayaan dan kecekapan dalam kewangan Islam untuk meletakkan Malaysia sebagai peneraju global, khususnya dalam bidang Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (IFRS) dan kewangan Islam

Objektif Strategik



1



2



3



4



3

SO3 Mengawalselia dan membangunkan amalan profesion perakaunan sejajar dengan piawaian global dan amalan baik



4

SO4 Menggalakkan proposisi nilai profesion perakaunan dan meningkatkan pengiktirafan global berterusan

MODEL PERNIAGAAN

Mencipta Nilai

DIPACU OLEH TUJUAN KAMI:

Pembangunan Negara

DIPANDU OLEH NILAI KAMI:

- ***Integrity (Integriti)***
- ***Mutual Trust and Respect (Saling Mempercayai dan Menghormati)***
- ***Professionalism (Keprofesionalisme)***
- ***Accountability (Akauntabiliti)***
- ***Commitment (Komitmen)***
- ***Teamwork (Kerjasama)***
- ***Sustainability (Kemampanan)***

1 Sumber kami

Modal kewangan

- Yuran keahlian
- Pendapatan daripada acara CPE dan persidangan
- Perolehan tertahan
- Geran Kerajaan

Modal intelektual

- Piawaian dan peraturan
- Panduan teknikal
- Penerbitan dan penyelidikan
- Pimpinan berwibawa
 - Rangka kerja strategik/ Rangka tindakan

Modal insan

- Majlis, pengurusan dan bakat dalaman
- Ahli jawatankuasa dan pasukan petugas
- Pakar bidang

Modal sosial dan perhubungan

- Hubungan rapat dengan Kementerian Kewangan
- Kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan dan badan-badan pengawal selia
- Perkongsian dengan badan-badan berkanun dan perakaunan serta organisasi-organisasi berkaitan yang lain
- Kerjasama dengan firma-firma perakaunan, badan-badan profesional, institusi-institusi pendidikan, badan-badan korporat dan organisasi-organisasi lain
- Hubungan rapat dengan media

2 Apa yang kami lakukan

Keahlian & Operasi

- (+ (lebih lanjut di Penilaian Prestasi m/s 42-43))

Strategi & Pembangunan

- (+ (lebih lanjut di Penilaian Prestasi m/s 46-47))

Teknikal & Amalan Profesional

- (+ (lebih lanjut di Penilaian Prestasi m/s 50-51))

Pengawasan & Penguatkuasaan

- (+ (lebih lanjut di Penilaian Prestasi m/s 54-55))

Menerusi kepimpinan kolaborasi dengan pihak-pihak berkepentingan, MIA terus mengawal selia dan memperkembangkan profesion perakaunan untuk pembangunan negara.

3 Bagaimana kami lakukan

4 OBJEKTIF STRATEGIK (SO)

SO1

Membangun dan meningkatkan kecekapan profesional perakaunan untuk kekal relevan kepada perniagaan dan permintaan pasaran

SO2

Memupuk nilai dan etika profesional para ahli untuk mendukung profesion perakaunan yang kukuh

SO3

Mengawal dan membangunkan amalan profesion perakaunan selaras dengan piawaian global dan amalan baik

SO4

Menggalakkan proposisi nilai profesion perakaunan dan berterusan meningkatkan pengiktirafan global

4 Pendukung

E1 Insan & Budaya

Kecekapan dan bakat dinamik, mengukuhkan budaya berprestasi tinggi

E2 Sistem Maklumat & Teknologi

Membolehkan perniagaan, pacuan data, dan pendekatan kalis masa depan

E3 Dasar, Amalan & Operasi

Pengoptimuman operasi menerusi dasar yang efektif dan amalan baik

E4 Pengawasan Kewangan

Kemampuan kewangan melalui pelbagai generasi pendapatan dan pengurusan kewangan

4 Output utama kami

34,655

Ahli

RM41.91 juta

Hasil

1,026

Program CPE

37,000

Terlatih secara profesional

75

Aduan diselesaikan

60

Program bantuan

21

Komentor tentang dokumen perunding

473

Ahli MIA menjadi ASEAN CPA

8

Program pembangunan keupayaan ihsan untuk para akademik

34

Penerbitan/artikel teknikal

5 Hasil Keputusan

Tadbir urus

Pengawasan yang lebih baik disokong oleh etika, piawaian dan amalan baik profesional

Kepercayaan awam

Profesion yang dikawal dengan baik menyokong pertumbuhan ekonomi, kepentingan awam dan keyakinan pasaran

Bakat yang cekap

Menyokong pematuan kawal selia serta perkembangan ekonomi dan sosial

Penggunaan pakai teknologi

MIA menuju ke arah organisasi pusat data dan meningkatkan daya saing dan kerelevanan sektor perakaunan

Kemampuan Organisasi dan Kewangan

Mengekalkan pendanaan berterusan dan pelaksanaan kawal selia serta inisiatif pembangunan yang menyokong pembangunan negara

OBJEKTIF STRATEGIK DAN PENDUKUNGNYA

Panduan tujuan kami

Objektif Strategik



Sorotan Kemajuan 2017/2018



SO1 Membangun dan mempertingkatkan kecekapan profesional perakaunan agar kekal relevan kepada permintaan perniagaan dan pasaran

Bakat yang cekap akan menyokong pembangunan ekonomi sosial dan teknologi, dan memastikan profesion kalis masa depan sedia untuk Revolusi Perindustrian (IR4.0)

- Menyampaikan 1,026 program Pendidikan Profesional Berterusan (CPE) kepada hampir 37,000 peserta
- Melengkapkan Rangka Tindakan Teknologi Digital MIA dan kerjasama dengan MyFinB untuk membangunkan kecekapan teknologi yang sesuai
- Melengkapkan Rangka Kerja Kompetensi untuk Ketua Pegawai Kewangan (CFO) di Syarikat Tersenarai (PIE) dan menyiapkan Rangka Kerja Kompetensi untuk seluruh profesion
- Teruskan pelaksanaan Hala Tuju SMP 2015 - 2020
- Memperkukuh amalan kecil dan sederhana (SMP) dengan menganjurkan 38 program latihan tentang Panduan Audit untuk Pengamal (AGP) dengan kadar kepuasan lebih daripada 75% di samping bengkel Kertas Kerja Audit Ilustrasi (IAWP)
- Melatih lebih daripada 1,000 Juruaudit tentang Kertas Kerja Audit Ilustrasi (IAWP) dan Panduan Audit untuk Pengamal (AGP)
- Menyiapkan edisi kedua buku Ilustrasi Penyata Kewangan MPERS
- Kerjasama dengan organisasi perakaunan profesional global (PAO) untuk melatih pendidik perakaunan
- Melengkapkan perkembangan Rangka Kerja Kompetensi MIA (CFM) yang menunggu kelulusan daripada pihak berkenaan
- Memperbaharui MoU dengan PAO untuk sijil profesional saluran pantas bagi ahli yang berkecayaan
- Melibatkan diri dengan sekolah, institusi pengajian tinggi dan agensi kerajaan untuk memperbaiki kualiti pendidikan perakaunan selaras dengan piawaian antarabangsa dan perkembangan serta rangka tindakan Kerajaan untuk pendidikan tinggi
- Melaksanakan Program Pelatihan Mini Kewangan Islam untuk membina kecekapan dalam Kewangan Islam (IF)
- Menjalankan sejumlah 60 program bantuan percuma untuk mendidik pihak berkepentingan dan orang awam tentang perakaunan, pengauditan, percukaian, ekonomi digital, pasaran modal, etika dan <IR>



SO2 Memupuk nilai dan etika profesional ahli-ahli untuk mendukung profesion perakaunan yang kukuh

Akauntan profesional dan beretika mendukung tadbir urus yang baik dan integriti, menyokong keyakinan pasaran dan bertindak untuk kepentingan awam

- Mengeluarkan komentar tentang Deraf Dedahan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Akauntan (IAESB), Cadangan Semakan kepada Kod Tentang Penawaran dan Penerimaan Pendorong – 28 November 2017

(Output untuk SO 1, 3 & 4 membantu mencapai SO 2)

MIA telah memperhalus teras Strategik kami daripada 5 Objektif Strategik sebelum ini kepada 4 Objektif Strategik dan 4 Pendukung untuk memandu Institut dalam mengawal selia dan membangunkan profesion.

4 Pendukung ini meliputi seluruh Institut dan mereka adalah: E1 Insan dan Budaya, E2 Sistem Maklumat dan Teknologi, E3 Dasar, Amalan dan Operasi, dan E4 Pengawasan Kewangan

Keutamaan untuk 2018/2019 >	Petunjuk Utama >
• Melaksanakan Rangka Tindakan Teknologi Digital MIA untuk memacu penerimaan pakai teknologi • Membangun dan melaksanakan platform pengesahan bank atas talian semua industri • Memperkukuh pelaksanaan hala tuju SMP dan kualiti SMP bagi manfaat SME sebagai tulang belakang ekonomi • Lebih keterlibatan dengan SMP dan SME untuk merangsang literasi pelaporan kewangan • Menyampaikan lebih program tentang cukai tak langsung, terutamanya pertukaran daripada Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) kepada Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST), dan penerimaan pakai teknologi, terutamanya analitik data • Melengkapkan Rangka Kerja Kompetensi untuk Fungsi Kewangan • Melengkapkan Program Pelatihan Mini Kewangan Islam MIA dan menerbitkan kajian kes IF • Menerbitkan buku teks tentang aplikasi Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (IFRS) dalam Kewangan Islam • Mengeluarkan lebih acara yang berkualiti yang menangani isu-isu dan perkembangan semasa dan baharu • Tawarkan modul pembelajaran dan e-pembelajaran sehati yang lebih relevan • Melaksanakan aktiviti berhubung Rangka Kerja Kompetensi MIA (CFM)	• Bilangan kursus CPE 2017 / 2018 – 968 / 1,026 • Bilangan peserta CPE 2017 / 2018 – 35,800 / 36,866 • Bilangan sesi percuma 2017 / 2018 – 19 / 26
• Pindaan kepada Undang-undang Kecil MIA menurut Kod Etika untuk Akauntan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Akauntan (IESBA) bertajuk Kod Etika Antarabangsa untuk Akauntan Profesional (termasuk Piawaian Bebas Antarabangsa) • Perkembangan dan pengeluaran material sokongan komunikasi untuk menyokong pelaksanaan pindaan kepada Undang-undang Kecil MIA tentang Etika Profesional dan penstrukturan semula Kod IESBA seperti penerbitan Soalan & Jawapan cth. tentang peruntukan etika berkenaan penyatuan panjang personel dengan klien audit • Menggalakkan kesedaran, maklum dan mendidik ahli-ahli tentang penstrukturan semula Kod IESBA dan pindaan kepada Undang-undang Kecil MIA tentang Etika Profesional, keperluan baharu tentang pendorongan	

OBJEKTIF STRATEGIK DAN PENDUKUNGNYA

Panduan tujuan kami

Objektif Strategik

Sorotan Kemajuan 2017/2018



SO3 Mengawal selia dan membangunkan amalan profesion perakaunan sejajar dengan piawaian global dan amalan baik

Peraturan yang lebih ketat dan penguatkuasaan yang konsisten memacu tadbir urus yang baik dan melindungi kepentingan awam

- Menyelesaikan tunggakan kes-kes penguatkuasaan
- Penyiasatan berterusan ke atas kes 1Malaysia Development Berhad (1MDB)
- Penguatkuasaan proaktif ke atas akauntan tidak berdaftar
- Penguatkuasaan atas pematuhan CPE dan audit CPE
- Pelaksanaan semakan rangka kerja kajian semula amalan yang memperkenalkan penarafan Jenis 4 dan memerlukan firma-firma dengan penarafan Jenis 3 untuk mengeluarkan Pelan Tindakan Pemulihan (RAP)
- Mengeluarkan 10 komentar tentang dokumen konsultatif yang diterbitkan oleh pembentuk piawaian antarabangsa dan agensi
- Menerbitkan sendiri perkembangan panduan teknikal tentang pengauditan, percukaian, Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) 9 dan 15, juga konsesus Jawatankuasa Pelaksanaan Piawaian Pelaporan Kewangan (FRISC)
- Mengeluarkan "Laporan Juruaudit Diperbaiki: Kajian semula pengalaman pelaksanaan tahun pertama di Malaysia (EAR)" untuk meningkatkan kualiti audit dan memacu pematuhan dengan piawaian pengauditan global
- Melengkapkan 6 Program Penilaian Kualiti (QAP) bersama-sama dengan Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA) untuk menilai prestasi SMP dan mengeluarkan 4 laporan kemajuan
- Mengeluarkan Laporan Bersepadu sulung untuk menyokong perakuan <IR> dan kecemerlangan dalam pelaporan korporat untuk melindungi kepercayaan awam
- Menggabungkan anugerah sulung <IR> ke dalam Anugerah Laporan Korporat Tahunan Kebangsaan (NACRA) 2017



SO4 Menggalakkan proposisi nilai profesion perakaunan dan meningkatkan pengiktirafan global berterusan

Penciptaan nilai yang tekal menghasilkan profesion yang mampan, paling dicari dan relevan, yang diiktiraf dan berpengaruh diperingkat global

- Institut menjana hasil berjumlah RM41.91 juta dan lebih bersih RM8.79 juta (sebelum cukai) untuk membiayai aktiviti pembangunan negara
- Merangka Pelan Strategik 2030 MIA dan melengkapkan Pelan Operasi 3 Tahun MIA
- Menambahbaik aplikasi Kad Keistimewaan Keahlian Digital MIA ke Versi 2.0 untuk meningkatkan kepuasan ahli
- Menyiapkan Sistem Maklumat Keahlian MIA (MMIS), teknologi dan sistem pendukung yang menggunakan analitik data untuk menyediakan pengalaman pengguna akhir yang lancar dan مخصوص, khas untuk ahli-ahli
- Melengkapkan kaji selidik tentang *Work Related Stress in Audit Firms* dan Kaji Selidik Kepuasan Ahli MIA 2018
- Mengeluarkan Pelan Komunikasi Strategik MIA untuk meningkatkan pengiktirafan, reputasi dan persepsi awam tentang penjenamaan
- Menambahbaik liputan media yang menyerlahkan pandangan Institut tentang isu-isu utama, cth. akauntan tidak berdaftar
- Terlibat secara aktif dalam Persekutuan Akauntan ASEAN (AFA) sebagai Timbalan Pengerusi Kumpulan Kerja 3 dan ahli Kumpulan Kerja 1
- Mendaftar 473 ahli MIA sebagai ASEAN CPA, kohort terbesar antara negara-negara ahli ASEAN
- Melengkapkan projek Bank Dunia di Laos dengan berkongsi pelaksanaan Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (IFRS) sebagai suri teladan untuk pasaran yang memuncul
- Diakreditasi sebagai Jurulatih <IR> ASEAN yang pertama oleh Majlis Pelaporan Bersepadu Antarabangsa (IIRC) dan menerbitkan berita tentang perjalanan <IR> MIA di Gerbang Pengetahuan IFAC
- Berkongsi dengan organisasi perakaunan profesional (PAO) asing dan pengawalselia daripada China, Japan, Taiwan, Afghanistan, Nigeria, dan Saudi Arabia yang melawat MIA untuk belajar tentang amalan baik dalam pelaksanaan piawaian perakaunan peraturan dan tadbir urus baik
- Mencipta lebih banyak peluang tentang perkongsian dan penjenamaan pihak berkepentingan

Keutamaan untuk 2018/2019



- Melibatkan diri dengan Kerajaan untuk memudahkan reformasi perundangan Akta Akauntan, bagi membolehkan penguatkuasaan yang lebih keras dan tadbir urus yang baik bagi kepentingan awam
- Mempercepatkan penyelesaian terhadap aduan, kes dan rayuan
- Meningkatkan bilangan kajian semula amalan yang dijalankan kepada 20% dan menerbitkan Laporan Kajian Semula Amalan 2018
- Memperkukuhkan penguatkuasaan proaktif ke atas akauntan tidak berdaftar
- Memperkukuhkan audit CPE dan memerlukan Pemegang Sijil Amalan mematuhi jam kredit CPE 2017 bagi memperbaharui lesen mereka untuk 2018/2019
- Memperkukuh pelaksanaan dan pendidikan tentang EAR untuk meningkatkan kualiti audit, keyakinan pelabur dan menyokong kepentingan awam
- Meneruskan perakuan <IR> dan perjalanan <IR> Institut

- Menjana pendapatan mampan yang lebih tinggi untuk membiayai aktiviti pembangunan negara Institut yang tidak menjana pendapatan
- Melaksana Sistem Maklumat Keahlian MIA (MMIS)
- Melengkapkan Pelan Strategik Jangka Panjang MIA
- Memikirkan penyelesaian untuk menguruskan tekanan kerja dan pengekalan bakat di firma audit
- Mengeluarkan hasil penemuan daripada Kaji Selidik Kepuasan Ahli MIA 2018
- Menyokong bahawa lebih ramai ahli MIA mendaftar sebagai ASEAN CPA dan seterusnya sebagai Akauntan Profesional Asing Berdaftar untuk memperbaiki mobiliti bakat serantau dan merapatkan jurang bakat
- Penghijrahan *Accountants Today* ke Platform Digital (E-Majalah) untuk menawarkan platform interaktif bagi pembangunan profesional dan keterlibatan ahli
- Menerbitkan lebih artikel dalam platform IFAC Mosaic dan Gerbang Pengetahuan IFAC untuk meletakkan profesion Malaysia sebagai peneraju pasaran memunculi
- Menganjurkan lebih banyak acara latihan <IR> di peringkat tempatan dan serantau

Petunjuk Utama



- Bilangan Tindakan ke atas Akauntan Tidak Berdaftar 2017 / 2018 – 6 / 30
- Bilangan Aduan diselesaikan 2017 / 2018 – 91 / 75

- Jumlah Hasil MIA 2017 / 2018 –RM38.35juta / RM41.91juta
- Jumlah Nilai Penajaan 2017 / 2018 –RM0.93juta / RM1.04juta
- Jumlah sebutan di Media 2017 / 2018 - 135 /317



DIVISYEN KEAHLIAN & OPERASI

Mengukur Kadar Kepuasan Ahli

Ahmad Nadzif Mohamad Nor

Ketua
Teknologi Maklumat

Ho Foong Chin

Ketua
Keahlian & Pendidikan

Datin SK Yap
Pengarah Eksekutif

Ng Lee
Ketua
Kewangan

Rashidah Alwi

Ketua
Perolehan & Perkhidmatan Operasi



Pengarah Eksekutif Keahlian dan Operasi Datin SK Yap mengaitkan bagaimana MIA berusaha untuk meningkatkan iltizam dan kecekapan ahli-ahli, dengan kesan transformasi teknologi untuk menghasilkan lebih nilai.

KEUTAMAAN STRATEGIK

SO1

SO4

TUMPUAN TAHUN INI

473 ahli MIA mendapat sijil ASEAN CPA

Pembaharuan MoU dengan badan-badan profesional global

Menganjurkan 8 buah program pembangunan keupayaan ihsan untuk para akademik

56 ceramah kerjaya yang memanfaatkan lebih daripada 4,000 orang pelajar

Q

Ceritakan kepada kami pencapaian utama anda.

Secara keseluruhan, Keahlian & Operasi berhasrat untuk mendapatkan iltizam, nilai dan kecekapan ahli yang lebih baik.

Kami juga membangunkan Rangka Kerja Kompetensi MIA yang sedang menunggu kelulusan, yang merupakan rangka kerja bakat secara menyeluruh dari setiap sudut untuk menyokong agenda bakat negara. Rangka kerja dijangka akan menyusun atur garis dasar kompetensi yang diperlukan untuk profesional perakaunan dalam peranan yang berbeza dan pada peringkat yang berbeza. Ia juga akan menggalakkan lebih pengkhususan dengan melebarkan dan meluaskan saluran bakat kita untuk menyokong pembangunan negara.

Kami juga mempermudah pensijilan ASEAN CPA sebagai nilai tambah kepada para ahli, yang mana kita merekodkan jumlah tertinggi ASEAN CPA dikalangan negara-negara ahli ASEAN.

Keahlian MIA berkembang dengan kukuh dari 33,294 kepada 34,655, menyokong agenda negara untuk mencapai 60,000 profesional perakaunan pada tahun 2030.

Ini disokong oleh peningkatan tahap kepuasan ahli berdasarkan keputusan awal daripada Kaji Selidik Kepuasan Ahli 2018. Kami telah menerima lebih banyak maklum balas positif berkait dengan kaji selidik yang lepas, yang dijalankan pada tahun 2016 dengan jumlah peratusan ahli-ahli yang berpuas hati telah meningkat daripada 78% kepada 79% menerusi semua sektor (sektor awam, amalan awam, perdagangan dan akademik) menandakan kepentingan inisiatif gagasan nilai keahlian kami.

Bagi menempuh gelombang revolusi digital dan menyokong teras digital kami, kami sedang membangunkan Sistem Maklumat Keahlian MIA (MMIS) untuk menyepadukan operasi Institut merentasi pelbagai fungsi yang berbeza dan mengkhususkan kepada pengalaman dan iltizam para ahli.

Q

Apakah risiko utama anda dan cabaran-cabarannya?

Ramai yang menganggap penghijrahan bakat merupakan risiko utama untuk profesion. Perkhidmatan perakaunan merekodkan eksport bersih positif dalam tahun terkini dan Kerajaan mahu memastikan bekalan bakat tempatan mencukupi untuk menyokong perniagaan. Kami telah berhubung dengan kementerian Kerajaan, agensi dan pemain industri yang relevan untuk bekerjasama dalam menyediakan cadangan-cadangan menyeluruh untuk menangani isu penghijrahan bakat.

Kami menghadapi cabaran-cabaran perubahan penetapan minda, penerimaan pakai pengguna, serta pengurusan bakat dan perubahan berkaitan dengan teknologi dan sokongan sistem. Ketua Pegawai Eksekutif sendiri yang mengetuai jawatankuasa pemandu MMIS dan melibatkan diri terus dengan pengguna memandangkan pihak atasan ingin memastikan ia berjaya.

Q

Apakah perancangan anda untuk tahun depan?


Kami kekalkan tumpuan kepada memacu pertumbuhan dan perkembangan keahlian di samping transformasi teknologi untuk mengukuhkan profesion. Petunjuk untuk ini ialah melengkapkan dan melaksanakan Rangka Kerja Kompetensi dan MMIS.

Untuk memastikan kecekapan bakat, kami akan terus menyokong pendidikan perakaunan dengan menganjurkan lebih banyak program pembangunan keupayaan dan program Melatih Jurulatih untuk para akademik diseluruh negara. Kami akan mempergiatkan promosi untuk ASEAN CPA dan pelbagai saluran yang berbeza untuk keahlian profesional sebagai nilai tambah kepada para ahli.

Kami juga akan kongsikan keputusan yang diperoleh daripada Kaji Selidik Kepuasan Ahli MIA 2018. Berdasarkan keputusan kaji selidik, kami akan terus merancang untuk mendapatkan lebih banyak manfaat dan strategi untuk mengukuhkan profesion, bagi menyokong pembangunan negara.




KEAHLIAN & OPERASI



Keahlian menurut pekerjaan (%)

- Akademik
- Perdagangan/Industri
- Amalan Awam
- Sektor Awam



Keahlian menurut kumpulan umur (%)

- Dibawah 30
- 31 - 40
- 41 - 50
- 51 - 60
- Melebihi 61

Meningkatkan Keterlibatan

Penilaian Prestasi

Keahlian & Operasi melibatkan bakat, meningkatkan kecekapan ahli-ahli dan kerelevanan pasaran, dan menambah tanggapan nilai, pengiktirafan dan reputasi global terhadap profesion perakaunan Malaysia.

Perkembangan Keahlian

Keahlian MIA berkembang sebanyak 4% kepada 34,655 pada 30 Jun 2018 (30 Jun 2017: 33,294) dalam menyokong agenda bakat negara dan terus meningkatkan nilai keahlian MIA menerusi inisiatif-inisiatif berikut:

Pembaharuan MoU/MoA

Pada 30 Jun 2018, lebih kurang 740 ahli MIA (30 Jun 2017: hampir kepada 500) telah mendaftar di bawah program khas untuk mendapat keahlian segera dengan badan profesional global dan meningkatkan pergerakan kerjaya mereka. MIA telah memperbaharui MoU/MoA dengan CPA Australia, CIMA dan ACCA, menjadi bukti kepada pengiktirafan global dan kesetaraan kepada ahli-ahli MIA dan profesion Malaysia.

ASEAN CPA

Sehingga 30 Jun 2018, 473 ahli MIA telah menerima sijil ASEAN CPA, kohort terbesar dikalangan Negara-negara ASEAN. ASEAN CPA meningkatkan pengamatan nilai profesional perakaunan, memudahkan mereka

yang berbakat berpindah, meningkatkan peruntukan dan peraturan perkhidmatan perakaunan serantau, dan memacu penerimaan pakai piawaian dan amalan baik. Selanjutnya, MIA memperakui bahawa ASEAN CPA akan menerima status Akauntan Profesional Asing Berdaftar yang membolehkan mereka bekerja di rantau ASEAN.

MMIS

MIA menggerakkan Sistem Maklumat Keahlian MIA (MMIS), pendukung teknologi dan sistem yang menggunakan analitik data untuk menjadikan pengalaman pengguna akhir lancar dan lebih khusus terutamanya untuk para ahli.



34,655

Ahli MIA



14,295

muat turun untuk Kad
Keistimewaan Keahlian
Digital MIA

Kad Keistimewaan Keahlian Digital MIA

Sehingga 30 Jun 2018, e-kad ini telah dimuat turun sebanyak 14,295 kali dan menawarkan 56 manfaat dan keistimewaan untuk para ahli. Versi 2.0 e-kad telah dilancarkan pada 30 September 2017 yang menawarkan manfaat dan ciri-ciri tambahan.



Untuk maklumat lanjut rujuk
muka surat 16 – 17

Kaji Selidik

MIA menjalankan dua kaji selidik penting untuk mengumpul maklumat tentang pendapat para ahli dan memahami bagaimana cara terbaik untuk membuat pembaharuan terhadap profesion. Kaji selidik *Work Related Stress in Audit Firms* ditamatkan pada 11 September 2017 dan mendapat 2,418 maklum balas yang menumpukan bahawa terlebih kebergantungan klien terhadap juruaudit, tekanan kerja yang tinggi, keadaan kerja yang tertekan dan tiada keseimbangan budaya kerja mendahului senarai penyebab untuk kecikiran bakat. Manakala, Kaji Selidik Kepuasan Ahli 2018 telah menerima maklum balas daripada 7,463 orang ahli pada 30 Jun 2018.

Profesional Muda dan Ahli- ahli Berpotensi

Untuk berhubung dengan bakat muda, Jawatankuasa Profesional Muda MIA meneroka isu-isu seperti wanita dalam

kepimpinan (terdapat lebih daripada 50% wanita dalam keahlian MIA), gangguan teknologi dan kerelevanan profesion di masa depan dalam acara-acara yang dijalankan. Bagi mendekati mereka yang berpotensi untuk menjadi ahli, MIA telah menganjurkan 25 aktiviti menggalakkan keahlian di beberapa organisasi, firma audit dan acara kerjaya dengan kerjasama firma-firma audit utama dan para majikan.

Pengekalan Bakat

Pada 12 Disember 2017, Mesyuarat Majlis Pembangunan Perkhidmatan Malaysia peringkat tinggi di Kementerian Perdagangan dan Industri (MITI) memperakui kerjasama antara MIA dan Talent Corp untuk mengkaji dan menyelesaikan isu-isu penghijrahan bakat bagi mengekalkan bakat perakaunan, contohnya menerusi gaji yang setara, penghijrahan bakat, dan meletakkan negara ini sebagai hab pendidikan perakaunan global.

Pendidikan

MIA menumpukan kepada perkembangan pendidikan perakaunan dan para akademik, juga bekerjasama secara aktif dengan para pelajar di peringkat menengah dan tinggi, untuk memupuk akauntan muda yang berkemahiran dan relevan bagi IR4.0.

Pembangunan Keupayaan

Sehingga 30 Jun 2018, MIA telah bekerjasama dengan badan profesional global yang utama untuk melaksanakan 8 inisiatif perkembangan keupayaan secara percuma (30 Jun 2017: 4 inisiatif perkembangan keupayaan) kepada para akademik diseluruh negara, berkongsi dengan mereka tentang perkembangan terkini dalam perakaunan, pedagogi dan profesional dalam bidang seperti piawaian, rangka kerja berasaskan pendidikan, pengauditan, pengurusan dan kepimpinan.

Menggalakkan Profesion

MIA menganjurkan beberapa ceramah kerjaya, sesi kesedaran dan komitmen lain seperti Hari Terbuka MIA, kuiz perakaunan antara varsiti dan antara sekolah untuk menyokong kerjaya perakaunan, kefasihan Bahasa Inggeris dan perangkaan untuk kejayaan kerjaya. Sehingga 30 Jun 2018, MIA telah mengadakan 56 ceramah kerjaya yang telah memberi manfaat kepada 4,100 pelajar (30 Jun 2017: 34 ceramah kerjaya).

Koordinator Pengalaman Relevan Akauntan Bertauliah (CARE)

MIA melantik 20 orang Koordinator CARE di 20 buah universiti dari 11 negeri untuk mendidik para pelajar tentang cabaran bekerja dalam profesion. Koordinator CARE menerajui 7 sesi CARE yang dihadiri oleh 800 orang pelajar.

Pembaharuan Pendidikan

MIA mengadakan mesyuarat meja bulat peringkat kebangsaan dengan wakil-wakil dari Kerajaan, akademik dan majikan untuk memahami dan menangani kebimbangan industri tentang set kemahiran graduan.

Di peringkat global, MIA memberikan maklum balas kepada Lembaga Piawaian Pendidikan Perakaunan Antarabangsa (IAESB) sebanyak dua kali. MIA mengulas tentang cadangan semakan semula Piawaian Pembangunan Profesional Berterusan untuk tumpuan penuh kepada keputusan pembelajaran (27 Julai 2017) dan kepada Perundingan tentang Teknologi Maklumat dan Komunikasi (26 April 2018).

Penjenamaan Global

Dalam penggunaan daya tuil ke atas rantaian serantau dan antarabangsa, MIA bekerja keras untuk meletakkan Malaysia sebagai pasaran perakaunan yang progresif dan terkawal dengan baik, dan menjadi suri teladan untuk ekosistem perakaunan yang lain dalam pasaran yang sedang membangun.

Berkongsi dengan PAO Asing

PAO dan pengawal selia daripada China, Japan, Taiwan, Afghanistan, Nigeria, dan Saudi Arabia telah melawat MIA untuk menerapkan amalan baik dalam pelaksanaan piawaian perakaunan, peraturan dan tadbir urus yang baik.

Perikatan ASEAN

MIA berkhidmat dalam Persekutuan Akauntan ASEAN (AFA) sebagai ahli dalam Jawatankuasa Kerja Penerimaan Pakai dan Pelaksanaan Piawaian Antarabangsa dan Naib Pengerusi untuk Jawatankuasa Kerja tentang Pembangunan Keupayaan PAO. Di samping bertindak sebagai rakan kongsi program Bank Dunia dalam perakaunan dan pengauditan di Lao PDR, pada bulan Disember 2017, MIA telah menandatangani MoU dengan rakan sejawat di Lao untuk berkongsi kepakaran dalam perkembangan profesional dan pelaksanaan IFRS dalam perkhidmatan kewangan.

Menuju Masa Depan

Keahlian & Operasi menggerakkan transformasi teknologi dan inisiatif penglibatan MIA, yang berpusat untuk meletakkan sektor perakaunan Malaysia sebagai model global kecekapan dan tadbir urus yang baik. Akan datang, kami memasukkan pelaksanaan MMIS dan Rangka Kerja Kompetensi MIA, mengharmonikan akreditasi, serta menerbitkan hasil penemuan dari Kaji Selidik Kepuasan Ahli MIA 2018.



DIVISIYEN STRATEGI & PEMBANGUNAN

Menganjak Profesion ke Tahap Seterusnya

Noor Azlina Abu Bakar

Ketua Kumpulan
Persidangan MIA

Jenny Gong Suan Ann

Ketua Kumpulan
Perkongsian & Acara Khas

Thenmalar Meyyappan

Ketua Kumpulan
*Komunikasi Strategi
& Penjenamaan*

Shireen Wong Fah Ing

Ketua Kumpulan
Seminar & Bengkel

G. Shanmugam

Pengarah Eksekutif



Pengarah Eksekutif Strategi dan Pembangunan G. Shanmugam menjelaskan bagaimana divisyennya memajukan profesion dan menyokong pembangunan negara.

KEUTAMAAN STRATEGIK

SO1

SO4

TUMPUAN TAHUN INI

Menerbitkan Laporan Bersepadu yang ulung untuk 2017

Melengkapkan Pelan Operasi Institut untuk 3 tahun

37,000 orang peserta mendapat manfaat daripada program CPE

Menganjurkan sambutan Ulang Tahun ke-50 MIA

317 liputan dalam Media

Q

Ceritakan kepada kami pencapaian utama anda

Dari sudut pandang strategi dan pembangunan, saya amat berbangga untuk kongsi bahawa kami telah menyempurnakan pelan operasi kami mengikut petunjuk prestasi utama (KPI) yang ditetapkan untuk divisyen.

Secara strategik, pelaksanaan <IR> merupakan perjalanan berterusan kepada pembaikan lanjutan yang melibatkan pihak-pihak berkepentingan kami. Kami berjaya mengakhiri sambutan ulang tahun ke-50 kami dengan menanam kapsul masa yang akan dibuka pada tahun 2067. Untuk tujuan pembiayaan sambutan ulang tahun, kami berjaya melaksanakan pelan dana penajaan yang menerima sokongan menggalakkan daripada pihak berkepentingan kami dan rakan kongsi. Kami juga memuktamadkan pelan operasi untuk 3 tahun yang menjadi panduan kepada Institut dalam mengutamakan tumpuannya dan penggunaan sumber dalam menyokong objektif strategik.

Kami menganjurkan 1,026 program pendidikan profesional berterusan (CPE) termasuk Persidangan MIA 2017 yang dihadiri oleh hampir 3,000 orang delegasi. Pelbagai aktiviti CPE memanfaatkan hampir 37,000 orang peserta secara keseluruhannya, dan menjana RM27.6 juta hasil untuk Institut. Bagi mencipta lebih nilai untuk para ahli, rakan kongsi dan penaja, kami melebarkan skop untuk menawarkan acara rangkaian kerjasama yang akan memberi kelebihan kepada semua pihak.

Q

Apakah risiko utama anda dan cabaran-cabarannya?

Arah dan pelaksanaan pelan strategik jangka panjang kami dalam mengawal dan membangun profesion perakaunan bergantung kepada transformasi kawal selia. Kami menangani risiko ini dengan memasukkan bahagian tertentu dari pelan jangka panjang kami ke dalam pelan operasi jangka pendek untuk 3 tahun.

Persaingan memang sentiasa wujud, tetapi kami gunakannya sebagai

pengemudi untuk memperbaiki kualiti CPE dan hasilnya. Apabila kami melihat sinergi, kami memilih untuk bekerjasama berbanding bersaing. Cabaran malar lain adalah mendapatkan pakar bidang yang betul sebagai pelatih untuk program CPE kami dan untuk menguruskan kos yang makin meningkat.

Q

Apakah perancangan anda untuk tahun depan?

Profesion mesti menguasai teknologi untuk memastikan kerelevannya dan nilai proposisi. Dalam memacu penerimaan pakai teknologi, kami bercadang untuk menawarkan lebih program CPE tentang analitik data, kecerdasan buatan, keselamatan siber, rantai blok, dan aplikasi awan berkaitan dengan perakaunan.


MIA akan bekerjasama rapat dengan rakan pengawal selia kami untuk menghasilkan CPE terutamanya tentang Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) yang baharu untuk menggalakkan pembayar cukai membayar cukai yang betul, dan untuk membantu profesion menguasai Bahasa Pelaporan Perniagaan Tambahan (XBRL) yang baharu – berdasarkan Sistem Pelaporan Perniagaan Malaysia (MBRS).

Kami juga berusaha untuk menyiapkan pelan strategik jangka panjang MIA, menetapkan arah strategik yang jelas selaras dengan transformasi kawal selia. Bagi komunikasi, kami akan melancarkan versi digital *Accountants Today* (eAT), sebuah majalah dwi-bulanan Institut pada suku ketiga 2018, bagi menjadikannya sebagai platform sumber yang membolehkan komunikasi interaktif untuk ahli-ahli.

Lebih penting lagi, dari perspektif organisasi kami akan terus memberi penekanan kepada kerjasama dalaman untuk kecemerlangan operasi. Sebagai contoh, apabila Pengawasan & Penguatkuasaan mengenalpasti ahli-ahli yang memerlukan pendidikan pemulihan, adalah menjadi tanggungjawab kami untuk menyampaikan program yang diperlukan bagi meningkatkan kemahiran juruaudit. Integrasi dipertingkat ini disokong oleh langkah berterusan kami ke atas pemikiran bersepadu dan pelaporan bersepadu dalam memajukan profesion ke arah pembangunan negara.




STRATEGI & PEMBANGUNAN



Acara dianjurkan diseluruh negara (%)

- Pusat (HQ)
- Kawasan Utara
- Johor
- Sabah
- Sarawak



Penyertaan dari seluruh negara (%)

- Pusat (HQ)
- Kawasan Utara
- Johor
- Sabah
- Sarawak

Kalis Cabaran Masa Depan Profesion

Penilaian Prestasi

Divisyen Strategi dan Pembangunan memacu tiga fungsi kompleks yang berpusat kepada kemampanan Institut. Divisyen bertanggungjawab ke atas rumusan dan pemantauan strategik jangka pendek, sederhana dan jangka panjang; komunikasi dan penjenamaan strategik yang berpadu dalam meletakkan Institut sebagai peneraju organisasi perakaunan profesional di dalam negara dan secara global; dan pembangunan profesional yang menyampaikan program CPE dan persidangan yang direka bentuk untuk menjadikan para ahli dan profesion kalis cabaran masa depan dan pada masa yang sama menyumbang sebanyak satu pertiga daripada hasil Institut.

Impak kepada ASEAN

Bagi tahun yang dilaporkan, pada ketika deraf tahun strategik jangka panjang sedang diperbincangkan dengan lebih lanjut, kami telah merumuskan pelan operasi untuk 3 tahun (Jul 2018 – Jun 2021) yang mendapat kelulusan Majlis.

Kami juga menambahkan dan melaksanakan pelan komunikasi strategik untuk mengukuhkan penjenamaan dan reputasi Institut, dan untuk memajukan dan meningkatkan status ahli-ahli dan profesion. Petunjuk penting ialah mengukuhkan hubungan baik dengan media; Institut telah mendapat banyak liputan media dan berterusan menyokong pandangan kami terhadap isu-isu seperti nilai audit, kepentingan pelaporan kewangan



1,026

program CPE yang berjaya



RM27.6

juta

hasil dijanakan

berkualiti tinggi, penguatkuasaan kawal selia dan perkembangan kecekapan menerusi pembelajaran sepanjang hayat. Kami juga memacu penjenamaan kami dan proposisi nilai menerusi peningkatan penglibatan media sosial.

Bagi pelaporan korporat, kami menerajui dan menguruskan pelaksanaan <IR> Institut dan ini merupakan perjalanan berterusan kepada pembaikan lanjutan yang melibatkan pemegang berkepentingan kami. Kami juga mula menjalankan kerja-kerja penghijrahan *Accountants Today* iaitu majalah dwi-bulanan Institut kepada platform digital, menjadikannya platform sumber yang akan meningkatkan lagi penglibatan ahli.

Kami juga bertanggungjawab untuk merancang dan mengurus sambutan Ulang Tahun ke-50 – dengan sokongan keseluruhan Institut. Sambutan tersebut dibiayai hampir sepenuhnya menerusi penajaan nilai tambah. Dengan penekanan kepada tema nilai Integriti, Akauntabiliti dan Kepercayaan, inisiatif Ulang Tahun ke-50 memperkuat penjenamaan MIA sebagai pengawal selia dan pemaju perakaunan kebangsaan dan kemuncaknya adalah Majlis Makan Malam Gala yang dirasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Nazrin Muizzudin Shah, Sultan Perak Darul Ridzuan dan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Zara Salim, Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan pada 30 September 2017.

Pembangunan Profesional

Kami dengan jayanya menganjurkan 1,026 program termasuklah 200 tajuk baharu bagi membangun dan meningkatkan kecekapan profesional perakaunan selari dengan jangkaan pasaran. Ini merangkumi 762 Seminar & Bengkel, 263 Acara Khas dan Persidangan Akauntan Antarabangsa MIA 2017 yang direka khusus untuk meningkatkan kemahiran ahli-ahli dalam perdagangan dan industri, amalan awam, sektor awam dan akademik.

Kandungan telah disusun dengan cermat untuk memenuhi keperluan pasaran kini dan masa depan, dan menumpukan kepada topik utama dan berbangkit seperti pelaporan bersepadu, pelaporan juruaudit dipertingkat, piawaian pelaporan kewangan (MFRS 9, 15 dan 16), teknologi (analitik data, robotik dan kecerdasan buatan, serta pelaksanaan teknologi kewangan), pengawalan (Akta Syarikat 2016), MBRS dan percukaian.

Bagi menyampaikan program latihan CPE berkualiti tinggi secara tekal, kami telah mendapatkan khidmat 410 pakar industri dan pakar bidang sebagai pelatih dan penceramah termasuklah 26 orang pelatih yang baharu. Kami menganjurkan lebih banyak acara peringkat daerah untuk memenuhi permintaan yang meningkat dari luar Kuala Lumpur bagi memastikan kami merangkumi semua ahli-ahli dan profesion.

Walaupun kami menyasarkan 32,000 orang peserta pada tahun ini, program kami telah mencatatkan rekod seramai 36,866 orang peserta yang mana 23,597 orang atau 64% adalah terdiri daripada ahli-ahli MIA. Baki seramai 13,269 peserta adalah bukan ahli daripada golongan perakaunan. Sambutan yang hebat ini menandakan bahawa kandungan program CPE MIA adalah relevan dan mendapat permintaan tinggi daripada ahli-ahli dan bukan ahli.

Pada tahun ini, program CPE kami telah menjana hasil berjumlah RM27.6 juta yang ketara menyumbang kepada sumber kewangan MIA.

Kami memecahkan rekod baharu melalui acara utama kami, Persidangan Akauntan Antarabangsa MIA 2017 yang merupakan salah satu daripada persidangan perakaunan terbesar yang merekodkan tahap kepuasan delegasi sebanyak 75.5%. Persidangan 2017 dihadiri oleh 2,980 orang peserta, RM1.04 juta penajaan, dan menampilkan 65 orang penceramah terkenal daripada organisasi global,

serantau dan tempatan. MIA mendapat liputan yang tak ternilai melalui 35 media cetak dan penyiaran.

Sebagai sebahagian daripada CSR, kami juga menawarkan 26 kursus-kursus CPE ihsan bagi manfaat lebih daripada 1,200 orang ahli.

Untuk mempelbagaikan saluran pembelajaran, kami menyediakan e-pembelajaran menerusi kerjasama dengan rakan kongsi global. Memandangkan pembelajaran maya dan pembelajaran padanan telah meningkatkan momentum, kami bercadang untuk menawarkan modul e-pembelajaran yang lebih relevan untuk keupayaan teknologi dan memudahkan pembelajaran mengikut rentak yang digemari oleh ahli.

Dalam pada kami melonjakkan CPE dan acara khas, kami telah membuka lebih banyak peluang bernilai melalui kerjasama strategik dengan pihak-pihak berkepentingan kami. Kami mengukuhkan hubungan kami dengan rakan kongsi, penaja dan penyokong kami menerusi ekosistem perniagaan dengan menawarkan kepada mereka platform tak ternilai dan pakej nilai tambah berkualiti untuk penjenamaan dan penglibatan dengan keahlian kami yang makin berkembang dan membesar.

Maju ke hadapan

Kami akan terus mengawasi gangguan, risiko dan peluang-peluang dalam lingkungan profesion dan ekosistemnya untuk memperhalus strategi Institut, oleh yang demikian meningkatkan kemampunan institusi dan kerelevanan ahli-ahli. Apa yang penting ialah terus mengukuhkan model perniagaan kami sebagai pembekal utama CPE perakaunan bagi meningkatkan lagi kecekapan ahli-ahli kami dan memastikan kemampunan kewangan Institut untuk menyokong tujuan pembangunan negara.



DIVISYEN TEKNIKAL & AMALAN PROFESIONAL

Memperjuang Pematuhan dan Kecekapan



Pengarah Eksekutif Teknikal dan Amalan Profesional Simon Tay menjelaskan bagaimana MIA memacu pematuhan dan kecekapan untuk memperkukuhkan profesion dan menyokong pembangunan negara.

Q

Ceritakan kepada kami pencapaian utama anda

Terlalu banyak untuk disenaraikan. Pertama, saya amat berbangga dengan pasukan saya yang amat berdedikasi dan sokongan aktif yang kami terima daripada pelbagai Lembaga/Jawatankuasa dan Pasukan Petugas. Boleh saya katakan bahawa untuk tahun 2017/2018, kami tertumpu penuh kepada bantuan dan keterlibatan, juga mengeluarkan beberapa inisiatif utama dan projek.

Buat pertama kalinya, kami menganjurkan 8 sesi teknikal dengan para ahli di seluruh negara. Kami mengadakan keterlibatan SMP menerusi bengkel-bengkel kami tentang metodologi pengauditan amali dengan kerjasama MICPA dan keterlibatan yang menyeluruh seperti forum Pemilik Tunggal Audit, yang mana kami berkongsi tentang apa yang kami lakukan kepada ahli-ahli yang berfikiran terbuka.

Untuk membantu SMP dan SME, kami telah menerbitkan Penyata Kewangan Ilustrasi MPERS edisi kedua yang menjelaskan bahagian-bahagian yang sukar dan menyediakan contoh-contoh tambahan untuk penggunaan pakai MPERS seperti membuat keputusan, mengguna pakai pengukuran nilai saksama dan impak daripada Akta Syarikat.

Teknologi adalah sangat penting dalam agenda kami. Kami melengkapkan Rangka Bertindak Teknologi Digital MIA, bekerjasama dengan MyFinB dan melibatkan ahli-ahli dari seluruh profesion tentang aliran teknologi terkini menerusi meja bulat, kelompok sasaran, ceramah-ceramah percuma dan bengkel-bengkel.

Peristiwa penting lain untuk tahun ini termasuklah mengeluarkan Soalan Lazim tentang isu-isu pelaksanaan untuk MFRS 9 dan 15, 3 konsensus FRSIC, dan kerja bersama dengan Bank Dunia untuk menghasilkan analisis jurang pelaksanaan IFRS di Laos. Kami menerbitkan *First-Year Implementation Review of the Enhanced Auditors Report* bersama dengan Lembaga Pengawasan Audit (AOB) dan Persatuan Akauntan Bertauliah Berkanun (ACCA), untuk mempertingkatkan pelaporan juruaudit dan pelaporan korporat. Memperkukuhkan lagi sokongan <IR> kami, Majlis Pelaporan Bersepadu Antarabangsa (IIRC) telah mengiktiraf kami sebagai jurulatih tunggal mereka untuk ASEAN. Kami telah melengkapkan rangka kerja kecekapan CFO yang memetakan

KEUTAMAAN STRATEGIK

SO1

SO3

peranan dan kecekapan CFO dalam entiti kepentingan awam. Kami juga menghantar pandangan tentang membayar jumlah cukai yang betul kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri pada 10 Ogos 2017 yang menyimpan prinsip yang teguh tentang pentadbiran cukai yang di guna pakai di arena antarabangsa.

Q

Apakah risiko utama anda dan cabaran-cabarannya?

Kekurangan kakitangan. Pengambilan dan pengekalan bakat terus menjadi isu genting kerana cabaran besarnya adalah untuk mencari pengganti kepada kakitangan teknikal kami dan melatih yang baharu, memandangkan pendedahan yang diperoleh oleh kakitangan di Institut adalah berbeza daripada organisasi lain. Tambahan lagi, kami melihat dan menangani isu dari perspektif yang lebih luas dan strategik.

Keterlibatan pihak-pihak berkepentingan merupakan satu lagi cabaran kerana kami perlu menguruskan pihak berkepentingan berbilang dan minat mereka terhadap projek-projek seperti platform pengesahan bank atas talian untuk seluruh industri.

Q

Apakah perancangan anda untuk tahun depan?

Selain daripada menjalankan kerja teras Divisyen, kami juga mempunyai beberapa bidang tumpuan utama.

Kami akan menganjurkan aktiviti-aktiviti untuk mengoperasi Rangka Tindakan Teknologi Digital MIA dan melaksanakan platform pengesahan bank atas talian

TUMPUAN TAHUN INI

Menerbitkan Penyata Kewangan Ilustrasi MPERS edisi kedua

Menerbitkan Rangka Bertindak Teknologi Digital MIA

Melengkapkan Rangka Kerja Kompetensi untuk Ketua Pegawai Kewangan (CFO) di Syarikat Tersenarai (PIE)

untuk seluruh industri yang akan menjadikan pengesahan audit lebih efisien dan selamat.

Berkenaan dengan piawaian perakaunan, kami akan terus menangani isu-isu pelaksanaan untuk piawaian yang berkuatkuasa baru-baru ini dan MFRS 16 Pajak, juga menganalisis MFRS 17 Insurans yang akan menjadi permulaan besar untuk industri insurans pada tahun 2021.

Kami akan terus melibatkan PAIB untuk kecekapan CFO dan fungsi-fungsi kewangan bagi memperkukuhkan fungsi-fungsi kewangan organisasi.

Tugasan penting ialah mengemaskini Undang-undang Kecil MIA berkaitan dengan etika profesional untuk memasukkan Kod struktur semula IESBA yang penting, bertujuan untuk menjadi lebih berguna, memandu arah dan boleh dikuatkuasakan.


Untuk meningkatkan sokongan <IR>, kami akan mengadakan kursus dalam dua kategori: kursus pengenalan untuk membangkitkan kesedaran dan kursus untuk pengamal yang ditugaskan untuk menyediakan <IR> untuk organisasi mereka.

Kami akan meneruskan inisiatif kami untuk memastikan keseragaman dalam amalan akauntan pelapor di pasaran modal dan meningkatkan amalan penilaian yang dijalankan oleh ahli-ahli.

Kami dijangka akan melancarkan buku teks Kewangan Islam (IF) dan penerbitan 16 kajian kes IF yang ditulis oleh graduan Program Pelatihan Mini IF.




TEKNIKAL & AMALAN PROFESIONAL



Bilangan Khidmat Bantuan

- Penilaian
- SMP
- Akauntan Profesional dalam Perniagaan (PAIB)
- Maklumat Terkini Teknikal MIA 2018 *
- Kewangan Islam – Lain-lain
- Kewangan Islam – Program Pelatihan Mini
- Etika
- Teknologi Digital
- <IR>



Bilangan Peserta mengikut Kategori Khidmat Bantuan

- Penilaian
- SMP
- Akauntan Profesional dalam Perniagaan (PAIB)
- Maklumat Terkini Teknikal MIA 2018 *
- Kewangan Islam – Lain-lain
- Kewangan Islam – Program Pelatihan Mini
- Etika
- Teknologi Digital
- <IR>

* topik yang diliputi termasuklah pelaporan kewangan, pengauditan, pasaran modal, etika, percukaian dan ekonomi digital

Menyokong Keprofesionalan

Penilaian Prestasi

Divisyen Teknikal dan Amalan Profesional mempunyai 2 fungsi penting: pertama, memacu pelaksanaan dan pematuhan dengan piawaian dan peraturan antarabangsa oleh profesion di Malaysia, dan kedua, memperkembangkan kecekapan profesional perakaunan untuk memenuhi permintaan pasaran. Selain daripada inisiatif yang dijalankan secara terus oleh Divisyen, kami perolehi kepimpinan kolaborasi dalam menjalankan fungsi-fungsi kami melalui sokongan, input dan panduan daripada pelbagai Lembaga/Jawatankuasa dan pasukan petugas teknikal dan amalan.


Untuk tahun yang dilaporkan, Divisyen telah mencatatkan pencapaian yang berikut:

Penyelidikan dan Komentaran

Untuk menjadi contoh dan memacu amalan yang lebih baik dalam pelaksanaan piawaian pelaporan juruaudit dipertingkatkan yang dikaji semula dan baharu, kami telah bekerjasama dengan Lembaga Pengawasan Audit (AOB) dan Persatuan Akauntan Bertauliah Berkanun (ACCA) untuk mengeluarkan *Enhanced Auditors Report: A Review of First-Year Implementation Experience in Malaysia*.

Untuk menyokong amalan profesional dan pelaksanaan piawaian, kami aktif menerbitkan panduan teknikal yang dibangunkan sendiri tentang pelaporan kewangan, pengauditan, etika, pasaran modal dan percukaian, termasuklah Soalan Lazim tentang MFRS 15 Hasil dari Kontrak dengan Pelanggan dan Soalan Lazim tentang MFRS 9 Instrumen Kewangan dan juga beberapa konsensus Jawatankuasa Pelaksanaan Piawaian Pelaporan Kewangan (FRSIC) tentang perkara-perkara lain.

Kami menyumbang kepada pembentukan piawaian dengan menyerahkan sejumlah 21 komentar, 10 kepada pembentuk piawaian antarabangsa dan 11 kepada pengawalselia dan pihak berkuasa Malaysia. Tumpuan adalah komentar tentang Konsultasi Kumpulan Pemantauan berkenaan dengan tadbir urus dan pengawasan terhadap lembaga pembentuk piawaian berkaitan audit antarabangsa untuk kepentingan awam dan Deraf Dedahan Lembaga Piawaian Jaminan dan Pengauditan Antarabangsa (IAASB) tentang cadangan Piawaian Pengauditan Antarabangsa (ISA) 540 (Kajian Semula), Anggaran Perakaunan Pengauditan dan Pendedahan Berkaitan dan Kertas Konsultasi tentang Perakaunan untuk Hasil dan Perbelanjaan Tiada Pertukaran oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa (IPSASB).



15

Sesi kesedaran dan meja bulat tentang teknologi digital



21

komentar

Bantuan dan Keterlibatan

Sepanjang tahun, kami mengadakan program bantuan secara besar-besaran untuk menjelaskan peranan Institut dan berhubung dengan ahli-ahli dan pihak berkepentingan kami. Secara keseluruhan, kami menjalankan 14 program khidmat bantuan ihsan.

Ini termasuklah 8 sesi kemaskini teknikal ihsan yang belum pernah diadakan sebelum ini di seluruh negara untuk topik berkaitan dengan perakaunan, pengauditan, percukaian, ekonomi digital, pasaran modal dan etika agar profesion perakaunan sentiasa peka dengan perkembangan terkini dan inisiatif-inisiatif MIA dalam bidang ini.

Untuk meningkatkan kecekapan SMP, kami mengadakan 38 sesi latihan tentang Panduan Audit untuk Pengamal (AGP) yang mengumpulkan kadar kepuasan lebih daripada 75%, diukur bermula dari bulan Ogos 2017 hingga Mei 2018. Kami bekerjasama dengan Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA) untuk menganjurkan bersama, bengkel-bengkel tentang AGP dan Kertas Kerja Audit Ilustrasi (IAWP). Kami juga bekerjasama dengan MICPA untuk melengkapkan 6 buah Program Penilaian Kualiti (QAP) dengan MICPA menyerahkan 4 laporan akhir tentang hasilnya.

Untuk menyokong Pelaporan Bersepadu, <IR>, kami menganjurkan sesi seorang ke seorang dengan korporat dan pengawalselia, berkongsi pengalaman IR dengan PAO di negara lain, berhubung dengan para CFO daripada Kumpulan Khazanah, dan mengadakan Ceramah Pagi Pelaporan Bersepadu.

Untuk mengukuhkan kepimpinan kewangan, kami telah melengkapkan Rangka Kerja Kompetensi untuk Ketua Pegawai Kewangan (CFO) di Syarikat Terserai (PIE). Rangka Kerja adalah sebagai panduan untuk syarikat, Jawatankuasa Audit dan para CFO tentang skop kerja dan kecekapan yang diperlukan pada CFO di Syarikat Terserai (PIE), yang kemudiannya akan membantu meningkatkan prestasi organisasi dan tadbir urus yang lebih baik. Kami dalam proses untuk menyiapkan rangka kerja yang sama untuk fungsi-fungsi kewangan yang amat diperlukan dalam menyokong dan melengkapkan kerja CFO. Kami juga menyokong kepada pematuan dan tadbir urus yang telah ditambah dengan mengadakan bengkel untuk ketua-ketua kewangan bersama-sama dengan Suruhanjaya Sekuriti tentang Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia.

Kami juga berhubung dengan agensi-agensi kerajaan, pembuat piawaian, pengawal selia dan pihak-pihak berkepentingan yang berkaitan untuk mengumpul maklum balas berkenaan profesion dan untuk berkongsi inisiatif dalam memudahkan pematuan terhadap piawaian dan peraturan, juga meningkatkan kecekapan profesional perakaunan.

Kecekapan Digital

Bagi mempersiapkan ahli-ahli dan profesion ke arah IR4.0, MIA telah menyediakan beberapa inisiatif utama. Ini termasuklah melengkapkan dan mengeluarkan Rangka Tindakan Teknologi Digital MIA. Rangka Tindakan ini menyenaraikan 5 dasar yang akan memandu profesion perakaunan dalam membangunkan rangka tindakan penerimaan pakai teknologi berskala dengan keperluan mereka.

Kami juga bekerjasama dengan MyFinB tentang program pembangunan keupayaan dan memperkembangkan penyelesaian berkaitan teknologi digital khususnya untuk profesion perakaunan, dengan menumpukan kepada aplikasi kecerdasan buatan, data besar dan analitik data, juga sistem kognitif yang boleh meningkatkan audit, perundingan dan cukai.

Memandangkan pengesahan elektronik kini merupakan kaedah yang digemari untuk mengesahkan maklumat klien dalam bidang kuasa lanjutan bagi mencapai kecekapan dan sekuriti yang tinggi, kami sedang membangun dan melaksanakan Platform Pengesahan Bank Elektronik seluruh industri.

Untuk meningkatkan kesedaran tentang keperluan untuk meningkatkan kemahiran terutamanya dalam kecerdasan buatan dan analitik data, kami telah menganjurkan ceramah dan bengkel meja bulat, kumpulan fokus dan 10 ceramah ihsan untuk ahli-ahli dari semua sektor. Memandangkan penggunaan teknologi digital semakin menjadi keutamaan untuk fungsi kewangan, kami dengan aktifnya menyokong agar ketua-ketua kewangan terutamanya CFO menerima teknologi. Amat ketara, kami telah mengadakan 3 ceramah ihsan, Siri Ceramah Pagi MIA-Oracle untuk para CFO dengan kerjasama Oracle Malaysia yang menumpukan kepada gangguan, kewangan, penyumberan dan pemerolehan di era digital

Pembangunan Keupayaan untuk Kewangan Islam

Kami amat aktif dalam mengembangkan keupayaan dan kecekapan untuk kewangan Islam dalam tahun yang dilaporkan. Pencapaian utama kami adalah Program Pelatihan Mini Kewangan Islam, dipelopori oleh MIA dengan sokongan daripada firma-firma audit utama, pengawal selia dan pemain industri. Dalam tahun ini, program 3 modul menyatukan latihan, pengajaran dan kajian kes menyokong usaha Kerajaan untuk membangunkan tenaga kerja IF yang kemahiran tinggi. Kami juga terlibat secara aktif dengan Persatuan Penasihat Syariah dalam Kewangan Islam (ASAS) dan bank-bank Islam utama untuk berkongsi pengetahuan dan kepakaran, terutamanya berkenaan dengan buku teks MIA yang akan datang tentang penggunaan pakai IFRS dalam Kewangan Islam. Ketika menyiapkan buku teks tersebut, kami telah melengkapkan perbincangan meja bulat industri tentang perbankan, takaful dan pengurusan aset kewangan Islam.

Menuju Masa Depan

Kami akan menumpukan kepada kecekapan dan pembangunan keupayaan dengan meneruskan inisiatif utama kami terhadap teknologi, kepimpinan kewangan, SMP dan Kewangan Islam (IF). Rangka Tindakan Teknologi Digital MIA, Rangka Kerja Kompetensi untuk CFO di PIE dan Fungsi Kewangan, platform pengesahan bank atas talian seluruh industri, buku teks tentang penggunaan pakai IFRS dalam kewangan Islam, dan pengendalian Hala Tuju SMP 2015-2020 bersedia menjadi pengubah utama kepada profesion di Malaysia.



DIVISYEN PENGAWASAN & PENGUATKUASAAN

Memerangi Kerja Tertunggak dan Akauntan Tidak Berdaftar

Lo See Yee
Pengurus Kanan
Penguatkuasaan

Shyamala Devi Rajagopal
Pengurus Kanan
Penguatkuasaan

Dato' Muhammad Redzuan Abdullah
Pengarah Eksekutif

Yeo Ley-Mei
Ketua
Kajian Semula Amalan

Low Wai-Ky
Ketua
FSR & Pematuhan CPE



Pengarah Eksekutif Pengawasan dan Penguatkuasaan Dato' Muhammad Redzuan Abdullah menjelaskan bagaimana MIA menekankan kepada keterlibatan dan penguatkuasaan proaktif untuk mengukuhkan tadbir urus dan kredibiliti profesion di khalayak ramai.

Q

Ceritakan kepada kami pencapaian utama anda

Keutamaan kami adalah untuk menyelesaikan tunggakan aduan yang dihantar kepada MIA termasuklah kes berprofil tinggi dan bertindak ke atas akauntan dan juruaudit tidak berdaftar, di samping menekankan kepada pendidikan dan keterlibatan.

Bagi tahun berakhir 30 Jun 2018, kami hampir membereskan kerja-kerja tertunggak untuk 107 kes, dengan pengecualian untuk 4 kes di mahkamah dan 28 yang lain yang dalam pertimbangan oleh Jawatankuasa Penyiasatan. Ini memberi kami lebih masa untuk menumpukan kepada akauntan dan juruaudit tidak berdaftar.

Kami terus melaksanakan penguatkuasaan seimbang yang menekankan kepada pendidikan, kerana apabila kita mengawal selia kita mesti memastikan para ahli mempunyai kecekapan. Sepanjang tahun 2017, kami telah mengadakan banyak sesi keterlibatan seperti dialog dan syarahan. Ramai ahli yang melibatkan diri dan memberikan maklum balas bahawa mereka kini amat menyedari tentang peraturan dan memahami tentang penguatkuasaan yang kita sampaikan.

Q

Apakah risiko utama anda dan cabaran-cabarannya?

Risiko utama saya ialah saya tidak mempunyai kuasa yang cukup untuk mengambil tindakan ke atas bukan ahli. Di masa depan kita perlu terus melobi agar Akta Akauntan di pinda untuk memberikan kuasa ini.

Pindaan utama adalah untuk mempelbagaikan komposisi ahli-ahli dalam Jawatankuasa Penyiasatan, Jawatankuasa Tatatertib dan Lembaga Rayuan Tatatertib. Kami mencadangkan agar Akta dipinda dengan memasukkan bukan ahli sebagai ahli panel bagi memastikan terdapat kebebasan dan tiada perbezaan dalam menjatuhkan

KEUTAMAAN STRATEGIK

SO2

SO3

hukuman kepada responden, dan orang ramai dapat melihat bahawa kita telah berlaku adil.

Cadangan pindaan utama lain ialah meningkatkan pengenaan sekatan menurut Akta kerana sekatan yang sedia ada tidak menyebabkan mereka gentar. Ketika kita menjalankan pelbagai penguatkuasaan, ia tidak menghasilkan kebimbangan seperti mana yang timbul daripada Akta Syarikat yang baharu. Sekatan yang lebih ketat mesti diwujudkan untuk menyemai kegenteran itu dan meningkatkan tadbir urus yang baik bagi melindungi kepercayaan awam dan kepentingan negara. Namun begitu, MIA akan terus bersikap adil kepada para ahli dan orang awam secara keseluruhannya dengan berkongsi dengan mereka pendidikan secara berterusan sebagai sebahagian daripada Penguatkuasaan Seimbang kami.

TUMPUAN TAHUN INI

41 Pelan Tindakan Pemulihan diserahkan, dan 28 Pelan Tindakan Pemulihan diluluskan oleh Jawatankuasa Kajian Semula Amalan dalam tahun ini

Menyelesaikan 42 kes dalam tahun ini

30 penguatkuasaan proaktif ke atas Akauntan Tidak Berdaftar

Q

Apakah perancangan anda untuk tahun depan?

Kami bercadang untuk mendalami lagi iltizam serta memperteguh dan memperkukuhkan penguatkuasaan proaktif, yang mana pegawai saya sendiri akan keluar untuk menyiasat dan membuat aduan ke atas akauntan yang menyeleweng.

Kami akan mendidik secara agresif serta berhubung rapat dengan pihak universiti dan perniagaan untuk menutup lompang dalam pengetahuan juga memaklumkan para ahli tentang peranan mereka dan apa yang diharapkan daripada mereka.

Kami akan bekerja keras bagi memastikan cadangan pindaan ke atas Akta diluluskan agar memberi kuasa kepada MIA untuk mengawal selia profesion sepenuhnya, setara dengan pengawal selia yang lain. Kami mahu dapat perspektif yang betul dan membuat pihak-pihak berkepentingan faham bahawa kami adalah pengawalselia untuk profesion perakaunan. Peraturan-peraturan yang lebih kukuh akan memberi manfaat kepada Kerajaan dan dalam kepentingan awam kerana melantik juruaudit dan akauntan yang betul akan menggalakkan pembayar cukai untuk menyokong pembangunan negara.


Kami juga akan lebih tegas tentang pematuhan CPE. Pada tahun lepas, saya berjanji untuk bertindak keras sepenuhnya ke atas pemegang lesen audit yang mencabuli keperluan CPE, dan kami telah membatalkan 3 lesen audit. Pada tahun ini, dasar baharu kami ialah untuk tidak memperbaharui sijil amalan kepada pemegang sijil amalan sedia ada yang gagal mematuhi CPE. Terdapat kes yang mewajarkan pembatalan lesen atau penggantungan; yang dengan melakukannya, kita memberi kebolehppercayaan kepada profesion dan menunjukkan keadilan kepada semua.



PENGAWASAN & PENGUATKUASAAN

Statistik


Statistik mewakili firma-firma berisiko tinggi yang dipilih berdasarkan pendekatan asas-risiko dan TIDAK mewakili profesion audit secara keseluruhan. Pemilihan firma-firma telah dinilai sebagai berisiko tinggi kebiasaannya menghasilkan pemilihan firma yang besar kemungkinan mempunyai kesukaran untuk lulus dalam proses Kajian Semula Amalan.



Tahun Kewangan 2016/2017

- Jenis 1 (Lulus)
- Jenis 2 (Lulus Marginal - Jaminan diperlukan)
- Jenis 3 (Tidak Memuaskan - Perlu susulan)
- Jenis 3 (Tidak Memuaskan - Rujuk ke Tindakan Tatatertib)

Jumlah laporan akhir dikeluarkan : 61



Tahun Kewangan 2017/2018

- Jenis 1 (Lulus)
- Jenis 2 (Lulus Marginal - Jaminan diperlukan)
- Jenis 3 (Tidak Memuaskan - Perlu susulan)
- Jenis 3 (Tidak Memuaskan - Rujuk ke Tindakan Tatatertib)
- Jenis 4 (Gagal - Rujuk ke Tindakan Tatatertib)

Jumlah laporan akhir dikeluarkan : 56

Menguatkuasa Etika bagi Kepentingan Awam

Penilaian Prestasi

Divisyen Pengawasan dan Penguatkuasaan mengawal selia profesion untuk melindungi kepentingan awam dan meningkatkan reputasi profesion perakaunan Malaysia. Berikut adalah aktiviti teras kami sepanjang tahun kewangan yang dilaporkan:

Kajian Semula Amalan Disemak

Berkuatkuasa pada 1 Julai 2017, MIA melaksanakan rangka kerja Kajian Semula Amalan yang telah disemak, bagi menggantikan Kajian Semula Susulan Pelan Tindakan Pemulihan (RAP) untuk firma-firma dengan penarafan Jenis 3. Firma-firma dikehendaki untuk menghantar RAP

mereka satu bulan selepas menerima laporan Kajian Semula Amalan akhir yang diluluskan oleh Jawatankuasa Kajian Semula Amalan (PRC). Kami juga memperkenalkan penarafan Jenis 4 yang dikenakan kepada para pengamal yang berkelakuan tidak beretika.

Keseluruhannya, kami telah mengadakan 66 kajian semula dan memuktamadkan 56 kajian semula. Semasa pelaksanaan tahun pertama kerja-kerja menyemak rangka kerja kajian semula amalan (termasuk 27 firma audit yang gagal dalam kajian semula mereka yang pertama dan memilih untuk menghantar RAP dalam tempoh peralihan), kami telah menerima 41 RAP yang mana PRC telah meluluskan 28 RAP.

MIA akan menjalankan kajian semula pemantauan ke atas firma-firma audit ini tiga bulan selepas PRC meluluskan RAP. Sekiranya kajian semula pemantauan menunjukkan firma-firma audit gagal untuk memperbaiki kelemahan mereka secara efektif, PRC akan membuat aduan kepada Pendaftar MIA.

Bagi mendidik para ahli tentang Rangka Kerja Kajian Semula Amalan, kami melibatkan juruaudit dalam beberapa acara MIA dan mengeluarkan artikel bertajuk "Formulating an Effective Remedial Action Plan" dalam *Accountants Today*.

Bagi tahun 2018/2019, kami bercadang untuk meningkatkan bilangan firma yang dikaji semula sebanyak 20%. Kami juga sedang menyediakan Laporan Kajian Semula Amalan 2018 untuk mendidik para ahli tentang Program Kajian Semula Amalan yang disemak.

Penelitian Penyata Kewangan

Kami menutup 18 kes (11 kes dalam Kategori 1 – memuaskan, 5 kes dalam Kategori 2 – kurang memuaskan dan 2 kes dalam Kategori 3 – tidak memuaskan) berbanding dengan 25 kes (20 kes dalam Kategori 1 – memuaskan dan 5 kes dalam Kategori 2 – kurang memuaskan) semasa tahun kewangan lepas.

Bertujuan untuk mendidik ahli-ahli, kami menerbitkan artikel bertajuk "Financial Reporting Disclosures: Communicating What Matters" dalam *Accountants Today*, yang menumpukan kepada penemuan lazim daripada kajian semula. Kami berhasrat untuk meningkatkan penelitian penyata kewangan kami sebanyak 20% bagi tahun 2018/2019.

Untuk menggalakkan pelaporan korporat cemerlang, kami menganjurkan Anugerah Pelaporan Korporat Tahunan Kebangsaan (NACRA) 2017 bersama-sama dengan Bursa Malaysia dan Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia.

Pematuhan Pendidikan Profesional Berterusan (CPE)

Pematuhan CPE adalah penting untuk memastikan kecekapan juruaudit. Kadar Pematuhan CPE ke atas 3,518 pemegang sijil amalan adalah 89% (384 orang ahli gagal mematuhi pada tahun kalendar 2017).

Kami memantau rapi pematuhan CPE untuk pemegang lesen audit dan pemegang sijil amalan sebelum memperbaharui lesen audit. Bagi tujuan memperbaharui lesen mereka untuk 2018/2019, Pemegang Sijil Amalan perlu mematuhi jam kredit CPE 2017.

Juruaudit yang menyeleweng akan dinafikan pembaharuan lesen mereka untuk mengekalkan kecekapan juruaudit dan kualiti audit. Pada tahun 2017/2018, kami telah mencadangkan 3 kes agar tidak diperbaharui lesen audit mereka (2016/2017: 3 kes) kerana gagal mematuhi keperluan CPE dan kami telah mengeluarkan surat tunjuk sebab kepada ahli tersebut kerana terdapat percanggahan di dalam rekod CPE dan seterusnya membuat aduan kepada Pendaftar MIA berkenaan dengan kes ini.

Kami telah menerbitkan artikel bertajuk *"Upholding Public Trust and Confidence Developing Competent Professional Accountants"* dalam *Accountants Today* dengan tujuan untuk mendidik ahli-ahli tentang kepentingan pematuhan CPE.

Jawatankuasa Penyiasatan

Jawatankuasa Penyiasatan telah mengenepikan 25 aduan (2016/2017: 50 aduan) dan merujuk 50 aduan (2016/2017: 41 aduan) kepada Jawatankuasa Tatatertib, meninggalkan baki sebanyak 32 aduan yang dalam siasatan. Untuk tahun 2018/2019, kami berhasrat untuk melengkapkan 90% daripada aduan dalam masa yang ditetapkan.

Sebagai sebahagian daripada inisiatif penguatkuasaan proaktif, Divisyen Pengawasan dan Penguatkuasaan telah mengemukakan 17 aduan kepada Pendaftar MIA berkenaan dengan ahli-ahli yang menjalankan amalan tanpa sijil amalan, isu-isu kebebasan dan gagal untuk mematuhi Undang-undang Kecil Institut bagi Tahun Kewangan 2017/2018.

Pengawasan dan Penguatkuasaan banyak menjalankan tindakan penguatkuasaan proaktif ke atas akauntan tidak berdaftar yang mana tindakan telah dikenakan ke atas 30 buah syarikat/perniagaan dengan:


- Penerbitan iklan-iklan awam;
- Rujukan kepada pengawal selia setara; dan;
- Pembuangan laman sesawang – Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC)
- Mengemukakan laporan polis

Jawatankuasa Tatatertib

Jawatankuasa Tatatertib telah mengenepikan 2 kes (2016/2017 : 5 kes) dan 40 kes (2016/2017 : 7 kes) didapati bersalah; dikenakan hukuman. Baki 43 kes masih menunggu pendengaran.


Jawatankuasa Tatatertib mengeluarkan dua orang ahli daripada Institut atas alasan kebankrapan dan menyalahgunakan keahlian MIA, dan mengarahkan penggantungan 4 orang ahli untuk 3 bulan kerana: memberikan

Hukuman dilaksanakan oleh Jawatankuasa Tatatertib dianalisa seperti berikut:



Tahun Kewangan 2016/2017

- Digantung (termasuk Kos, Denda dan/atau Hadir Kursus)
- Teguran/Hadir Kursus/Kos dan/atau Denda
- Denda dan/atau Kos



Tahun Kewangan 2016/2017

- Dikeluarkan (termasuk Kos dan/atau Denda)
- Digantung (termasuk Kos, Denda dan/atau Hadir Kursus)
- Teguran/Hadir Kursus/Kos dan/atau Denda
- Denda dan/atau Kos
- Peringatan/Celaan/Teguran dengan Kos Sahaja

kenyataan mengelirukan kepada klien, gagal memberi maklum balas kepada surat-menyurat klien dan/atau Institut, juga konflik kepentingan dengan berkhidmat sebagai pengarah dan juruaudit di syarikat yang sama.

Untuk tahun 2018/2019, kami berhasrat untuk menyelesaikan kes-kes dalam masa 6 ke 9 bulan daripada tarikh rujukan oleh Jawatankuasa Penyiasatan dan untuk menyelesaikan kes-kes yang berada di bawah Kaedah 18(2), Kaedah-kaedah MIA (Tatatertib) 2002 dalam masa 3 ke 6 bulan daripada penerimaan dokumen yang lengkap.

Lembaga Rayuan Tatatertib/Perundangan

DAB mendengar 6 rayuan (2016/2017: 4 rayuan) dan mendukung keputusan Jawatankuasa Tatatertib dalam kesemua 6 kes. 5 rayuan lagi sedang dalam pertimbangan.

Bagi tahun 2018/2019, kami bercadang untuk menyelesaikan rayuan dalam masa 6 ke 9 bulan daripada tarikh rayuan dibuat oleh ahli-ahli.

5 tindakan telah difailkan di mahkamah sivil ke atas ahli-ahli kerana berhutang dengan Institut yang mana kelima-lima mereka telah menyelesaikannya di luar mahkamah.

Pejabat Pendaftar

Pejabat Pendaftar mengawasi proses wajar yang terlibat dalam mekanisme aduan sebelum memulakan penyiasatan oleh unit yang terlibat, dan membantu ahli-ahli yang telah menerima Notis Aduan.

Dari bulan Julai 2017 hingga Jun 2018, Pejabat Pendaftar telah merekodkan 61 aduan. Notis Aduan telah dikeluarkan untuk 45 kes manakala baki sebanyak 16 kes tidak memenuhi keperluan Kaedah 4, Kaedah-kaedah MIA (Tatatertib) 2002, terutamanya tentang tuduhan dan kelengkapan dokumen.

Menuju ke masa depan

MIA bercadang untuk mempercepatkan tindakan pengawasan dan penguatkuasaan untuk menguatkuasa standard tertinggi tingkah laku beretika untuk menanam kepercayaan awam. Kami akan terus membuat pindaan ke atas Akta Akauntan 1967, termasuklah denda punitif dan kebebasan juga pelbagai keahlian dalam Jawatankuasa Berkanun bagi memperbaiki dan mengukuhkan pengawalan profesion bagi kepentingan awam.

SUMBER MANUSIA

*Berkerja Bersama Sebagai
Satu Kumpulan
yang Padu*



Perbincangan Meja Bulat tentang Rangka Tindakan Teknologi Digital MIA

MIA mengamalkan budaya kepimpinan kolaborasi dan bersepadu, dipandu oleh nilai kami iaitu profesionalisme, integriti, akauntabiliti dan kepercayaan, yang mana Majlis, Jawatankuasa dan Pasukan Petugas serta 170 orang kakitangan bekerja sebagai satu kumpulan, bersama-sama ingin mencapai objektif strategik MIA.

Majlis, Jawatankuasa dan Pasukan Petugas terdiri daripada pemimpin pemikir dan pakar bidang utama yang melengkapkan pasukan Pengurusan yang berkecayaan dan berpengalaman dalam bidang mereka masing-masing.

Dengan meletakkan bakat sebagai satu daripada empat pendukung utama, MIA berusaha untuk memupuk dan memperkasa kecekapan dan bakat dinamik dengan menanam budaya berprestasi tinggi dan memacu nilai menggunakan pelbagai kaedah – motivasi, sistematik dan pemilihan terbukti dan proses pengrekrutan, latihan dan membentuk persekitaran kerja yang menyokong.

JAWATANKUASA/PASUKAN PETUGAS

(Senarai ini termasuk Ahli Jawatankuasa/ Pasukan Petugas yang dilantik, dilantik semula dan bersara dalam tahun ini)

Berkanun

No	Jawatankuasa	Pengerusi	Bilangan Ahli
1	Jawatankuasa Penyiasatan	Dato' Dr. Lukman Ibrahim	6
2	Jawatankuasa Tata tertib	Irvin George Luis Menezes	6
3	Lembaga Rayuan Tata tertib	Dato' Abdul Rauf Rashid	6
4	Jawatankuasa Peperiksaan	Prof. Dr. Maliah Sulaiman	10

Bukan Berkanun

No	Jawatankuasa	Pengerusi	Bilangan Ahli
1	Jawatankuasa Penelitian Penyata Kewangan	Foong Mun Kong	20
2	Jawatankuasa Semakan Amalan	Huang Shze Jiun	8
3	Jawatankuasa Kewangan Islam	Prof. Dr. Maliah Sulaiman	15
4	Jawatankuasa Amalan Insolvensi	Dato' Gan Ah Tee	17
5	Jawatankuasa Amalan Percukaian	Dr. Veerinderjeet Singh	14
6	Jawatankuasa Pemandu Pelaporan Bersepadu	Datuk Johan Idris	13
7	Jawatankuasa Penasihat Pasaran Modal	Dato' Mohammad Faiz Azmi	17
8	Jawatankuasa Penilaian	Dato' Wong Wing Seong	9
9	Jawatankuasa Pelaksanaan Piawaian Pelaporan Kewangan	Dato' Mohammad Faiz Azmi	12
10	Jawatankuasa Perakaunan Sektor Awam	Datuk Saat Esa	11
11	Jawatankuasa Piawaian Etika	Ravi Navaratnam	9
12	Jawatankuasa Piawaian Asurans dan Pengauditan	Lee Tuck Heng	16
13	Jawatankuasa Pendidikan	Datuk Zaiton Mohd Hassan	9
14	Jawatankuasa Akauntan Profesional dalam Perniagaan	Jeremy Nasrulhaq	14
15	Jawatankuasa Amalan Awam	Wong Wye Pong, Brian	17
16	Jawatankuasa Amalan Kecil dan Sederhana	Dato' Narendra Kumar Jasani	8
17	Jawatankuasa Teknologi	Wong Wye Pong, Brian	7
18	Jawatankuasa Profesional Muda	Chong Hou Nian, Steven	6
19	Jawatankuasa Pemantauan	Salihin Abang	7
20	Jawatankuasa Eksekutif	Salihin Abang	10
21	Jawatankuasa Pencalonan	Salihin Abang	8
22	Jawatankuasa Pengurusan Audit & Risiko	Datuk Tan Theng Hooi	7
23	Jawatankuasa Teknikal Bersama MIA-MQA	Salihin Abang	14

Pasukan Petugas

No	Jawatankuasa	Pengerusi	Bilangan Ahli
1	Pasukan Petugas Jawatankuasa Serantau	Huang Shze Jiun	8
2	Pasukan Petugas Ekonomi Digital	Chong Hou Nian, Steven	10
3	Pasukan Petugas CSAP	Salihin Abang	5
4	Pasukan Petugas Pengesahan Bank Atas Talian	Dato' Mohammad Faiz Azmi	8

SUMBER MANUSIA



Pasukan MIA

Kami juga dikukuhkan oleh kepelbagaian dan keterangkuman yang hebat. Di MIA, mereka yang terdiri daripada pelbagai budaya, peringkat umur, latar belakang dan kemahiran bersama-sama membentuk pasukan yang besar, dinamik dan padu, bersatu dengan tujuan pembangunan negara.

Statistik Tenaga Manusia pada 30 Jun 2018

Divisyen/ Jabatan	Kategori					Jumlah
	Kakitangan Am	Eksekutif Rendah/ Eksekutif/ Eksekutif Kanan	Penolong Pengurus/ Pengurus	Pengurus Kanan/ Penolong Pengarah	Pengarah Eksekutif/ KPE	
Pengurusan Utama	-	-	-	-	5	5
Pengawasan & Penguatkuasaan dan Pejabat Pendaftar	-	7	16	3	-	26
Strategi & Pembangunan	-	25	13	2	-	40
Teknikal & Amalan Profesional	-	7	5	4	-	16
Keahlian & Operasi	2	54	15	5	-	76
Audit Dalaman	-	1	1	1	-	3
Bakat & Modal Insan	-	2	1	1	-	4
Jumlah	2	96	51	16	5	170

RINGKASAN KEWANGAN



Dana terkumpul

RM44.54

juta

2017: RM 35.95 juta



Hasil

RM41.91

juta

2017: RM 38.35 juta



Lebihan sebelum cukai

RM8.79

juta

2017: RM 0.71 juta

Ringkasan

Malaysian Institute of Accountants (MIA) mencatatkan lebihan sebelum cukai sebanyak RM8.79 juta (termasuk laba atas pelupusan tanah dan bangunan sebanyak RM7.48 juta) dalam tahun kewangan 2018, menandakan Institut konsisten dan berupaya mengekalkan kemapanan kewangan dalam menguruskan operasi harian dengan penuh bersemangat untuk pembangunan negara.

Berbanding tahun-tahun sebelum, peningkatan lebihan sebelum cukai sebanyak RM 8.08 juta adalah berkait dengan tahun kewangan sebelum, terutamanya disebabkan oleh laba atas pelupusan tanah dan bangunan serta peningkatan dalam hasil janaan daripada pendidikan, keahlian, acara dan persidangan.

Dana terkumpul

Dana terkumpul Institut telah meningkat sebanyak RM8.59 juta (peningkatan 24%) terutamanya disebabkan oleh laba atas pelupusan tanah dan bangunan. Lebihan untuk tahun kewangan merupakan petunjuk positif kepada pengurusan modal yang baik dengan peningkatan keseluruhan dalam aset bersih Institut.

Institut komited dalam menguruskan kewangannya secara berhemah untuk menjadi sebuah organisasi yang mapan dan mantap bagi menyokong pembangunan negara.

Ringkasan Prestasi Kewangan untuk Lima Tahun

	2018	2017	2016	2015	2014
(dalam RM 'juta)					
Hasil	41.91	38.35	34.86	43.10	31.55
Lebihan sebelum laba atas pelupusan tanah dan bangunan	1.31	0.71	2.11	7.80	2.72
Laba atas pelupusan tanah dan bangunan	7.48	-	-	-	-
Lebihan sebelum cukai:	8.79	0.71	2.11	7.80	2.72
Cukai	(0.20)	0.26	0.10	(0.41)	0.64
Lebihan selepas cukai	8.59	0.97	2.21	7.39	3.36
Dana terkumpul	44.54	35.95	34.98	32.76	25.37
Liabiliti bukan semasa	-	-	-	-	-
	44.54	35.95	34.98	32.76	25.37
Hartanah, Loji dan Peralatan	27.38	28.31	25.46	23.00	12.14
Aset tak ketara	0.49	0.42	0.32	0.25	0.12
Pelaburan	0.01	0.01	0.01	0.01	0.01
Aset cukai tertunda	0.19	0.29	0.03	-	-
Jumlah aset bukan semasa	28.07	29.03	25.82	23.26	12.27
Aset semasa	31.74	21.63	21.63	37.22	31.43
Liabiliti semasa	15.27	14.71	12.47	10.96	12.64
Aset semasa bersih	16.47	6.92	9.16	26.26	18.79
Aset bersih	44.54	35.95	34.98	49.52	31.06
Nisbah semasa	2.08	1.47	1.74	3.40	2.49

AHLI MAJLIS

Dato' Narendra Kumar Jasani

Naib Presiden
Seksyen 8(1)(g) - Dipilih

Huang Shze Jiun

Ahli
Seksyen 8(1)(g) - Dipilih

Salihin Abang

Presiden
Seksyen 8(1)(g) - Dipilih

Sudirman Masduki

Pendaftar

Datuk Saat Esa

Akauntan Negara

Prof. Dr. Maliah Sulaiman

Ahli
Seksyen 8(1)(b) - Dilantik

Dato' Mohammad Faiz Azmi

Ahli
Seksyen 8(1)(f) - Dilantik

Lim Fen Nee

Ahli
Seksyen 8(1)(g) - Dipilih

Chong Dee Shiang, Teresa

Ahli
Seksyen 8(1)(d) - Dilantik

Datuk Tan Theng Hooi

Ahli
Seksyen 8(1)(c) - Dilantik



AHLI MAJLIS

Wong Wye Pong, Brian
Ahli
Seksyen 8(1)(g) - Dipilih

Leong Wai Leng
Ahli
Seksyen 8(1)(f) - Dilantik

Dato' Merina Abu Tahir
Ahli
Seksyen 8(1)(d) - Dilantik

Assoc. Prof. Dr. Zuraeda Ibrahim
Ahli
Seksyen 8(1)(b) - Dilantik

Dato' Dr. Lukman Ibrahim
Ahli
Seksyen 8(1)(f) - Dilantik



Aznorashiq Mohamed Zin

Ahli
Seksyen 8(1)(f) - Dilantik

Irvin George Luis Menezes

Ahli
Seksyen 8(1)(d) - Dilantik

Dato' Abdul Rauf Rashid

Ahli
Seksyen 8(1)(f) - Dilantik

Dr. Azrie Tamjis


Ahli
Seksyen 8(1)(f) - Dilantik

Chong Hou Nian, Steven

Ahli
Seksyen 8(1)(g) - Dipilih



AHLI MAJLIS



Ong Chee Wai
Ahli
Seksyen 8(1)(g) - Dipilih

Ng Kean Kok
Ahli
Seksyen 8(1)(g) - Dipilih


Prof. Dr. Che Ruhana Isa@Mohamed Isa
Ahli
Seksyen 8(1)(b) - Dilantik

Jafril Junit
Ahli
Seksyen 8(1)(f) - Dilantik

Prof. Dr. Nor Aziah Abd Manaf
Ahli
Seksyen 8(1)(b) - Dilantik



RANGKA KERJA TADBIR URUS DAN FUNGSI-FUNGSI



Fungsi-fungsi Institut:

Petunjuk kepada kemajuan masa depan MIA ialah untuk mencapai pemerksaan kawal selia penuh menerusi semakan semula Akta Akauntan 1967 (Akta), yang akan mengangkat peranan kawal selia MIA setanding dengan rakan badan kawal selia yang lain dan menjalankan penguatkuasaan dan tadbir urus yang lebih kukuh. Kami akan terus mengukuhkan perkongsian strategik kami dengan pihak Kerajaan dan pihak-pihak berkepentingan untuk mencapai pembaharuan kawal selia yang diperlukan untuk mengubah ekosistem perakaunan dan menyokong matlamat pembangunan negara.

Inisiatif lain adalah untuk meningkatkan sokongan kami kepada ahli dalam menggunakan daya tuil teknologi yang bersesuaian bagi kalis masa depan mereka sendiri, dan untuk meningkatkan SMP sebagai penasihat perniagaan digemari untuk SME.

Seksyen 6 dari Akta menyatakan bahawa fungsi-fungsi Institut adalah seperti yang berikut:

- Untuk menentukan kelayakan seseorang yang akan didaftarkan sebagai ahli;
- Untuk menyediakan latihan dan pendidikan; dan oleh Institut atau mana-mana badan lain, kepada seseorang yang mengamalkan atau ingin mengamalkan profesion perakaunan;
- Untuk meluluskan Peperiksaan Kelayakan (QE) MIA dan untuk mengawal selia dan memantau pengendalian Peperiksaan;
- Untuk mengawal selia amalan profesion perakaunan di Malaysia;
- Untuk mempromosi, melalui sebarang cara yang difikirkannya patut, kepentingan profesion perakaunan di Malaysia;
- Untuk menjaga kepentingan atau memberi lain-lain bantuan yang berkaitan kepada ahli-ahli atau tanggungannya dalam apa cara yang berpatutan dengan niat untuk melindungi atau meningkatkan kebajikan mereka; dan
- Secara umumnya melaksanakan sebarang usaha yang sesuai bertujuan untuk mencapai objektif-objektif di atas.

Tadbir urus dan pernyataan kawalan dalaman Institut

Laporan berikut menggariskan bagaimana Institut telah menerima pakai prinsip-prinsip utama dan amalan terbaik yang dinyatakan dalam kod tadbir urus korporat yang berkaitan dalam usaha melaksanakan tugas serta mengoptimumkan asurans, kebebasan dan pengawasan. Pernyataan ini juga menjelaskan bagaimana amalan pengurusan risiko dan kawalan pengurusan telah distrukturkan dalam usaha meminimumkan risiko dan mengoptimumkan prestasi.

LAPORAN MAJLIS

Majlis

Menurut Seksyen 9 Akta, kuasa am Majlis ialah untuk menguruskan Institut dan dananya. Khususnya, menurut Seksyen 10 Akta, Majlis mempunyai kuasa untuk: membuat Undang-undang Kecil MIA, melantik kakitangan, memantau apa-apa yang mempengaruhi Institut atau kelakuan profesional ahli-ahlinya, komunikasi dengan badan-badan lain seumpamanya dan ahli-ahli profesion di tempat lain, menubuhkan cawangan-cawangan dan menugaskan kerja atas budi bicara untuk kuasa, keistimewaan, dan atas budi bicara, melantik Jawatankuasa Institut, melaksanakan semua kuasa, keistimewaan dan budi bicara yang tidak perlu dilakukan oleh ahli-ahli dalam mesyuarat agong, dan penggunaan meterai rasmi Institut.

Presiden Institut merupakan Pengerusi Majlis. Pelantikan dan komposisi ahli Majlis adalah menurut Seksyen 8(1) Akta.

Dalam tahun kewangan, Majlis mengadakan 12 mesyuarat dan agenda mesyuarat termasuklah:

1. Pelaksanaan Sistem Maklumat Keahlian MIA (MMIS);
2. Penubuhan Pasukan Petugas Tekanan Ditempat Kerja, Pasukan Petugas Jawatankuasa untuk Memperkukuhkan Profesion Perakaunan (CSAP), dan Pasukan Petugas Tadbir Urus Korporat dan Pasukan Petugas Piagam untuk menguruskan kemungkinan risiko dan peluang;
3. Membaharui Undang-undang Kecil MIA menurut Kod Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Akauntan (IESBA) yang disusun semula;
4. Rangka Kerja Kompetensi untuk CFOs dalam PIEs (Syarikat Tersenarai);
5. Rangka Tindakan Teknologi Digital MIA;
6. Tindakan ke atas Akauntan Tidak Berdaftar;
7. Pelan Strategik MIA 2030 dan Pelan Operasi 3 tahun MIA;
8. Melebarkan pengaruh dan pengiktirafan MIA menerusi penglibatan strategik dalam jawatankuasa/ badan serantau dan antarabangsa.

Jawatankuasa Eksekutif (EXCO)

Jawatankuasa Eksekutif atau EXCO, telah ditubuhkan oleh Majlis sebagai jawatankuasa operasi yang berfungsi sebagai pengantara antara Majlis dan pengurusan bagi memastikan strategi perniagaan, operasi harian dan sebarang isu operasi di jalankan secara efektif dan efisien juga amalan tadbir urus yang baik dipatuhi.

Bidang tugas EXCO telah diluluskan oleh Majlis. EXCO terdiri daripada Presiden sebagai Pengerusi, Naib Presiden, wakil daripada Jabatan Akauntan Negara dan 3 orang lagi ahli Majlis.

Dalam tahun kewangan, EXCO mengadakan 15 mesyuarat dengan agenda yang berikut:

1. Perbincangan tentang Pelan Kesenambungan Perniagaan IT MIA dan MMIS
2. Perjanjian Kerjasama antara MIA dan MAREF tentang Buku Teks Kewangan Islam;
3. Platform Pengesahan Bank Secara Elektronik untuk Semua Industri;
4. Pembaharuan Perjanjian tentang Saluran Khas untuk Ahli-ahli MIA Peroleh Kelayakan Profesional;
5. Perbincangan tentang kerjasama dengan badan-badan profesional yang lain;
6. Pernyataan Dasar Pelaburan MIA;
7. Penghijrahan Accountants Today ke Platform Digital (E-Penerbitan);
8. Perbincangan tentang Saranan Yuran untuk Panduan Amalan Disyorkan 7 (RPG 7) dan implikasi di bawah Akta Persaingan 2010;
9. Semakan Semula Pelan Operasi 3 tahun MIA & Belanjawan (FY 2018/19 – FY 2020/21);

LAPORAN MAJLIS

Pelaporan Kewangan

- Dalam menyelia pelaporan kewangan MIA, ARMC mengkaji semula penyata kewangan teraudit tahunan 2017/2018 semasa mesyuaratnya pada 16 Ogos 2018. Jawatankuasa membincangkan perkara-perkara penting yang dibangkitkan oleh Juruaudit Luaran dan menerima maklumat terkini kemajuan daripada Pengurusan tentang tindakan yang diambil untuk penambahbaikan.
- Untuk menjaga integriti maklumat, Pengarah Eksekutif Divisyen Keahlian & Operasi, yang merupakan pegawai utama bertanggungjawab untuk pengurusan kewangan Institut, telah memberi jaminan kepada ARMC bahawa:
 - i. Dasar perakaunan yang sesuai telah diterima pakai dan diguna pakai secara tekal;
 - ii. Penghakiman berhemah dan anggaran munasabah telah dibuat menurut keperluan yang ditetapkan dalam Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS);
 - iii. Proses dan kawalan memadai tersedia bagi memastikan pelaporan kewangan yang efektif dan efisien juga pendedahan menurut MFRS; dan
 - iv. Penyata Kewangan Tahunan tidak mempunyai material salah nyata dan memberi gambaran benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Institutt.
- Semasa mesyuarat pada 25 Julai 2018, ARMC membincangkan tentang pendedahan relevan dalam penyata kewangan teraudit tahunan untuk tahun 2017/2018.

Jawatankuasa hanya akan mengadakan mesyuarat apabila diperlukan.

Dalam tahun kewangan, Jawatankuasa mengadakan 9 mesyuarat yang mana Jawatankuasa berbincang dan membuat saranan kepada Majlis tentang perkara-perkara berikut antaranya: pelantikan ahli-ahli ke Jawatankuasa dan Lembaga Institut, semakan ke atas Bidang Tugas, pembentukan Jawatankuasa dan Pasukan Petugas yang baharu, kajian semula terhadap Pasukan Petugas dan Jawatankuasa.

Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko (ARMC)

Fungsi utama ARMC ialah untuk membantu Majlis dalam memenuhi tanggungjawab berkanun dan fidusiari. ARMC mengkaji semula penyata kewangan dan proses pelaporannya, sistem kawalan dalaman, pengurusan risiko perusahaan, proses audit dan proses permatuhan terhadap undang-undang dan peraturan. Ia mempunyai capaian terus kepada juruaudit dalaman dan luaran dan mengikut budi bicara mereka untuk menjemput Pengarah Eksekutif menghadiri mesyuarat mereka.

Dalam Tahun Kewangan berakhir 30 Jun 2018, ARMC melunaskan fungsi-fungsinya dan menjalankan tugas-tugas seperti yang terkandung di dalam Bidang Tugas (TOR). Antara isu-isu penting yang dipertimbangkan oleh ARMC ialah:

Jawatankuasa Pencalonan (NC)

NC telah ditubuhkan oleh Majlis dan objektif utamanya ialah mewujudkan mekanisme untuk penilaian formal bagi setiap calon sebelum beliau disyorkan kepada Majlis untuk dilantik sebagai ahli Jawatankuasa dan Lembaga Institut atau tanggungjawab lain yang diarahkan oleh Majlis. Jawatankuasa memastikan ahli yang dilantik mempunyai ciri-ciri yang memenuhi keperluan antara tanggungjawab, kemahiran dan pengalaman.

NC terdiri daripada Presiden, Naib Presiden, 2 orang ahli Majlis dan seorang wakil daripada Jabatan Akauntan Negara.

Audit Luaran

- Pada 27 April 2018, ARMC telah mengkaji semula Memorandum Perancangan Audit 2017/2018 untuk Juruaudit Luaran yang menggariskan skop kerja mereka dan yuran untuk audit berkanun. Menerusi Pelan Audit 2017/2018, Juruaudit Luaran juga membentangkan kepada ARMC tentang pasukan penglibatan, garis masa audit, sudut penekanan audit, dan sudut tumpuan mereka dengan merujuk kepada Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS).
- Bersama-sama dengan Juruaudit Luaran, mengkaji semula Surat Pengurusan mereka beserta dengan maklum balas pihak pengurusan.
- Menilai prestasi Juruaudit Luaran untuk memberi maklum balas kepada Jabatan Audit Negara (JAN).

Risiko dan Kawalan

Majlis dan Pengurusan mempunyai tanggungjawab menyeluruh dalam mengekalkan pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang kukuh sebagai sebahagian daripada kawalan persekitaran Institut.

- ARMC mengkaji semula keberkesanan dasar dan prosedur Institut berkenaan sistem kawalan dalaman dengan mengkaji semula kerja-kerja fungsi audit dalaman dan juruaudit luaran dan juga laporan tetap daripada pihak pengurusan, termasuklah tentang pengurusan risiko. Institut telah menerima pakai mekanisme kawalan yang diperlukan untuk memantau dan mematuhi amalan baik, *Committee of Sponsoring Organizations of the Treadway Commission (COSO)* – Kod Tadbir Urus dan Dasar Rangka kerja Bersepadu, berkenaan dengan pengurusan risiko dan kawalan dalaman.
- Risiko dasar Institut dilaporkan dan dibincangkan oleh ARMC setiap setengah tahun, kemudiannya ringkasan telah dikeluarkan untuk dilaporkan kepada Majlis.

- Kawalan dalaman dan perkara berkaitan risiko yang wajar diberi perhatian oleh Majlis telah dicadangkan oleh ARMC kepada Majlis untuk kelulusan dan perkara atau keputusan yang dalam skop ARMC turut dikemaskini untuk Majlis.
- Program Tadbir Urus Terbaik yang diperkenalkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Risiko Pengurusan MIA (MRMC) telah diadakan pada 6 November 2017 dan dihadiri oleh Pengerusi ARMC dan ahli-ahlinya. Program menumpukan kepada tadbir urus dan integriti, turut menyampaikan tentang mekanisme untuk memperkukuhkan kecekapan Majlis.

Laporan Tahunan

- Mengkaji semula dan meluluskan Laporan ARMC untuk dimasukkan ke dalam Laporan Tahunan bagi tahun berakhir 2017.

Fungsi-fungsi Audit Dalaman

Misi Audit Dalaman (IA) ialah memberikan perkhidmatan perundingan, jaminan objektif dan bebas yang dibentuk untuk menambah nilai dan memperbaiki operasi Institut. IA membantu MIA untuk menyempurnakan objektifnya dengan menjalankan pendekatan yang sistematik dan berdisiplin untuk menilai dan memperbaiki kecekapan pengurusan risiko, proses kawalan dan tadbir urus.

IA melapor kepada ARMC secara fungsinya dan menurut pentadbiran, kepada Ketua Pegawai Eksekutif (KPE). Bagi memastikan tanggungjawab IA dijalankan sepenuhnya menurut Piagamnya dan Rangka Kerja Amalan Profesional Antarabangsa untuk Juruaudit Dalaman, ARMC telah mengkaji semula kecukupan skop dan sumber untuk fungsi-fungsi IA dan juga kecekapan dan pengalaman juruaudit dalaman.

IA menjalankan kajian semula secara bebas, kerap dan sistematik ke atas sistem kawalan dalaman MIA bagi

memastikan sistem tersebut terus beroperasi secara efisien dan efektif. Jabatan menerima pakai pendekatan audit berdasarkan risiko dan menjalankan kajian semula berdasarkan pelan audit dalaman 2 tahun. Jabatan juga mengamalkan pendekatan perancangan audit mudah suai yang menyediakan flexibiliti yang diperlukan untuk bertindak balas dengan risiko yang wujud dan bakal timbul.

Semasa mesyuarat ARMC ke-55 pada 27 Jun 2018, Ketua IA membentangkan Pelan Audit IA 2018/2019 dan 2019/2020 untuk kajian semula ARMC. ARMC mengkaji semula dan meluluskan pelan untuk memastikan kecukupan skop audit.

Jawatankuasa membincangkan tentang laporan audit dan mengarahkan Pengurusan untuk merumuskan dan melaksanakan kawalan yang diperlukan untuk mengukuhkan sistem kawalan dalaman. Apabila diperlukan, kawalan luput dan cadangan diajukan kepada EXCO dan Majlis untuk diperbincangkan.

IA tidak terlibat dalam pembangunan atau pelaksanaan polisi, prosedur atau sistem baharu. IA membentangkan isu-isu audit dan tindakan yang diambil oleh Pengurusan untuk dibincangkan oleh ARMC.

Komposisi Ahli

Bilangan Mesyuarat: 12

No	Nama	Jawatan	Status	Kehadiran
1	Salihin Abang	Presiden	Dipilih sebagai Presiden pada 24 Ogos 2017	12/12
2	Dato' Narendra Kumar Jasani	Naib Presiden	Dipilih sebagai Naib Presiden pada 24 Ogos 2017	11/12
3	Datuk Saat Esa	Ahli	Bersara pada 7 Disember 2017	6/6
4	Aznorashiq Mohamed Zin	Ahli	Dilantik semula pada 15 Oktober 2017	6/12
5	Chong Dee Shiang, Teresa	Ahli		7/12
6	Chong Hou Nian, Steven	Ahli		12/12
7	Dato' Abdul Rauf Rashid	Ahli	Bersara pada 17 Jun 2017 Dilantik pada 16 Ogos 2017	6/10
8	Dato' Dr. Lukman Ibrahim	Ahli	Bersara pada 14 Oktober 2017 Dilantik pada 1 Disember 2017	5/6
9	Dato' Gan Ah Tee	Ahli	Bersara pada 15 Julai 2017 Dilantik pada 1 Oktober 2017	6/8
10	Dato' Merina Abu Tahir	Ahli		9/12
11	Dato' Mohammad Faiz Azmi	Ahli	Bersara sebagai Presiden pada 26 Julai 2017	9/12
12	Dato' Zamimi Awang	Ahli	Dilantik pada 15 Februari 2018	4/5
13	Datuk Tan Theng Hooi	Ahli		6/12
14	Datuk Zaiton Mohd Hassan	Ahli	Bersara pada 15 Julai 2017	6/12
15	Dr. Azrie Tamjis	Ahli	Dilantik pada 15 Januari 2018	6/6
16	Dr. Veerinderjeet Singh	Ahli		8/11
17	Dr. Yacob Mustafa	Ahli	Bersara pada 15 Februari 2018	3/7
18	Foong Mun Kong	Ahli	Bersara pada 30 September 2017	2/4
19	Huang Shze Jiun	Ahli		12/12
20	Irvin George Luis Menezes	Ahli	Dilantik pada 16 Julai 2017	9/10
21	Jafril Junit	Ahli	Dilantik pada 1 Disember 2017	1/6
22	K Renganathan A/L Renganathan Kannan	Ahli		11/12
23	Khaw Hock Hoe, Alex	Ahli	Dipilih pada 30 September 2017	6/8
24	Leong Wai Leng	Ahli	Dilantik semula pada 15 Oktober 2017	5/12
25	Lim Fen Nee	Ahli	Dipilih pada 30 September 2017	8/8
26	Lim Thiam Kee, Peter	Ahli	Bersara pada 30 September 2017	4/4
27	Mohd Zabidi Md Nor	Ahli	Bersara pada 14 Oktober 2017	1/4
28	Ng Kean Kok	Ahli		8/12
29	Ong Chee Wai	Ahli	Dipilih pada 30 September 2017	6/8
30	Prof. Dr. Ayoib Che Ahmad	Ahli	Bersara pada 14 Oktober 2017	0/4
31	Prof. Dr. Che Ruhana Isa @Mohamed Isa	Ahli		5/12
32	Prof. Dr. Maliah Sulaiman	Ahli	Dilantik semula pada 16 Julai 2017	5/12
33	Prof. Dr. Nor Aziah Abd Manaf	Ahli	Dilantik pada 1 Disember 2017	3/6
34	Prof. Dr. Rozainun Hj Abdul Aziz	Ahli	Bersara pada 15 Julai 2017	1/1
35	Prof. Madya Dr. Romlah Jaffar	Ahli	Dilantik semula pada 16 Julai 2017	5/12
36	Prof. Madya Dr. Zuraeda Ibrahim	Ahli	Dilantik pada 16 Julai 2017	8/10
37	Wong Wye Pong, Brian	Ahli		8/12
38	Yap Seng Chong	Ahli	Bersara pada 30 September 2017	3/4
39	Yeo Tek Ling	Ahli	Bersara pada 30 April 2018	10/11

Jawatankuasa Pencalonan

Bilangan Mesyuarat: 9

No	Nama	Jawatan	Status	Kehadiran
1	Salihin Abang	Pengerusi	Dilantik sebagai Pengerusi pada 24 Ogos 2017 Dilantik semula pada 26 Oktober 2017	6/7
2	Dato' Abdul Rauf Rashid	Ahli	Dilantik pada 26 Oktober 2017	3/5
3	Dato' Mohammad Faiz Azmi	Ahli	Dilantik semula pada 26 Oktober 2017	6/9
4	Dato' Narendra Kumar Jasani	Ahli	Dilantik pada 24 Ogos 2017 Dilantik semula pada 26 Oktober 2017	5/7
5	Dato' Zamimi Awang	Ahli	Dilantik pada 15 Februari 2018	2/2
6	Datuk Saat Esa	Ahli	Bersara pada 7 Disember 2017	5/5
7	Datuk Zaiton Mohd Hassan	Ahli	Bersara pada 15 Julai 2017	1/1
8	Dr. Yacob Mustafa	Ahli	Bersara pada 15 Februari 2018	2/2
9	Lim Thiam Kee, Peter	Ahli	Bersara pada 30 September 2017	3/3

Jawatankuasa Eksekutif



Bilangan Mesyuarat: 15

No	Nama	Jawatan	Status	Kehadiran
1	Salihin Abang	Pengerusi	Dilantik sebagai Pengerusi pada 24 Ogos 2017 Dilantik semula pada 26 Oktober 2017	10/12
2	Dato' Gan Ah Tee	Ahli	Bersara pada 15 Julai 2017	1/1
3	Dato' Merina Abu Tahir	Ahli	Dilantik pada 26 Oktober 2017	9/9
4	Dato' Mohammad Faiz Azmi	Ahli	Dilantik semula pada 26 Oktober 2017	13/15
5	Dato' Narendra Kumar Jasani	Ahli	Dilantik pada 24 Ogos 2017 Dilantik semula pada 26 Oktober 2017	10/12
6	Dato' Zamimi Awang	Ahli	Dilantik pada 15 Februari 2018	5/5
7	Datuk Saat Esa	Ahli	Bersara pada 7 Disember 2017	7/7
8	Datuk Zaiton Mohd Hassan	Ahli	Bersara pada 15 Julai 2017	1/1
9	Dr. Yacob Mustafa	Ahli	Bersara pada 15 Februari 2018	3/3
10	Lim Thiam Kee, Peter	Ahli	Bersara pada 30 September 2017	5/5
11	Prof. Dr. Maliah Sulaiman	Ahli	Dilantik pada 26 Oktober 2017	6/9

Jawatankuasa Audit & Pengurusan Risiko


Bilangan Mesyuarat: 3

No	Nama	Jawatan	Status	Kehadiran
1	Datuk Tan Theng Hooi	Pengerusi	Dilantik semula pada 26 Oktober 2017	3/3
2	Chong Dee Shiang, Teresa	Ahli	Dilantik pada 26 Oktober 2017	1/1
3	Dr. Azrie Tamjis	Ahli	Dilantik pada 26 Februari 2018	1/1
4	Dr. Yacob Mustafa	Ahli	Bersara pada 26 Oktober 2017	2/2
5	Mohd Zabidi Md Nor	Ahli	Bersara pada 14 Oktober 2017	0/2
6	Ong Chee Wai	Ahli	Dilantik pada 26 Oktober 2017	1/1
7	Wong Wye Pong, Brian	Ahli	Dilantik semula pada 26 Oktober 2017	3/3
8	Yap Seng Chong	Ahli	Bersara pada 30 September 2017	2/2



PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2018



KANDUNGAN

Laporan Ketua Audit Negara	76
Penyata Majlis	81
Akuan berkanun	81
Penyata kewangan	
Penyata kedudukan kewangan	82
Penyata untung atau rugi dan pendapatan komprehensif lain	83
Penyata perubahan dalam dana terkumpul	83
Penyata aliran tunai	84
Nota-nota penyata kewangan	85



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
INSTITUT AKAUNTAN MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 30 JUN 2018**

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Institut Akauntan Malaysia telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2018 dan Penyata Untung atau Rugi dan Pendapatan Komprehensif Lain, Penyata Perubahan Dalam Dana Terkumpul serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan lain seperti dinyatakan pada muka surat 82 hingga 110.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Institut Akauntan Malaysia pada 30 Jun 2018 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Akauntan 1967 (Akta 94).

Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *the International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Institut Akauntan Malaysia dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *the International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Perkara Audit Utama

Perkara audit utama pada penilaian profesional saya, merupakan perkara yang paling penting dalam pengauditan saya ke atas penyata kewangan Institut Akauntan Malaysia bagi tahun kewangan semasa. Perkara ini dikendalikan dalam konteks pengauditan saya terhadap penyata kewangan secara keseluruhan, dan dalam memberi pendapat saya mengenainya, saya tidak memberikan pendapat berasingan berhubung perkara ini.

Perkara Audit Utama	Kaedah Perkara Audit Utama Ditangani
Ketepatan Pengiktirafan Pendapatan Merujuk kepada: Nota 15 - Pendapatan yuran keahlian; dan Nota 16 - Pendapatan daripada acara dan persidangan Sumber pendapatan utama Institut Akauntan Malaysia adalah yuran keahlian dan pendapatan daripada acara dan persidangan. Sumber pendapatan ini berjumlah RM40,138,100 bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2018. Memandangkan kedua-dua pendapatan ini adalah komponen signifikan dalam pendapatan Institut Akauntan Malaysia dan melibatkan jumlah transaksi yang besar, justeru saya menumpukan perhatian ke atas ketepatan pengiktirafannya.	Prosedur Audit, antara lain: - Memperoleh pemahaman mengenai sistem, proses dan kawalan bagi menentukan ketepatan dan masa pengiktirafan pendapatan ini dalam penyata kewangan dan melaksanakan ujian ke atas kawalan utama; - Menjangkakan yuran pendaftaran ahli bagi tahun semasa dengan mendapatkan bilangan ahli bagi tahun semasa, didarabkan dengan yuran tahunan keahlian, dan membandingkan jangkaan tersebut dengan jumlah yuran pendaftaran ahli sebenar yang diiktiraf bagi tahun kewangan semasa; - Menyemak bilangan peserta dan yuran acara yang dikenakan kepada laporan kehadiran peserta bagi sampel inbois yang terpilih; - Melaksanakan ujian "cut-off" terhadap pendapatan tersebut; dan - Menilai kesesuaian dasar-dasar perakaunan untuk pengiktirafan pendapatan. Berdasarkan prosedur di atas, saya tidak menemui sebarang pengecualian penting dalam ketepatan pengiktirafan pendapatan bagi tahun semasa.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Majlis Institut Akauntan Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Institut Akauntan Malaysia tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Majlis Terhadap Penyata Kewangan

Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Institut Akauntan Malaysia yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Akauntan 1967 (Akta 94). Majlis juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Institut Akauntan Malaysia adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Institut Akauntan Malaysia, Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Institut Akauntan Malaysia untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan untuk usaha berterusan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Institut Akauntan Malaysia secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *the International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *the International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Menenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Institut Akauntan Malaysia, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta

mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan, kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Institut Akauntan Malaysia.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Majlis.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Majlis dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Institut Akauntan Malaysia sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Institut Akauntan Malaysia atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Institut Akauntan Malaysia memberi gambaran yang saksama.

Saya telah berkomunikasi dengan Majlis, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Berdasarkan komunikasi dengan Majlis, saya menentukan perkara paling penting dalam pengauditan penyata kewangan Institut Akauntan Malaysia untuk tahun kewangan semasa menjadi perkara audit utama. Saya menerangkan perkara ini di dalam laporan juruaudit melainkan undang-undang atau peraturan menghalang pendedahan awam ataupun apabila keadaan yang sangat jarang berlaku, saya menentukan bahawa perkara ini tidak boleh disampaikan dalam laporan juruaudit kerana akibat buruk dijangka dengan munasabah akan mengatasi faedah kepentingan awam.


Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Akauntan 1967 (Akta 94), saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang diperlukan oleh Akta Akauntan 1967

(Akta 94) untuk disimpan oleh Institut Akauntan Malaysia telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta Akauntan 1967 (Akta 94).


Hal-hal Lain

Laporan ini dibuat untuk Majlis dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.



(ZAABA BIN ZAINUDDIN) C.A.(M), CPFA
b.p KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
30 OGOS 2018



INSTITUT AKAUNTAN MALAYSIA

PENYATA MAJLIS

Kami, Salihin bin Abang dan Dr Nurmazilah Dato' Mahzan, yang masing-masing merupakan Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif, INSTITUT AKAUNTAN MALAYSIA, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Majlis, penyata kewangan yang disertakan telah disediakan menurut peruntukan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia dan Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa untuk memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Institut pada 30 Jun 2018 dan tentang hasil kendalian serta aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak Majlis menurut resolusi oleh Majlis.


SALIHIN BIN ABANG
PRESIDEN


DR NURMAZILAH DATO' MAHZAN
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

20 Ogos 2018
Kuala Lumpur

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN INSTITUT

Saya, Chua Suat Khim, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan INSTITUT AKAUNTAN MALAYSIA, dengan jujur mengakui bahawa penyata kewangan yang disertakan adalah betul mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, dan saya membuat pengakuan ini dengan kepercayaan bahawa ia adalah benar dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan sesungguhnya diakui oleh penama di atas,
CHUA SUAT KHIM di Kuala Lumpur, Wilayah
Persekutuan pada 20 Ogos 2018


CHUA SUAT KHIM
C.A. (M) 5996

Di hadapan saya,



W607
GURDEEP SINGH
A/L JAG SINGH
01/01/2018-31/12/2018
MALAYSIA
5B, JALAN RAKYAT
(JALAN TRAVERS)
BRICKFIELDS
50470 KUALA LUMPUR

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

pada 30 Jun 2018

	Nota	2018 RM	2017 RM
Aset			
Aset bukan semasa			
Hartanah, loji dan peralatan	3	27,376,642	28,312,397
Aset tak ketara	4	495,684	425,254
Pelaburan	5	7,458	7,458
Aset cukai tertunda	6	187,298	286,768
		28,067,082	29,031,877
Aset semasa			
Inventori	7	49,362	4,249
Belum terima, deposit dan prabayar	8	2,870,877	1,817,204
Yuran tertunggak	9	-	-
Cukai semasa boleh pulih		465,985	431,509
Simpanan tetap di institusi kewangan berlesen	10	21,514,576	11,151,148
Tunai dan baki di bank		6,836,396	6,608,700
		31,737,196	20,012,810
Aset bukan semasa dipegang untuk jualan	11	-	1,614,222
		31,737,196	21,627,032
Jumlah aset		59,804,278	50,658,909
Liabiliti semasa			
Pendahuluan yuran		3,757,305	4,052,758
Belum bayar dan akruan	12	7,689,481	7,012,941
Pendapatan tertunda - geran kerajaan	13	1,229,164	895,008
Pendapatan tertunda - lain-lain	14	2,588,992	2,745,121
		15,264,942	14,705,828
Jumlah liabiliti		15,264,942	14,705,828
Jumlah aset bersih		44,539,336	35,953,081
Dana terkumpul		44,539,336	35,953,081

PENYATA UNTUNG ATAU RUGI DAN PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN

bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2018

	Nota	2018 RM	2017 RM
Pendapatan keahlian	15	14,288,330	13,538,120
Pendapatan daripada acara dan persidangan	16	27,626,020	24,816,394
Jumlah hasil		41,914,350	38,354,514
Laba atas pelupusan tanah dan bangunan		7,485,778	–
Pendapatan lain	17	4,262,542	2,696,841
Jumlah pendapatan		53,662,670	41,051,355
Tolak:			
Pelunasan aset tak ketara	4	(170,988)	(174,784)
Susut nilai hartanah, loji dan peralatan	3	(1,301,850)	(1,260,385)
Perbelanjaan untuk acara dan persidangan	16	(14,722,207)	(12,429,680)
Manfaat kakitangan	18	(21,169,982)	(19,010,172)
Perkhidmatan keahlian		(1,412,284)	(1,266,224)
Perbelanjaan operasi lain	19	(6,091,404)	(6,196,823)
Jumlah perbelanjaan		(44,868,715)	(40,338,068)
Lebihan sebelum cukai		8,793,955	713,287
Percukaian	21	(207,700)	261,995
Lebihan bagi tahun kewangan, mewakili jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan		8,586,255	975,282

PENYATA PERUBAHAN DALAM DANA TERKUMPUL

bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2018

	RM
Pada 1 Julai 2016	34,977,799
Lebihan bagi tahun kewangan, mewakili jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan	975,282
Pada 30 Jun 2017/1 Julai 2017	35,953,081
Lebihan bagi tahun kewangan, mewakili jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan	8,586,255
Pada 30 Jun 2018	44,539,336

PENYATA ALIRAN TUNAI

bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2018

	Nota	2018 RM	2017 RM
Aliran tunai daripada aktiviti operasi			
Penerimaan daripada ahli dan bukan ahli		47,776,831	41,617,880
Pembayaran bagi perbelanjaan		(46,417,780)	(39,051,639)
Tunai dijana daripada operasi		1,359,051	2,566,241
Geran kerajaan diterima		595,000	1,130,000
Pendapatan sewa		-	1,500
Yuran pengurusan		21,600	5,500
Cukai dibayar		(142,706)	(30,000)
Pembayaran balik cukai		-	290,000
Aliran tunai bersih dijana daripada aktiviti operasi		1,832,945	3,963,241
Aliran tunai daripada aktiviti pelaburan			
(Simpanan)/Pengeluaran simpanan tetap di institusi kewangan berlesen matang melebihi 3 bulan		(7,302,289)	2,286,283
Pembelian hartanah, loji dan peralatan dan perolehan aset tak ketara (Nota A)		(729,714)	(4,687,400)
Faedah diterima		806,493	489,572
Hasil daripada pelupusan aset bukan semasa dipegang untuk jualan		8,681,400	964,600
Aliran tunai bersih dijana daripada/(digunakan dalam) aktiviti pelaburan		1,455,890	(946,945)
Peningkatan bersih tunai dan setara tunai			
Tunai dan setara tunai pada awal tahun kewangan		9,137,938	6,121,642
Tunai dan setara tunai pada akhir tahun kewangan		12,426,773	9,137,938
Analisis tunai dan setara tunai:			
Tunai di tangan		8,151	6,243
Baki di bank		6,828,245	6,602,457
Simpanan tetap di institusi kewangan berlesen matang tidak lebih 3 bulan	10	5,590,377	2,529,238
		12,426,773	9,137,938
Nota A: Pembelian hartanah, loji dan peralatan dan perolehan aset tak ketara			
Pembelian hartanah, loji dan peralatan dalam tahun kewangan	3	379,999	4,518,263
Perolehan aset tak ketara dalam tahun kewangan	4	241,418	278,084
Campur: Pembelian belum dibayar pada tahun kewangan sebelumnya		164,387	55,440
		785,804	4,851,787
Tolak: Pembelian belum dibayar pada akhir tahun kewangan		(56,090)	(164,387)
		729,714	4,687,400

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2018

1. Maklumat Am

Institut diperbadankan di bawah Akta Akauntan, 1967 ("Akta") dan bermastautin di Malaysia. Matlamat dan kegiatan utama Institut di bawah Akta ini adalah:

- untuk menentukan kelayakan seseorang yang akan diterima sebagai ahli;
- untuk menyediakan latihan dan pendidikan oleh Institut atau mana-mana badan lain, bagi orang yang mengamalkan atau berhasrat mengamalkan kerjaya perakaunan;
- untuk meluluskan Peperiksaan Kelayakan Institut Akauntan Malaysia dan untuk mengawal selia dan memantau pengendalian Peperiksaan tersebut;
- untuk mengawal selia amalan kerjaya perakaunan di Malaysia;
- untuk menggalakkan, dalam apa cara yang difikirkan sesuai, kepentingan kerjaya perakaunan di Malaysia;
- untuk memberi bantuan kewangan atau pertolongan lain kepada ahli atau tanggungan mereka, yang mana difikirkan sesuai, dengan tujuan melindungi atau menjaga kebajikan ahli; dan
- secara umumnya untuk melaksanakan sebarang usaha yang difikirkan sesuai bagi tujuan mencapai matlamat-matlamat yang dinyatakan di atas.

Tiada perubahan yang ketara dalam bentuk matlamat dan kegiatan utama Institut sepanjang tahun kewangan ini.

Pejabat berdaftar Institut adalah di Dewan Akauntan, Unit 33-01, Level 33, Tower A, The Vertical, Avenue 3, Bangsar South City, No. 8, Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur.

Penyata kewangan ini telah dilulus untuk diterbitkan oleh Majlis menurut resolusi Majlis pada **20 Ogos 2018**.

2. Dasar-dasar Perakaunan Penting

2.1. Asas Penyediaan Penyata Kewangan

Penyata kewangan Institut telah disediakan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRS") dan Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa.

Penyata kewangan Institut telah disediakan berasaskan kos sejarah melainkan jika dinyatakan sebaliknya dalam dasar-dasar perakaunan penting yang dinyatakan di bawah.

Penyata kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia ("RM") yang merupakan matawang fungsi Institut.

2.2. Pernyataan Baharu dan Disemak Semula Yang Diterima Pakai

Institut telah mengguna pakai piawaian dan pindaan berikut untuk kali pertama untuk tempoh pelaporan tahunan bermula 1 Julai 2017:

- Pindaan kepada MFRS 107 *Penyata Aliran Tunai (Inisiatif Pendedahan)*
- Pindaan kepada MFRS 112 *Cukai Pendapatan – Pengiktirafan Aset Cukai Tertunda untuk Kerugian Belum Terealisasi*

Penerimaan pakai pindaan ini tidak mempunyai kesan kepada amaun yang diiktiraf atau didedahkan dalam penyata kewangan pada tahun kewangan sebelum/semasa.

2.3. Pernyataan Baharu dan Disemak Semula Yang Belum Berkuatkuasa

Piawaian, pindaan dan interpretasi perakaunan berkenaan yang telah dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia ("MASB") yang dijangka berkaitan dan yang belum diterima pakai oleh Institut adalah seperti berikut:

Berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2018

- MFRS 9 *Instrumen Kewangan*
- MFRS 15 *Hasil daripada Kontrak dengan Pelanggan*
- Interpretasi IC 22 *Urus Niaga Mata Wang Asing dan Ganjaran Pendahuluan*

2. Dasar-dasar Perakaunan Penting (Samb.)

2.3 Pernyataan Baharu dan Disemak Semula Yang Belum Berkuatkuasa (Samb.)

Berkuatkuasa untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2019

- Pindaan kepada MFRS 9 *Instrumen Kewangan (Ciri-ciri Prabayar dengan Pampasan Negatif)*
- MFRS 16 *Pajakan*
- Pindaan kepada MFRS 119 *Manfaat Kakitangan (Pelan Pindaan, Pemotongan atau Penyelesaian)*
- Interpretasi IC 23 *Ketidakpastian tentang Kaedah Cukai Pendapatan*

Berkuatkuasa untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2020

- Pindaan kepada MFRS 101 *Pembentangan Penyata Kewangan*
- Pindaan kepada MFRS 108 *Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan*
- Pindaan kepada MFRS 137 *Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka*
- Pindaan kepada MFRS 138 *Aset Tak Ketara*

Institut tidak menjangkakan bahawa penggunaan pernyataan baharu dan disemak semula di atas akan memberi kesan nyata kepada penyata kewangan Institut kecuali yang dinyatakan di bawah.

MFRS 9 *Instrumen Kewangan* akan menggantikan MFRS 139 *Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran*.

MFRS 9 mengekalkan tetapi memudahkan model pengukuran campuran dalam MFRS 139 dan memperkenalkan tiga kategori pengukuran utama untuk aset kewangan: kos pelunasan, nilai saksama menerusi untung atau rugi dan nilai saksama menerusi pendapatan komprehensif lain ("OCI"). Asas pengkelasan bergantung kepada model perniagaan entiti dan ciri-ciri aliran tunai aset kewangan. Pelaburan dalam instrumen ekuiti sentiasa diukur pada nilai saksama menerusi untung atau rugi dengan pilihan tidak boleh batal pada permulaan kepada perubahan semasa dalam nilai saksama dalam OCI (jika instrumen itu tidak dipegang untuk dagangan). Instrumen hutang diukur pada kos pelunasan hanya jika entiti itu memegangnya untuk mendapatkan aliran tunai berkontrak dan aliran tunai mewakili prinsipal dan faedah.

Bagi liabiliti, piawaian mengekalkan sebahagian besar keperluan MFRS 139. Ini termasuklah pelunasan kos perakaunan untuk kebanyakan liabiliti kewangan, dengan percabangan derivatif. Perubahan utama ialah, dalam kes yang mana pilihan nilai saksama diguna untuk liabiliti kewangan, bahagian nilai saksama berubah disebabkan oleh risiko kredit entiti itu sendiri dicatatkan dalam OCI berbanding penyata untung atau rugi, kecuali ia menyebabkan ketidakpadanan perakaunan.

MFRS 9 memperkenalkan model rugi kredit dijangka ke atas rosot nilai untuk semua aset kewangan yang menggantikan model rosot nilai rugi yang digunakan dalam MFRS 139. Model rugi kredit dijangka adalah pandang ke hadapan dan menyingkirkan keperluan untuk mencetus sesuatu akan berlaku sebelum kerugian kredit diiktiraf.

Institut akan menggunakan piawaian baharu pada tarikh kuatkuasa yang diperlukan dan tidak akan nyatakan semula maklumat perbandingan. Institut telah menjalankan penilaian kesan terperinci MFRS 9 ke atas penyata kewangan Institut. Penilaian ini berdasarkan maklumat terkini sedia ada dan mungkin tertakluk kepada perubahan yang timbul dari maklumat lanjut yang munasabah dan disokong, yang diketahui oleh Institut dalam tempoh kewangan berakhir 30 Jun 2019, apabila Institut menerima pakai MFRS 9. Secara keseluruhannya, Institut menjangkakan tiada kesan nyata ke atas kedudukan penyata kewangan dan dana terkumpul.

MFRS 15 *Hasil daripada Kontrak dengan Pelanggan* menggantikan MFRS 118 *Hasil*, MFRS 111 *Kontrak Pembinaan* dan takrifan berkaitan. Prinsip teras dalam MFRS 15 ialah sesuatu entiti mengiktiraf hasil untuk menggambarkan pemindahan barangan atau perkhidmatan yang dijanjikan kepada pelanggan dalam satu jumlah yang memberi kesan kepada pertimbangan yang mana entiti menjangkakan layak untuk dipindahkan ke atas barangan atau perkhidmatan tersebut.

Hasil diiktiraf apabila seorang pelanggan mendapat kawalan atas barangan atau perkhidmatan, iaitu, apabila pelanggan mempunyai keupayaan untuk mengarahkan penggunaan dan mendapat faedah daripada barangan atau perkhidmatan tersebut. Hasil diiktiraf menurut prinsip teras tersebut dengan menggunakan model 5 langkah berikut:

- Mengenalpasti kontrak dengan pelanggan
- Mengenalpasti obligasi prestasi berasingan
- Menentu harga urusniaga kontrak
- Mengagih harga transaksi untuk setiap obligasi prestasi berasingan; dan
- Mengiktiraf hasil apabila setiap obligasi prestasi memuaskan

Institut akan menerima pakai piawaian baharu pada tarikh kuatkuasa yang diperlukan dan tidak akan nyatakan semula maklumat perbandingan. Institut telah menjalankan taksiran kesan terperinci MFRS 15 ke atas penyata kewangan Institut. Taksiran ini berdasarkan maklumat sedia ada dan mungkin berubah disebabkan oleh perubahan kepada aliran hasil Institut dalam tempoh kewangan berakhir 30 Jun 2019 apabila Institut akan menerima pakai MFRS 15. Secara keseluruhan, Institut menjangkakan tiada kesan ketara ke atas penyata kedudukan kewangan dan dana terkumpul. Institut akan terus menganalisa kesan keperluan pembentangan dan pendedahan bagi piawaian baharu ini.

2. Dasar-dasar Perakaunan Penting (Samb.)

2.3 Pernyataan Baharu dan Disemak Semula Yang Belum Berkuatkuasa (Samb.)

MFRS 16 *Pajakan* menggantikan MFRS 117 *Pajakan* dan interpretasi berkaitan.

Menurut MFRS 16 pajakan ialah satu kontrak (atau sebahagian daripada satu kontrak) yang memberikan hak untuk mengawal penggunaan aset yang telah dikenalpasti untuk satu tempoh masa sebagai pertukaran untuk pertimbangan.

MFRS 16 menyingkirkan pengkelasan pajakan oleh penerima pajak sama ada pajakan kewangan (atas kunci kira-kira) atau pajakan operasi (luar kunci kira-kira). MFRS 16 memerlukan penerima pajak untuk mengiktiraf "hak kegunaan" ke atas aset yang tersembunyi dan liabiliti pajakan menggambarkan bayaran pajakan akan datang untuk kebanyakan pajakan.

Hak kegunaan aset boleh diukur dengan menggunakan model kos atau model penilaian semula seperti yang diperlukan menurut MFRS 116 *Hartanah, Loji dan Peralatan*. Jika penerima pajak menggunakan model nilai saksama dalam MFRS 140 *Harta Pelaburan* kepada harta pelaburannya, penerima pajak perlu juga menggunakan model nilai saksama kepada hak kegunaan aset yang memenuhi definisi harta pelaburan dalam MFRS 140.

Liabiliti pajakan perlu diukur susulan dengan:

- (a) meningkatkan amaun dibawa untuk menunjukkan faedah kepada liabiliti pajakan;
- (b) mengurangkan amaun dibawa untuk menunjukkan bayaran pajakan di buat; dan
- (c) mengukur semula amaun dibawa untuk menunjukkan sebarang penilaian semula atau pengubahsuaian pajakan menurut MFRS 16.

Untuk pemberi pajak, MFRS 16 mengekalkan kebanyakan keperluan dalam MFRS 117. Pemberi pajak terus mengklasifikasi semua pajakan sama ada pajakan operasi atau pajakan kewangan dan mengambil kira kedua-duanya secara berlainan.

Institut akan menerima pakai piawaian baharu pada tarikh kuatkuasa dan tidak akan nyatakan semula maklumat perbandingan. Berdasarkan penilaian awal, baki tambahan liabiliti pajakan dan hak kegunaan aset berjumlah RM495,445 perlu diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan pada 1 Julai 2019 dengan menggunakan cara praktikal dalam MFRS 16 ke atas penggunaan awal untuk pajakan yang sebelum ini diklasifikasi sebagai pajakan operasi menggunakan MFRS 117. Cara praktikal membenarkan penerima pajak untuk mengukur liabiliti pajakan pada nilai kini dari baki bayaran pajakan, didiskaunkan menggunakan kadar kenaikan pinjaman dan mengiktiraf hak kegunaan aset pada tarikh penggunaan awal untuk pajakan yang sebelum ini diklasifikasikan sebagai pajakan operasi menurut MFRS 117.

Bagi tujuan penilaian awal, Institut memilih untuk mengukur hak kegunaan aset pada amaun yang sama dengan pajakan liabiliti, terlaras dengan amaun untuk sebarang bayaran pendahuluan atau bayaran pajakan terakru berkaitan dengan pajakan yang diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan sebelum sahaja tarikh penggunaan awal. Ini menyebabkan jumlah perbelanjaan pajakan adalah lebih pada tahun-tahun awal kepada kontrak pajakan ini.

2.4 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Penting

Dasar-dasar perakaunan yang dinyatakan di bawah telah diguna pakai secara konsisten bagi tempoh yang dibentangkan dalam penyata kewangan ini.

(a) Hartanah, loji dan peralatan dan susut nilai

Semua hartanah, loji dan peralatan pada awalnya dinyatakan pada kos. Kos sesuatu butiran hartanah, loji dan peralatan diiktiraf sebagai aset jika, dan hanya jika, terdapat kemungkinan bahawa Institut akan dapat meraih faedah ekonomi yang berkaitan dengan butiran tersebut di masa hadapan dan kos butiran tersebut boleh diukur dengan pasti.

Kos merangkumi perbelanjaan yang berkait langsung dengan perolehan aset dan sebarang kos lain yang berkait langsung untuk membolehkan aset dibawa kepada keadaan yang mana ia boleh digunakan bagi tujuan yang diinginkan, dan kos pembongkaran serta pemindahan butiran hartanah, loji dan peralatan serta membaik pulih kawasan di mana aset itu diletakkan. Bagi aset yang layak, kos pinjaman dipermodalkan mengikut dasar perakaunan berhubung kos pinjaman.

Apabila bahagian penting loji dan peralatan perlu di ganti berselang, Institut menyusut nilai mereka berasingan berdasarkan jangka hayat kegunaan khusus mereka. Amaun dibawa bersih bahagian yang diganti akan dinyah iktiraf apabila penggantian berlaku. Semua pembaikan dan penyelenggaraan lain diiktiraf dalam untung atau rugi bilamana kos ditanggung.

Berikutan pengiktirafan, hartanah, loji dan peralatan diukur pada kos tolak susut nilai terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul.

2. Dasar-dasar Perakaunan Penting (Samb.)

2.4 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Penting (Samb.)

(a) Hartanah, loji dan peralatan dan susut nilai (samb.)

Modal kerja dalam proses tidak disusut nilai sehingga aset sedia untuk digunakan mengikut tujuannya. Susut nilai hartanah, loji dan peralatan lain dikira berasaskan kaedah garis lurus untuk dihapus kira kos setiap aset ke atas anggaran hayat gunanya, seperti berikut:

Hartanah pegangan pajak	50 tahun
Peralatan pejabat	10 tahun
Perabot dan kelengkapan	10 tahun
Peralatan komputer	3 tahun
Pengubahsuaian	10 tahun

Nilai dibawa hartanah, loji dan peralatan disemak semula untuk rosot nilai apabila berlaku peristiwa atau perubahan dalam keadaan yang menunjukkan bahawa nilai dibawa mungkin tidak boleh pulih semula.

Nilai sisa, hayat guna dan kaedah susut nilai disemak semula pada setiap akhir tahun kewangan dan dilaraskan secara prospektif, sekiranya sesuai.

Sesebuah butiran hartanah, loji dan peralatan dinyah iktiraf pada masa ia dilupuskan atau apabila tiada faedah ekonomi masa hadapan dijangkakan daripada kegunaannya atau pelupusannya. Sebarang keuntungan atau kerugian atas penyahiktirafan aset ini dimasukkan dalam untung atau rugi pada tahun aset tersebut tidak diiktiraf.

(b) Aset tak ketara

(i) *Perisian Komputer*

Perisian komputer pada mulanya dinyatakan pada kos. Berikutan pemerolehan awal, perisian komputer diukur pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul.

Perisian komputer dinilai sebagai mempunyai hayat guna yang terhad. Perisian komputer dilunaskan sepanjang anggaran hayat gunanya selama 3 tahun dan ditaksir untuk rosot nilai bilamana terdapat tanda-tanda yang ia mungkin mengalami rosot nilai. Tempoh pelunasan dan kaedah pelunasan dikaji semula pada setiap akhir tahun kewangan. Perbelanjaan pelunasan ke atas perisian komputer diiktiraf dalam untung atau rugi.

Keuntungan atau kerugian yang timbul daripada penyahiktirafan perisian komputer dikira sebagai perbezaan antara hasil pelupusan bersih dan amaun dibawa aset dan diiktiraf dalam untung atau rugi apabila perisian komputer ini dinyahiktiraf.

(ii) *Perbelanjaan pembangunan*

Kos yang ditanggung untuk pembangunan diiktiraf sebagai aset tak ketara apabila kriteria berikut dipenuhi:

- (i) kebolehlaksanaan teknikal untuk menyiapkan aset tak ketara agar ia akan sedia untuk digunakan atau dijual;
- (ii) pengurusan berhasrat untuk menyiapkan aset tak ketara dan menggunakan atau menjualnya;
- (iii) terdapat keupayaan untuk menggunakan atau menjual aset tak ketara;
- (iv) ia boleh ditunjukkan bahawa aset tak ketara akan menghasilkan kemungkinan manfaat ekonomi pada masa hadapan;
- (v) teknikal, kewangan dan sumber lain yang mencukupi untuk menyiapkan pembangunan dan untuk menggunakan atau menjual aset tak ketara tersebut wujud; dan
- (vi) perbelanjaan berkait dengan aset tak ketara dalam tempoh pembangunannya boleh diukur dengan pasti.

Perbelanjaan pembangunan lain yang tidak memenuhi kriteria ini diiktiraf sebagai perbelanjaan apabila berlaku. Kos pembangunan yang sebelum ini diiktiraf sebagai perbelanjaan tidak diiktiraf sebagai aset tak ketara dalam tempoh berikutnya.

Perbelanjaan pembangunan mewakili pembangunan Institut untuk Rangka Kerja Kompetensi MIA dan dipermodalkan berdasarkan penerimaan prestasi yang dipentingkan oleh Institut.

Perbelanjaan pembangunan mempunyai hayat gunaan terhad, pada mulanya diiktiraf pada kos dan seterusnya dibawa pada kos tolak pelunasan terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul.

Kos pembangunan yang dimodalkan diiktiraf sebagai aset tak ketara dilunaskan dari titik di mana aset tersebut sedia untuk digunakan, menggunakan kaedah garis lurus ke atas hayat gunanya, tidak melebihi 10 tahun.

2. Dasar-dasar Perakaunan Penting (Samb.)

2.4 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Penting (Samb.)

(b) Aset tak ketara (samb.)

(ii) *Perbelanjaan pembangunan (samb.)*

Tempoh pelunasan dan kaedah pelunasan dikaji semula pada akhir setiap tempoh pelaporan. Kesan daripada sebarang semakan diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian apabila perubahan berlaku. Apabila terdapat tanda-tanda rosot nilai, nilai dibawa perbelanjaan pembangunan ditaksir dan diturun nilai serta-merta kepada amaun boleh pulih.

(c) Inventori

Inventori seperti penerbitan dinyatakan pada nilai yang lebih rendah antara kos dan nilai boleh realis bersih. Kos ditentukan mengikut asas masuk-dahulu, keluar-dahulu. Nilai boleh realis bersih adalah anggaran harga jualan dalam urusan biasa perniagaan, tolak kos penyelesaian dan anggaran kos-kos yang perlu untuk membuat jualan.

(d) Yuran tertunggak

Yuran belum diterima selama 6 bulan dan lebih yang belum dijelaskan oleh ahli-ahli yang telah dibatalkan keahliannya daripada Daftar Ahli dan yang mana, pada pendapat Majlis, hutang-hutang tersebut tidak lagi boleh dipungut, dihapus kira dalam untung atau rugi. Ahli-ahli yang sedang dalam siasatan dan dalam prosiding tatatertib yang dikenakan ke atas mereka yang mempunyai yuran tertunggak melebihi enam bulan tidak akan dibatalkan keahlian mereka daripada Daftar Ahli. Rosot nilai bagi akaun belum terima dijalankan berdasarkan semakan ke atas semua yuran tertunggak pada tarikh pelaporan. Hutang yang kemudiannya dikutip semula diambil kira pada asas tunai.

(e) Tunai dan setara tunai

Bagi tujuan penyata aliran tunai, tunai dan setara tunai merangkumi tunai di tangan, baki di bank, deposit dengan institusi kewangan berlesen dengan kematangan asal tidak lebih daripada 3 bulan dan pelaburan mudah cair jangka pendek lain yang sedia boleh ditukar kepada amaun tunai dan yang tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

Penyata aliran tunai disediakan menggunakan kaedah langsung.

(f) Aset bukan semasa dipegang untuk jualan

Aset bukan semasa, yang dijangka akan pulih sepenuhnya menerusi jualan bukannya menerusi penggunaan berterusan, diklasifikasi sebagai dipegang untuk jualan.

Sejurus sebelum diklasifikasi sebagai dipegang untuk jualan, aset diukur semula menurut dasar perakaunan Institut. Setelah itu, secara amnya aset diukur di bawah amaun dibawa dan nilai saksama tolak kos pelupusan.

Hartanah, loji dan peralatan yang mulanya diklasifikasi sebagai dipegang untuk jualan adalah tidak dilunaskan atau disusutnilai.

(g) Aset Kewangan

Institut mengiktiraf semua aset kewangan dalam penyata kedudukan kewangannya apabila, dan hanya apabila, Institut menjadi pihak kepada peruntukan berkontrak instrumen kewangan tersebut.

(i) *Pengelasan dan pengukuran*

Aset-aset kewangan pada mulanya diukur berdasarkan nilai saksama ditambah, dalam kes yang mana aset kewangan bukan pada nilai saksama melalui untung atau rugi, kos urus niaga yang boleh dikaitkan secara langsung.

Aset-aset kewangan dikelaskan ke dalam aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi, pinjaman dan belum terima, pelaburan dipegang hingga matang dan aset kewangan sedia untuk jualan, bergantung kepada bentuk dan tujuan aset kewangan dan ditentukan semasa pengiktirafan awal.

2. Dasar-dasar Perakaunan Penting (Samb.)

2.4 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Penting (Samb.)

(g) Aset Kewangan (samb.)

(i) *Pengelasan dan pengukuran (samb.)*

Institut mengkategorikan aset kewangannya seperti berikut:

Pinjaman dan belum terima

Aset kewangan dengan pembayaran yang tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif dikelaskan sebagai pinjaman dan belum terima.

Berikutan pengiktirafan awal, pinjaman dan belum terima diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah efektif. Keuntungan dan kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi apabila pinjaman dan belum terima dinyah iktiraf atau mengalami rosot nilai, dan melalui proses pelunasan.

Pinjaman dan belum terima diklasifikasikan sebagai aset semasa, kecuali bagi yang mempunyai tempoh matang selepas 12 bulan dari tarikh pelaporan yang diklasifikasikan sebagai bukan semasa.

Aset kewangan sedia untuk jualan

Aset kewangan sedia untuk jualan merangkumi pelaburan dalam ekuiti dan instrumen sekuriti hutang yang tidak dipegang untuk dagangan dan tidak termasuk dalam kategori aset kewangan lain.

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan sedia untuk jualan dinilai pada nilai saksama. Sebarang keuntungan atau kerugian daripada perubahan dalam nilai saksama aset kewangan diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain kecuali kerugian rosot nilai, keuntungan dan kerugian tukaran wang asing bagi instrumen monetari dan faedah yang dikira menggunakan kaedah faedah efektif, diiktiraf dalam untung atau rugi. Keuntungan atau kerugian terkumpul yang diiktiraf sebelumnya dalam pendapatan komprehensif lain diklasifikasi semula daripada ekuiti kepada untung atau rugi sebagai pelarasan pengelasan semula apabila aset kewangan tersebut dinyah iktiraf. Pendapatan faedah dikira menggunakan kaedah faedah efektif diiktiraf dalam untung atau rugi. Dividen bagi instrumen ekuiti sedia untuk jualan diiktiraf dalam untung atau rugi apabila hak Institut untuk menerima bayaran ditetapkan.

Pelaburan dalam instrumen ekuiti yang nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti dinilai pada kos tolak kerugian rosot nilai.

(ii) ***Penyahiktirafan aset kewangan***

Aset kewangan dinyah iktiraf apabila, dan hanya apabila, hak berkontrak untuk menerima aliran tunai daripada aset kewangan tersebut tamat atau ia memindahkan aset kewangan tanpa mengekalkan kawalan atau hampir kesemua risiko dan manfaat pemilikan aset kewangan itu kepada pihak lain. Apabila aset kewangan dinyah iktiraf secara keseluruhannya, perbezaan antara amaun dibawa dan jumlah manfaat diterima dan sebarang keuntungan atau kerugian terkumpul yang telah diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain diiktiraf dalam untung atau rugi.

(h) Rosot nilai aset kewangan

Pada setiap tarikh pelaporan, Institut menilai sama ada terdapat bukti objektif bahawa aset kewangan mengalami rosot nilai

(i) ***Belum terima dan aset kewangan lain yang dibawa pada kos pelunasan***

Untuk mengenal pasti sama ada terdapat bukti objektif bahawa kerugian rosot nilai ke atas aset kewangan telah berlaku, Institut mempertimbangkan faktor-faktor seperti masalah kewangan ketara penghutang dan kegagalan atau kelewatan ketara dalam pembayaran. Kategori aset kewangan yang ditaksir sebagai tidak mengalami rosot nilai secara individu kemudiannya ditaksir untuk rosot nilai mengikut asas kolektif berdasarkan ciri-ciri risiko yang sama. Bukti objektif rosot nilai untuk portfolio belum terima termasuklah pengalaman Institut dalam kutipan bayaran, peningkatan dalam bilangan kelewatan pembayaran dalam portfolio yang melepasi tempoh kredit purata dan perubahan yang boleh dilihat dalam keadaan ekonomi tempatan atau negara yang berkaitan dengan kelaian atas belum terima.

Sekiranya ada bukti sedemikian, amaun kerugian rosot nilai diukur sebagai perbezaan antara amaun dibawa aset dan nilai semasa anggaran aliran tunai masa depan didiskaunkan pada kadar faedah efektif asal aset kewangan itu. Kerugian rosot nilai ini diiktiraf dalam untung atau rugi.

2. Dasar-dasar Perakaunan Penting (Samb.)

2.4 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Penting (Samb.)

(h) Rosot nilai aset kewangan (samb.)

(i) *Belum terima dan aset kewangan lain yang dibawa pada kos pelunasan (samb.)*

Amaun dibawa aset kewangan dikurangkan oleh kerugian rosot nilai secara langsung untuk semua aset kewangan kecuali jumlah belum terima daripada peserta acara dan persidangan, yuran belum terima dan belum terima lain, yang mana amaun dibawa dikurangkan melalui penggunaan akaun peruntukan. Apabila belum terima perdagangan dan belum terima lain tidak boleh dikumpulkan, ia dihapus kira ke atas akaun peruntukan.

Jika dalam tempoh berikutnya, jumlah kerugian rosot nilai berkurang dan pengurangan itu boleh dikaitkan secara objektif kepada keadaan yang berlaku selepas rosot nilai diiktiraf, kerugian rosot nilai diiktiraf sebelumnya dibalikkan sehingga ke tahap amaun dibawa aset tidak melebihi kos pelunasannya pada tarikh pembalikan. Amaun yang dibalikkan ini diiktiraf dalam untung atau rugi.

(ii) *Sekuriti ekuiti tidak disebut harga dibawa pada kos*

Sekiranya terdapat bukti objektif (seperti perubahan buruk yang ketara dalam persekitaran perniagaan di mana pengeluaran beroperasi, kebarangkalian insolvensi atau masalah kewangan ketara pengeluaran) bahawa kerugian rosot nilai atas aset yang dibawa pada kos telah berlaku, jumlah kerugian diukur sebagai perbezaan antara amaun dibawa aset dan nilai semasa anggaran aliran tunai masa depan yang didiskaunkan pada kadar pulangan pasaran semasa untuk aset kewangan yang sama. Perbezaan tersebut diiktiraf dalam untung atau rugi. Kerugian rosot nilai sedemikian tidak dibalikkan dalam tempoh berikutnya.

(i) Liabiliti kewangan

Liabiliti kewangan dikelaskan mengikut kontrak perjanjian yang telah dimeterai dan takrifan liabiliti kewangan.

Institut mengiktiraf semua liabiliti kewangan dalam penyata kedudukan kewangannya apabila, dan hanya apabila Institut menjadi pihak kepada peruntukan berkontrak instrumen tersebut.

(i) *Pengelasan dan pengukuran*

Liabiliti kewangan diklasifikasikan sebagai sama ada liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi atau liabiliti kewangan lain. Institut mengkategorikan liabiliti kewangannya sebagai liabiliti kewangan lain.

Liabiliti kewangan lain pada awalnya diiktiraf pada nilai saksama ditambah kos urus niaga secara langsung dan seterusnya diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif. Liabiliti kewangan lain Institut termasuk yuran pendahuluan dan belum bayar.

Bagi liabiliti kewangan lain, keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi apabila liabiliti kewangan dinyah iktiraf dan melalui proses pelunasan.

(ii) *Penyahiktirafan liabiliti kewangan*

Liabiliti kewangan dinyah iktiraf apabila, dan hanya apabila, obligasi tertentu dalam kontrak telah tamat.

Apabila liabiliti kewangan sedia ada digantikan dengan liabiliti kewangan lain daripada peminjam yang sama berserta syarat yang amat berbeza, atau syarat liabiliti sedia ada yang sebahagian besarnya diubah suai, penggantian atau pengubahsuaian seumpamanya dikira sebagai satu penyahiktirafan liabiliti kewangan asal dan pengiktirafan liabiliti kewangan baharu. Perbezaan dalam nilai dibawa masing-masing diiktiraf dalam untung atau rugi.

(j) Peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila Institut mempunyai obligasi semasa yang konstruktif dan dari segi undang-undang, kesan daripada peristiwa lalu dan berkemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang melibatkan manfaat ekonomi akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut dan amaun obligasi itu boleh dianggarkan dengan pasti.

Peruntukan disemak pada setiap tarikh pelaporan dan diselaraskan untuk membayangkan anggaran semasa terbaik. Jika tiada lagi kemungkinan bahawa aliran keluar sumber ekonomi akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi itu, peruntukan tersebut akan dibalikkan. Sekiranya kesan nilai masa wang adalah ketara, peruntukan akan didiskaunkan menggunakan kadar sebelum cukai semasa yang menggambarkan, bilamana bersesuaian, risiko khusus kepada liabiliti tersebut. Apabila pendiskaunan digunakan, peningkatan dalam peruntukan yang disebabkan oleh peredaran masa diiktiraf sebagai kos kewangan

2. Dasar-dasar Perakaunan Penting (Samb.)

2.4 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Penting (Samb.)

(k) Geran kerajaan

Geran kerajaan pada awalnya diiktiraf pada nilai saksama dalam penyata kedudukan kewangan sebagai pendapatan tertunda yang mana terdapat jaminan munasabah bahawa geran tersebut akan diterima dan semua syarat berkaitan akan dipatuhi.

Geran yang menjadi pampasan kepada Institut bagi perbelanjaan yang ditanggung, diiktiraf sebagai pendapatan sepanjang tempoh itu untuk memadamkan kos yang sepatutnya diberi pampasan.

(l) Pengiktirafan pendapatan

- (i) Yuran keahlian dan sijil amalan perlu dibayar setiap tahun pada permulaan tahun kewangan. Hanya yuran tahunan yang berkaitan dengan tahun kewangan semasa diiktiraf sebagai pendapatan. Yuran yang berkaitan dengan tempoh selepas tahun kewangan semasa diiktiraf sebagai pendahuluan yuran di bawah liabiliti semasa dalam penyata kedudukan kewangan.
- (ii) Kemasukan keahlian diiktiraf selepas kelulusan oleh Majlis. Yuran tahunan dan yuran kemasukan bagi pemohon yang telah diterima dalam tahun kewangan tetapi belum diluluskan pada tarikh pelaporan dikira sebagai pendapatan tertunda di bawah liabiliti semasa dalam penyata kedudukan kewangan.
- (iii) Pendapatan daripada acara dan persidangan diiktiraf dalam tempoh perkhidmatan diberikan. Pembayaran pendahuluan yang diterima daripada acara dan persidangan diiktiraf sebagai pendapatan tertunda di bawah liabiliti semasa dalam penyata kedudukan kewangan.
- (iv) Yuran pemprosesan pendaftaran sebagai calon untuk Peperiksaan Kelayakan diiktiraf selepas penerimaan tetapi yuran calon hanya diambil kira selepas kelulusan daripada Jawatankuasa Peperiksaan. Yuran peperiksaan diiktiraf dua kali dalam setiap tahun kalendar apabila peperiksaan diadakan. Yuran tuisyen diiktiraf sepanjang tempoh tuisyen.
- (v) Pendapatan daripada iklan yang dimasukkan dalam jurnal Institut diiktiraf sepanjang tempoh pengiklanan. Tunai yang diterima daripada iklan yang dimasukkan sebelum tempoh tersebut dikira sebagai pendapatan tertunda. Pendapatan daripada penajaan ditunda sehingga aktiviti berakhir.
- (vi) Pendapatan daripada jualan bahan/penerbitan teknikal diiktiraf apabila kawalan fizikal bahan/penerbitan teknikal itu diserahkan kepada pembeli.
- (vii) Pendapatan daripada semakan amalan diiktiraf selepas penyelesaian kerja semakan.
- (viii) Pendapatan faedah diiktiraf berdasarkan asas hasil efektif.
- (ix) Pendapatan sewa diiktiraf pada asas akruan.

(m) Cukai

(i) Cukai semasa

Cukai pendapatan ke atas keuntungan atau kerugian bagi tahun kewangan terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa adalah jangkaan jumlah cukai pendapatan perlu dibayar untuk keuntungan boleh cukai bagi tahun kewangan dan dikira menggunakan kadar cukai yang digubal pada tarikh pelaporan.

(ii) Cukai tertunda

Cukai tertunda diperuntukkan menggunakan kaedah liabiliti ke atas perbezaan sementara pada tarikh pelaporan antara asas cukai aset dan liabiliti dengan nilai bawaannya bagi tujuan laporan kewangan.

Liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh cukai, kecuali bagi liabiliti cukai tertunda yang timbul daripada pengiktirafan awal aset atau liabiliti dalam urus niaga yang bukannya gabungan perniagaan dan, pada masa urus niaga itu, tidak memberi kesan kepada keuntungan perakaunan mahupun keuntungan atau kerugian boleh cukai.

Aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh tolak, kredit cukai belum guna dibawa ke hadapan dan kerugian cukai belum guna dibawa ke hadapan, hingga ke tahap yang berkemungkinan bahawa keuntungan boleh cukai akan terhasil daripada perbezaan sementara boleh tolak ini, dan kredit cukai belum guna dibawa ke hadapan dan kerugian cukai belum guna dibawa ke hadapan boleh digunakan, kecuali bagi aset cukai tertunda yang timbul daripada pengiktirafan awal aset atau liabiliti dalam urus niaga yang bukannya

2. Dasar-dasar Perakaunan Penting (Samb.)

2.4 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Penting (Samb.)

(m) Cukai (samb.)

(ii) Cukai tertunda (samb.)

gabungan perniagaan dan, pada masa urus niaga itu, tidak memberi kesan kepada keuntungan perakaunan mahupun keuntungan atau kerugian boleh cukai.

Amaun dibawa aset cukai tertunda disemak semula pada setiap tarikh pelaporan dan dikurangkan hingga ke tahap yang mana tidak lagi berkemungkinan bahawa keuntungan boleh cukai mencukupi akan tersedia untuk membolehkan semua atau sebahagian daripada aset cukai tertunda itu digunakan.

Aset cukai tertunda tidak diiktiraf akan dinilai semula pada setiap tarikh pelaporan dan diiktiraf hingga ke tahap yang mana berkemungkinan keuntungan bercukai masa depan akan membolehkan aset cukai tertunda itu digunakan.

Cukai tertunda diukur pada kadar cukai yang dijangka akan dikenakan dalam tempoh apabila aset tersebut direalisasi atau liabiliti dilangsaikan, berdasarkan kadar cukai yang telah digubal atau digubal secara substantif pada tarikh pelaporan. Cukai tertunda diiktiraf sebagai pendapatan atau perbelanjaan dan dimasukkan dalam penyata untung atau rugi bagi tempoh tersebut, kecuali jika ia terhasil daripada urus niaga yang diiktiraf secara langsung dalam ekuiti, di mana dalam hal ini cukai tertunda juga diiktiraf secara langsung dalam ekuiti.

Aset cukai tertunda dan liabiliti ofset sekiranya hak yang boleh dikuatkuasakan dari segi undang-undang wujud untuk menolak aset cukai semasa ke atas liabiliti cukai semasa dan cukai tertunda berkait dengan entiti boleh cukai dan pihak berkuasa cukai yang sama.

(iii) Cukai Barang dan Perkhidmatan ("GST")

Amaun bersih GST yang merupakan perbezaan antara GST output dan GST input, belum bayar atau belum terima daripada pihak berkuasa pada tarikh pelaporan, dimasukkan dalam belum bayar atau belum terima yang lain dalam penyata kedudukan kewangan. Pendapatan keahlian dianggap sebagai di luar skop dengan kelulusan Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

(n) Manfaat kakitangan

(i) Manfaat jangka pendek kakitangan

Upah, gaji, bonus, caruman keselamatan sosial dan lain-lain manfaat diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun yang mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh kakitangan Institut. Ketidakhadiran terpampas terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan oleh kakitangan yang meningkatkan hak mereka bagi ketidakhadiran terpampas masa depan. Ketidakhadiran terpampas tidak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit diiktiraf apabila berlakunya ketidakhadiran tersebut.

(ii) Pelan caruman tetap

Pelan caruman tetap adalah pelan manfaat selepas penggajian yang mana Institut membayar caruman tetap kepada entiti atau dana berasingan dan tidak mempunyai obligasi dari segi undang-undang atau konstruktif untuk membayar caruman selanjutnya jika mana-mana dana itu tidak memegang aset mencukupi untuk membayar semua manfaat kakitangan berkaitan dengan perkhidmatan kakitangan dalam tahun kewangan semasa dan sebelumnya. Caruman itu diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam untung atau rugi dalam tempoh bilamana ia berlaku. Seperti yang dikehendaki oleh undang-undang di Malaysia, caruman tersebut dibayar kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP").

(o) Transaksi matawang asing dan baki

Transaksi dalam mata wang asing telah ditukarkan kepada Ringgit Malaysia, yang juga merupakan mata wang fungsi pada kadar pertukaran pada tarikh transaksi atau, bilamana pembayaran belum dibuat pada akhir tahun kewangan, pada anggaran kadar pertukaran pada tarikh tersebut. Semua keuntungan dan kerugian pertukaran mata wang asing diambil kira dalam untung atau rugi.

2. Dasar-dasar Perakaunan Penting (Samb.)

2.4 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Penting (Samb.)

(p) Pajak

(i) *Sebagai penerima pajak*

Pajakan kewangan yang dipindahkan kepada Institut sebahagian besarnya adalah risiko dan ganjaran berhubung pemilikan butiran yang dipajakan. Ia dimodalkan pada permulaan pajakan pada nilai saksama aset yang dipajak itu atau, sekiranya lebih rendah, pada nilai semasa pembayaran pajakan minimum. Sebarang kos langsung pada permulaan juga dicampurkan kepada amaun yang dimodalkan. Pembayaran pajakan dibahagikan antara caj kewangan dan pengurangan liabiliti pajakan untuk mencapai kadar faedah malar atas baki liabiliti tersebut. Caj kewangan dicajkan ke untung atau rugi. Sewa luar jangka, jika ada, dicaj sebagai perbelanjaan dalam tempoh yang mana ia ditanggung.

Aset yang dipajak disusut nilai sepanjang jangkaan hayat gunaannya. Walau bagaimanapun, jika tiada kepastian munasabah bahawa Institut akan mendapat pemilikan menjelang akhir tempoh pajakan itu, aset tersebut disusut nilai sepanjang jangkaan hayat guna dan jangka masa pajakan yang lebih singkat.

Pembayaran pajakan operasi diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam untung atau rugi pada asas garis lurus sepanjang tempoh pajakan. Manfaat agregat bagi insentif yang diberikan oleh pemberi pajak diiktiraf sebagai pengurangan perbelanjaan sewa sepanjang tempoh pajakan pada asas garis lurus.

(ii) *Sebagai pemberi pajak*

Pajakan yang mana Institut mengekalkan sebahagian besar kesemua risiko dan ganjaran pemilikan aset dikelaskan sebagai pajakan operasi. Kos langsung yang ditanggung dalam merundingkan suatu pajakan operasi dicampurkan kepada amaun dibawa aset yang dipajak itu dan diiktiraf sepanjang tempoh pajakan pada asas yang sama seperti pendapatan sewa. Dasar perakaunan bagi pendapatan sewa dinyatakan dalam Nota 2.4 (l)(ix).

(q) Kos peminjaman

Kos peminjaman dimodalkan sebagai sebahagian daripada kos aset yang layak jika ia secara langsung berkait dengan pemerolehan, pembinaan atau pengeluaran aset tersebut. Permodalan kos-kos peminjaman bermula apabila aktiviti menyediakan aset bagi tujuan kegunaannya yang sedang dijalankan, dan kos-kos perbelanjaan dan pinjaman ditanggung. Kos peminjaman dimodalkan sehingga aset-aset tersebut hampir sepenuhnya siap untuk digunakan.

Semua kos peminjaman lain diiktiraf dalam untung atau rugi dalam tempoh bilamana ia ditanggung. Kos peminjaman merangkumi kos faedah dan kos lain yang ditanggung oleh Institut berikutan peminjaman dana.

(r) Segmen operasi

Segmen operasi ialah satu komponen Institut yang terlibat dalam aktiviti perniagaan yang boleh membuahkan hasil dan melibatkan perbelanjaan, termasuklah hasil dan perbelanjaan yang berkait dengan transaksi mana-mana komponen lain Institut. Keputusan untuk operasi segmen operasi disepak dengan kerap oleh ketua operasi pembuat keputusan yang dalam kes ini ialah Ketua Pegawai Eksekutif Institut, untuk membuat keputusan tentang sumber yang akan diperuntukkan kepada segmen dan menilai prestasinya, dan dengan itu maklumat kewangan yang berasingan boleh diperoleh.

2. Dasar-dasar Perakaunan Penting (Samb.)

2.5 Anggaran dan Andaian Penting Perakaunan

(a) Sumber utama ketidaktentuan anggaran

Pihak pengurusan membuat andaian penting berhubung masa hadapan dan sumber utama lain tentang anggaran yang tidak pasti pada tarikh pelaporan yang mempunyai risiko ketara yang menyebabkan pelarasan material kepada amaun dibawa aset dan liabiliti dalam tahun kewangan akan datang.

Berikut mewakili ringkasan sumber utama ketidaktentuan anggaran:

(i) *Anggaran hayat guna hartanah, loji dan peralatan dan aset tak ketara*

Hartanah, loji dan peralatan disusut nilai pada asas garis lurus sepanjang anggaran hayat gunanya. Majlis menganggarkan hayat guna hartanah, loji dan peralatan adalah dalam lingkungan 3 tahun hingga 50 tahun. Perubahan dalam tahap jangkaan penggunaan dan perkembangan teknologi boleh memberi kesan kepada hayat guna dari segi ekonomi dan nilai sisa hartanah, loji dan peralatan. Oleh itu, caj susut nilai masa hadapan boleh disemak semula.

Amaun dibawa hartanah, loji dan peralatan Institut pada tarikh pelaporan dinyatakan di Nota 3.

Bagi aset tak ketara, perubahan dalam anggaran hayat guna atau anggaran manfaat ekonomi corak penggunaan aset di masa hadapan diambil kira dengan mengubah tempoh dan kaedah pelunasan, sebagaimana bersesuaian dan dikira sebagai perubahan dalam anggaran perakaunan. Amaun dibawa aset tak ketara pada tarikh pelaporan dinyatakan di Nota 4.

(ii) *Cukai pendapatan dan cukai tertunda*

Anggaran diperlukan untuk menentukan peruntukan bagi cukai pendapatan. Terdapat urus niaga dan pengiraan yang mana penetapan cukai muktamad adalah tidak pasti dalam keadaan biasa perniagaan. Institut mengiktiraf liabiliti cukai berdasarkan anggaran penilaian liabiliti cukai yang perlu dibayar. Jika keputusan cukai muktamad itu berbeza daripada jumlah yang pada awalnya dicatatkan, perbezaan tersebut akan memberi kesan ke atas cukai pendapatan dan cukai tertunda, di mana bersesuaian, dalam tempoh yang mana penentuan itu dibuat.

Kesan cukai tertunda yang berpunca daripada perubahan dalam kadar cukai pendapatan korporat dinilai dengan merujuk kepada anggaran realisasi dan penyelesaian perbezaan sementara dalam tempoh masa hadapan yang mana kadar cukai dijangka akan diguna pakai, berdasarkan kadar cukai digubal atau digubal sebahagiannya pada tarikh pelaporan. Walaupun anggaran Institut tentang realisasi dan penyelesaian perbezaan sementara berdasarkan maklumat sedia ada pada tarikh pelaporan, prestasi operasi masa depan dan faktor lain boleh memberi kesan ke atas masa sebenar dan amaun perbezaan sementara direalisasi dan diselesai. Sebarang perbezaan antara amaun sebenar dan amaun anggaran akan diiktiraf dalam untung atau rugi dalam tempoh yang mana realisasi dan penyelesaian sebenar berlaku.

(b) Pertimbangan ketara dibuat dalam proses menerima pakai polisi perakaunan

Dalam mengguna pakai dasar perakaunan, pertimbangan ketara dibuat bagi mengiktiraf aset tak ketara berkaitan dengan Rangka Kerja Kompetensi MIA yang mungkin memberi kesan kepada amaun yang diiktiraf dalam penyata kewangan. Secara khususnya, pertimbangan dibuat ketika menilai faedah ekonomi masa depan yang dijangka, yang menyumbang kepada Rangka Kerja Kompetensi. Faedah ekonomi masa depan terealisasi berikutan enakmen cadangan peruntukan Akta Akauntan, 1967 yang membenarkan pelaksanaan pelan operasi berkaitan Rangka Kerja Kompetensi MIA. Institut masih dalam proses membuat susulan dengan pihak-pihak berkaitan tentang cadangan untuk menyemak semula Akta Akauntan, 1967.

3. Hartanah, Loji dan Peralatan

	Hartanah pegangan pajakan RM	Peralatan komputer RM	Pengubah- suaian RM	Perabot dan kelengkapan RM	Peralatan pejabat RM	Modal kerja dalam proses RM	Jumlah RM
Kos							
Pada 1 Julai 2017	22,797,454	1,514,597	3,023,606	1,729,360	2,799,745	-	31,864,762
Tambahan	-	196,408	86,046	30,665	66,880	-	379,999
Hapus kira	-	(254,975)	-	(5,910)	(60,110)	-	(320,995)
Pada 30 Jun 2018	22,797,454	1,456,030	3,109,652	1,754,115	2,806,515	-	31,923,766
Susut nilai terkumpul							
Pada 1 Julai 2017	1,036,238	1,360,237	530,448	214,724	410,718	-	3,552,365
Caj bagi tahun	455,949	123,144	280,242	170,203	272,312	-	1,301,850
Hapus kira	-	(249,332)	(10)	(2,029)	(55,720)	-	(307,091)
Pada 30 Jun 2018	1,492,187	1,234,049	810,680	382,898	627,310	-	4,547,124
Amaun dibawa bersih pada 30 Jun 2018	21,305,267	221,981	2,298,972	1,371,217	2,179,205	-	27,376,642

	Hartanah pegangan pajakan RM	Peralatan komputer RM	Pengubah- suaian RM	Perabot dan kelengkapan RM	Peralatan pejabat RM	Modal kerja dalam proses RM	Jumlah RM
Kos							
Pada 1 Julai 2016	22,797,454	2,064,158	1,575,280	586,346	844,014	2,477,415	30,344,667
Tambahan	-	80,332	247,389	1,652,545	2,537,997	-	4,518,263
Hapus kira	-	(629,893)	(1,276,478)	(509,531)	(582,266)	-	(2,998,168)
Klasifikasi semula	-	-	2,477,415	-	-	(2,477,415)	-
Pada 30 Jun 2017	22,797,454	1,514,597	3,023,606	1,729,360	2,799,745	-	31,864,762
Susut nilai terkumpul							
Pada 1 Julai 2016	580,289	1,862,855	1,309,895	476,931	651,347	-	4,881,317
Caj bagi tahun	455,949	127,118	262,322	155,963	259,033	-	1,260,385
Hapus kira	-	(629,736)	(1,041,769)	(418,170)	(499,662)	-	(2,589,337)
Pada 30 Jun 2017	1,036,238	1,360,237	530,448	214,724	410,718	-	3,552,365
Amaun dibawa bersih pada 30 Jun 2017	21,761,216	154,360	2,493,158	1,514,636	2,389,027	-	28,312,397

Pada penghujung tahun kewangan, Institut masih belum menerima hak milik strata untuk hartanah pegangan pajakan. Dalam tahun kewangan lepas, modal kerja dalam proses untuk pengubahsuaian dan outfit telah diklasifikasikan semula kepada pengubahsuaian. Pejabat pegangan pajakan yang baharu disusut nilai lebih 50 tahun berdasarkan anggaran hayat guna ekonomi pejabat meskipun tempoh pajakan ialah 91 tahun pada tarikh pengosongan pemilihan.

Termasuk dalam hartanah, loji dan peralatan adalah aset yang telah disusut nilai sepenuhnya dan masih digunakan dengan kos berjumlah RM1,494,660 (2017: RM1,555,491).

4. Aset Tak Ketara

	2018 RM	2017 RM
Perisian komputer		
Kos		
Pada awal tahun kewangan	811,537	752,693
Tambahan dalam tahun kewangan	87,950	58,844
Pada akhir tahun kewangan	899,487	811,537
Pelunasan terkumpul		
Pada awal tahun kewangan	605,523	430,739
Pelunasan dalam tahun kewangan	170,988	174,784
Pada akhir tahun kewangan	776,511	605,523
Amaun dibawa bersih pada akhir tahun kewangan	122,976	206,014
Perbelanjaan pembangunan		
Kos		
Pada awal tahun kewangan	219,240	-
Tambahan dalam tahun kewangan	153,468	219,240
Pada akhir tahun kewangan	372,708	219,240
Jumlah	495,684	425,254

Perisian komputer mewakili kos perisian yang diperolehi. Kos perisian yang diperolehi, termasuk semua kos langsung yang berkaitan dalam menyediakan aset untuk digunakan, dilunaskan pada asas garis lurus ke atas jangkaan hayat guna selama 3 tahun.

Perbelanjaan pembangunan mewakili perkembangan Institut untuk Rangka Kerja Kompetensi MIA. Rangka Kerja Kompetensi MIA dijangka sedia untuk digunakan berikutan enakmen cadangan semakan semula kepada Akta Akauntan, 1967.

5. PELABURAN

	2018 RM	2017 RM
Pada kos		
Pelaburan, tidak disebut harga	7,458	7,458

Institut telah memperolehi 9.09% dari faedah ekuiti biasa di Ultimate Professional Centre (Sarawak) Sdn Bhd ("UPC") dalam tahun kewangan berakhir 30 Jun 1996.

6. Aset Cukai Tertunda

	2018 RM	2017 RM
Aset cukai tertunda	187,298	286,768
Pada awal tahun kewangan	286,768	24,773
Diiktiraf di dalam untung atau rugi (Nota 21)		
- Pembalikan aset cukai tertunda untuk hartanah, loji dan peralatan dan kerugian cukai bawa ke hadapan	(82,813)	-
- Hartanah, loji dan peralatan	-	84,795
- Kerugian cukai	-	41,905
- Peruntukan dan penerimaan pendahuluan	(16,657)	135,295
	(99,470)	261,995
Pada akhir tahun kewangan	187,298	286,768
Aset cukai tertunda		
- Hartanah, loji dan peralatan	-	43,710
- Kerugian cukai belum guna	-	39,103
- Peruntukan dan penerimaan pendahuluan	187,298	203,955
	187,298	286,768

Aset cukai tertunda tidak diiktiraf

Berkuatkuasa dari tahun taksiran 2009, menurut Tambahan kepada Ketetapan Umum No 6/2005 yang dikeluarkan pada 1 Julai 2009, elaun modal dan kerugian daripada aktiviti keahlian jika tidak digunakan, tidak boleh dibawa ke hadapan ke tahun taksiran akan datang. Pada tarikh pelaporan, Institut mempunyai baki elaun modal yang tidak digunakan dan kerugian belum guna berjumlah RM542,137 (2017: RM542,137) daripada tahun-tahun taksiran sebelum tambahan itu berkuatkuasa.

Aset cukai tertunda terhasil daripada elaun modal tidak digunakan dan kerugian belum guna dibawa ke hadapan untuk aktiviti-aktiviti keahlian sebelum tahun taksiran 2009 dan untuk aktiviti-aktiviti bukan keahlian yang tidak diiktiraf pada tarikh pelaporan oleh kerana penggunaan manfaat cukai tidak dapat dijangka pada masa hadapan:

	2018 RM	2017 RM
Elaun modal tidak diserap	1,074,702	346,573
Kerugian cukai tidak digunakan	1,179,966	195,564
	2,254,668	542,137
Aset cukai tertunda berpotensi tidak diiktiraf pada 24% (2017: 24%)	541,120	130,113

7. Inventori

	2018 RM	2017 RM
Pada kos		
Penerbitan	49,362	4,249

Pada tahun kewangan, inventori yang diiktiraf sebagai perbelanjaan adalah sebanyak RM168,283 (2017: RM100,615).

8. Belum Terima, Deposit dan Prabayar

	2018 RM	2017 RM
Jumlah belum diterima daripada peserta acara dan persidangan	274,060	377,516
Belum terima lain-lain	1,089,225	410,031
	1,363,285	787,547
Tolak : Peruntukan bagi kerugian rosot nilai	(2,120)	(29,051)
	1,361,165	758,496
Prabayar	1,383,509	892,099
Deposit	126,203	166,609
	1,509,712	1,058,708
	2,870,877	1,817,204

Tempoh kredit yang diberikan oleh Institut adalah julat dari 30 hari hingga 60 hari (2017: 30 hari hingga 60 hari). Termasuk dalam prabayar ialah jumlah sebanyak RM360,000 (2017: RM Nil) berhubung dengan prabayar kos perisian sistem maklumat keahlian.

Analisis jangka masa belum terima adalah seperti berikut:

	2018 RM	2017 RM
Tidak melebihi tempoh matang atau tiada rosot nilai	1,241,153	543,794
1 hingga 30 hari melebihi tempoh matang tetapi tiada rosot nilai	70,374	179,413
31 hingga 60 hari melebihi tempoh matang tetapi tiada rosot nilai	45,970	35,289
61 hingga 90 hari melebihi tempoh matang tetapi tiada rosot nilai	3,668	-
	1,361,165	758,496
Rosot nilai	2,120	29,051
	1,363,285	787,547

Belum terima yang tidak melebihi tempoh matang atau tiada rosot nilai

Belum terima yang tidak melebihi tempoh matang atau tiada rosot nilai adalah penghutang yang mempunyai rekod bayaran yang baik dengan Institut. Institut tidak memegang sebarang cagaran ke atas baki-baki tersebut.

Belum terima yang telah melebihi tempoh matang tetapi tiada rosot nilai

Belum terima yang telah melebihi tempoh matang tetapi tiada rosot nilai adalah berkaitan dengan penghutang dengan corak pembayaran yang lebih lambat. Berdasarkan pengalaman lalu, Majlis Institut yakin dapat memungut hutang tersebut dan berpendapat bahawa tiada peruntukan untuk rosot nilai diperlukan bagi baki tersebut memandangkan baki dinilai sebagai boleh diperolehi semula kesemuanya. Institut tidak memegang sebarang cagaran ke atas baki-baki tersebut.

Belum terima yang merosot nilai

Belum terima yang mengalami rosot nilai pada tarikh pelaporan adalah seperti berikut:

	2018 RM	2017 RM
Belum terima - amaun nominal	2,120	29,051
Tolak : Peruntukan bagi kerugian rosot nilai	(2,120)	(29,051)
	-	-

Belum terima ini telah ditentukan secara individu untuk rosot nilai apabila hutang tertunggak dan menjadi lapuk.

8. Belum Terima, Deposit dan Prabayar (Samb.)

Pergerakan peruntukan kerugian rosot nilai pada tahun kewangan adalah seperti berikut:

	2018 RM	2017 RM
Pada awal tahun kewangan	29,051	20,924
Kerugian rosot nilai diiktiraf dalam tahun kewangan	–	33,110
Penarikbalikan kerugian rosot nilai	(26,263)	(24,548)
Dihapus kira	(668)	(435)
Pada akhir tahun kewangan	2,120	29,051

9. Yuran Tertunggak

	2018 RM	2017 RM
Yuran tertunggak	2,800	1,950
Tolak : Peruntukan bagi kerugian rosot nilai	(2,800)	(1,950)
	–	–

Menurut Kaedah-kaedah Institut Akauntan Malaysia (Keanggotaan dan Majlis) 2001, Bahagian II, perenggan 7(1), Majlis boleh mengarahkan Pendaftar untuk mengeluarkan nama mana-mana ahli yang mempunyai sebarang yuran tertunggak selama 6 bulan atau lebih daripada Daftar Keahlian. Ahli-ahli yang sedang dalam siasatan dan terlibat dalam prosiding tatatertib yang dikenakan ke atas mereka dan yang mempunyai yuran tertunggak lebih daripada 6 bulan tidak akan dikeluarkan daripada Daftar Keahlian. Anggaran dibuat bagi peruntukan kerugian rosot nilai berdasarkan semakan semua yuran tertunggak pada tarikh pelaporan.

Belum terima ini telah ditentukan secara individu untuk dirosot nilai apabila hutang tertunggak dan menjadi lapuk.

Pergerakan peruntukan bagi kerugian rosot nilai pada tahun kewangan adalah seperti berikut:

	2018 RM	2017 RM
Pada awal tahun kewangan	1,950	4,350
Kerugian rosot nilai diiktiraf dalam tahun kewangan	1,150	650
Penarikbalikan kerugian rosot nilai	–	(150)
Dihapus kira	(300)	(2,900)
Pada akhir tahun kewangan	2,800	1,950

Dalam tahun kewangan, yuran tertunggak berjumlah RM158,900 (2017: RM165,950) telah dihapus kira dalam untung atau rugi.

10. Simpanan Tetap dengan Institusi Kewangan Berlesen

Tempoh matang simpanan tetap dibentangkan seperti berikut:

	2018 RM	2017 RM
Tidak melebihi 3 bulan	5,590,377	2,529,238
Melebihi 3 bulan	15,924,199	8,621,910
	21,514,576	11,151,148

Kadar faedah bagi simpanan tetap dengan institusi kewangan berlesen adalah antara 3.10% hingga 5.00% (2017: 3.55% hingga 3.90%) setahun.

11. Aset Bukan Semasa Dipegang Untuk Jualan

	2018 RM	2017 RM
Kos tanah dan bangunan pegangan kekal	-	2,611,399
Susutnilai terkumpul	-	(997,177)
	-	1,614,222

Aset dikelaskan sebagai dipegang untuk jualan pada 30 Jun 2017 telah dijual dengan jumlah pertimbangan sebanyak RM9.10 juta menurut Perjanjian Jual Beli yang ditandatangani dengan pihak ketiga pada 16 Februari 2017. Pelupusan selesai pada 28 Ogos 2017.

12. Belum Bayar dan Akruan

	2018 RM	2017 RM
Belum bayar	932,957	1,296,644
Akruan – perbelanjaan acara dan persidangan	925,728	481,503
Akruan – manfaat kakitangan	5,105,259	3,958,147
Akruan – perbelanjaan pendidikan	59,769	162,694
Akruan – lain-lain	567,368	1,015,253
Deposit	98,400	98,700
	7,689,481	7,012,941

Tempoh kredit kepada Institut adalah antara 14 hari hingga 60 hari (2017: 14 hari hingga 60 hari).

13. Pendapatan Tertunda – Geran Kerajaan

	2018 RM	2017 RM
Pada awal tahun kewangan	895,008	429,750
Geran belum terima/diterima dalam tahun kewangan	1,190,000	1,130,000
	2,085,008	1,559,750
Pendapatan tertunda dikeluarkan untuk untung atau rugi (Nota 17)	(855,844)	(664,742)
Pada akhir tahun kewangan	1,229,164	895,008

Pada tahun kewangan berakhir 30 Jun 2015, Capital Market Development Fund ("CMDf") telah meluluskan geran kepada Institut untuk pelaksanaan dan pentadbiran projek Jawatankuasa Pelaksanaan Piawaian Pelaporan Kewangan ("FRSIC") dan Jawatankuasa Penasihat Pasaran Modal ("CMAC"). Ia diterima setiap tahun sepanjang tempoh 4 tahun mulai Mei 2015 hingga 31 Disember 2018 berjumlah RM 4.52 juta untuk menjalankan inisiatif-inisiatif dalam pembangunan keupayaan akauntan profesional menerusi peruntukan untuk pengetahuan dan kursus-kursus peningkatan kemahiran serta untuk mencapai penggunaan yang sejajar berkenaan undang-undang sekuriti dan peraturan-peraturan pertukaran saham dan piawaian-piawaian perakaunan menerusi pengeluaran nota-nota panduan, penjelasan dan konsensus. Jumlah geran yang belum terima/diterima sehingga kini sebanyak RM3.33 juta (2017: RM2.14 juta).

14. Pendapatan Tertunda - Lain-lain

	2018 RM	2017 RM
Yuran kemasukan keahlian	303,000	276,100
Yuran permohonan sijil amalan	16,750	14,500
Yuran kemasukan semula	34,650	1,550
Acara dan persidangan	1,942,132	999,192
Peperiksaan kelayakan	214,790	398,930
Pendidikan dan pengiklanan	77,670	144,849
Deposit diterima atas pelupusan aset bukan semasa dipegang untuk jualan	-	910,000
	2,588,992	2,745,121

15. Pendapatan Keahlian

	2018 RM	2017 RM
Yuran keahlian	12,512,080	11,903,770
Yuran kemasukan keahlian	878,500	783,600
Yuran sijil amalan	897,750	850,750
	14,288,330	13,538,120

16. Pendapatan Daripada / (Perbelanjaan Untuk) Acara Dan Persidangan

	2018 RM	2017 RM
Pendapatan	27,626,020	24,816,394
Perbelanjaan langsung	(14,722,207)	(12,429,680)
	12,903,813	12,386,714

17. Pendapatan Lain

	2018 RM	2017 RM
Bayaran balik denda penguatkuasaan	199,011	49,230
Faedah atas simpanan tetap dan akaun semasa	808,997	517,982
Geran kerajaan diiktiraf	855,844	664,742
Jualan bahan/penerbitan teknikal	75,188	102,885
Pendapatan daripada aktiviti bersama dengan badan profesional lain	103,577	91,290
Pendapatan daripada iklan	123,607	113,798
Pendapatan daripada sambutan ulangtahun ke-50	611,751	1,939
Pendapatan daripada semakan amalan	114,190	185,913
Pendapatan faedah – lain-lain	96,934	26,926
Pendapatan pendidikan	909,476	639,090
Yuran program teknikal	197,795	82,698
Pelbagai pendapatan	166,172	220,348
	4,262,542	2,696,841

18. Manfaat Kakitangan

	2018 RM	2017 RM
Gaji, kerja lebih masa dan bonus	17,042,772	15,481,564
Caruman kepada KWSP	2,584,775	2,259,655
Manfaat kakitangan yang lain	634,581	534,882
Caruman keselamatan sosial	123,660	119,892
Latihan kakitangan	343,815	254,904
Kebajikan kakitangan	440,379	359,275
	21,169,982	19,010,172

Termasuk dalam manfaat kakitangan adalah pampasan kakitangan pengurusan utama ditunjukkan dalam Nota 22(c).

19. Perbelanjaan Operasi Lain

	2018 RM	2017 RM
Aset yang dihapus kira	13,904	408,831
Belum terima (dipulih)/dirosot nilai dan dihapus kira	(26,263)	10,063
Caj bank	312,352	282,713
Imbuhan juruaudit	25,000	16,214
Kos promosi dan pengiklanan	321,372	385,925
Penyelenggaraan pejabat	639,238	436,233
Penyelenggaraan peralatan pejabat	260,702	137,071
Perbelanjaan hubungan antarabangsa	163,428	101,700
Perbelanjaan insurans	91,465	23,946
Perbelanjaan Jawatankuasa Memperkukuh Profesion Perakaunan	81,191	389,898
Perbelanjaan pelesenan	180,504	97,141
Perbelanjaan pendidikan	637,730	569,749
Perbelanjaan penguatkuasaan	83,408	49,230
Perbelanjaan perjalanan	96,020	97,443
Perbelanjaan program teknikal	273,016	274,198
Perbelanjaan untuk sambutan ulangtahun ke-50	801,369	140,258
Percetakan, pos dan alat tulis	359,359	334,274
Sewa pejabat	139,800	201,192
Utiliti	284,591	413,884
Yuran ejen atas jualan aset bukan semasa dipegang untuk jualan	-	182,000
Yuran keahlian	478,009	483,894
Yuran perundingan	204,650	276,675
Yuran tertunggak dirosot nilai dan dihapus kira	160,050	166,450
Yuran undang-undang	165,467	291,039
Perbelanjaan lain	345,042	426,802
	6,091,404	6,196,823

20. Pendapatan dan Perbelanjaan Mengikut Segmen Operasi

2018	Pembangunan Profesional RM	Keahlian & Pendidikan RM	Teknikal & Amalan Profesional RM	Pengawasan & Penguatkuasaan RM	Jumlah RM
Hasil	27,626,020	14,288,330	-	-	41,914,350
Pendapatan lain	408,357	1,828,329	768,889	328,436	3,334,011
Jumlah pendapatan	28,034,377	16,116,659	768,889	328,436	45,248,361
Tolak:					
Perbelanjaan langsung	(14,722,207)	(745,550)	(273,224)	(117,717)	(15,858,698)
Manfaat kakitangan	(2,847,724)	(2,345,319)	(2,390,325)	(3,742,239)	(11,325,607)
Overhed	(222,653)	(1,706,053)	(354,138)	(220,045)	(2,502,889)
	(17,792,584)	(4,796,922)	(3,017,687)	(4,080,001)	(29,687,194)
Lebihan/(Kurangan) sebelum perbelanjaan teruntuk*	10,241,793	11,319,737	(2,248,798)	(3,751,565)	15,561,167
Tolak:					
Manfaat kakitangan - peruntukan	(3,157,630)	(2,786,144)	(1,485,943)	(2,414,658)	(9,844,375)
Overhed - peruntukan	(1,711,916)	(1,510,511)	(805,607)	(1,309,112)	(5,337,146)
	(4,869,546)	(4,296,655)	(2,291,550)	(3,723,770)	(15,181,521)
Lebihan/(Kurangan) di peringkat segmen	5,372,247	7,023,082	(4,540,348)	(7,475,335)	379,646
Pendapatan faedah					905,931
Sewa dan pendapatan pengurusan					22,600
Laba atas pelupusan tanah dan bangunan					7,485,778
Lebihan sebelum cukai di peringkat Institut					8,793,955

2017	Pembangunan Profesional RM	Keahlian & Pendidikan RM	Teknikal & Amalan Profesional RM	Pengawasan & Penguatkuasaan RM	Jumlah RM
Hasil	24,816,394	13,538,120	-	-	38,354,514
Pendapatan lain	-	1,125,693	763,473	255,767	2,144,933
Jumlah pendapatan	24,816,394	14,663,813	763,473	255,767	40,499,447
Tolak:					
Perbelanjaan langsung	(12,429,679)	(1,043,770)	(274,298)	(108,643)	(13,856,390)
Manfaat kakitangan	(2,473,073)	(2,222,533)	(2,344,873)	(3,580,876)	(10,621,355)
Overhed	(214,361)	(1,572,337)	(189,449)	(612,096)	(2,588,243)
	(15,117,113)	(4,838,640)	(2,808,620)	(4,301,615)	(27,065,988)
Lebihan/(Kurangan) sebelum peruntukan perbelanjaan*	9,699,281	9,825,173	(2,045,147)	(4,045,848)	13,433,459
Tolak:					
Manfaat kakitangan - peruntukan	(2,532,473)	(2,374,194)	(1,345,376)	(2,136,774)	(8,388,817)
Overhed - peruntukan	(1,474,193)	(1,382,056)	(783,165)	(1,243,849)	(4,883,263)
	(4,006,666)	(3,756,250)	(2,128,541)	(3,380,623)	(13,272,080)
Lebihan/(Kurangan) di peringkat segmen	5,692,615	6,068,923	(4,173,688)	(7,426,471)	161,379
Pendapatan faedah					544,908
Sewa dan pendapatan pengurusan					7,000
Lebihan sebelum cukai di peringkat Institut					713,287

20. Pendapatan dan Perbelanjaan Mengikut Segmen Operasi (Samb.)

Nota:

1. Divisyen Keahlian & Pendidikan disokong oleh Jawatankuasa Pendidikan, Jawatankuasa Peperiksaan dan Jawatankuasa Profesional Muda.
2. Divisyen Teknikal & Amalan Profesional disokong oleh Lembaga Piawaian Pengauditan dan Asurans; Jawatankuasa Penasihat Pasaran Modal; Lembaga Piawaian Etika; Jawatankuasa Pelaksanaan Piawaian Pelaporan Kewangan; Jawatankuasa Pemandu Pelaporan Bersepadu; Jawatankuasa Kewangan Islam; Jawatankuasa Akauntan Profesional dalam Perniagaan; Jawatankuasa Perakaunan Sektor Awam; Jawatankuasa SMP, Jawatankuasa Amalan Insolvensi, Jawatankuasa Penilaian, Jawatankuasa Amalan Awam dan Jawatankuasa Amalan Percukaian.
3. Divisyen Pengawasan dan Penguatkuasaan disokong oleh Jawatankuasa Penelitian Penyata Kewangan; Jawatankuasa Semakan Amalan; Jawatankuasa Penyiasatan; Jawatankuasa Tatatertib dan Lembaga Rayuan Tatatertib.

*Peruntukan adalah berdasarkan bilangan orang.

21. Percukaian

	2018 RM	2017 RM
Cukai pendapatan		
- tahun semasa	108,230	-
Cukai tertunda (Nota 6)		
- berkaitan dengan pengasalan dan pembalikan perbezaan sementara	99,470	(261,995)
	207,700	(261,995)

Bagi tujuan cukai, Institut dianggap sebagai "Persatuan Perdagangan" di bawah Seksyen 53(3) Akta Cukai Pendapatan, 1967 yang mana pendapatan bercukai dikenakan cukai pada kadar skala.

Penyesuaian perbelanjaan cukai pendapatan yang boleh digunakan untuk lebih sebelum cukai pada kadar cukai pendapatan berkanun kepada perbelanjaan cukai pendapatan pada kadar cukai pendapatan efektif Institut adalah seperti berikut:

	2018 RM	2017 RM
Lebih sebelum cukai	8,793,955	713,287
Cukai dikira pada kadar cukai berkanun sebanyak 24% (2017: 24%)	2,110,549	171,189
Kesan cukai daripada:		
- perbelanjaan tidak boleh ditolak bagi tujuan cukai	248,651	361,040
- pendapatan keahlian tidak tertakluk kepada cukai	(560,517)	(634,686)
- pendapatan lain tidak tertakluk kepada cukai	(205,403)	(159,538)
- laba atas pelupusan tanah dan bangunan tidak tertakluk kepada cukai	(1,796,587)	-
- aset cukai tertunda tidak diiktiraf	411,007	-
	207,700	(261,995)

22. Tansaksi Pihak Berkaitan

Berikut dianggap sebagai pihak berkaitan kepada Institut:

- (i) Seseorang atau kenalan rapat kepada keluarga seseorang yang mempunyai kawalan atau kawalan bersama atau mempunyai pengaruh penting atau adalah seorang kakitangan pengurusan utama Institut.
- (ii) Satu entiti dikawal atau dikawal bersama oleh seseorang yang dikenalpasti di (i) atau seseorang yang dikenalpasti di (i) yang mempunyai pengaruh penting ke atas entiti atau adalah seorang kakitangan pengurusan utama Institut.

Urus niaga yang dijalankan dengan pihak berkaitan dalam tahun kewangan ini adalah seperti berikut:

	2018 RM	2017 RM
(a) Yuran dan pendapatan penajaan diterima daripada ahli Majlis dan pihak-pihak berkaitan		
Yuran tahunan keahlian dan sijil amalan	98,155	97,400
Yuran acara dan persidangan	161,329	124,792
Penajaan dan pendapatan lain	257,811	168,698

(b) Yuran dibayar kepada ahli Majlis dan pihak-pihak berkaitan

Yuran penceramah, yuran peperiksaan & fasilitator Peperiksaan Kelayakan dan yuran kontrak	346,415	600,295
---	---------	---------

Transaksi di atas di transaksi dalam sudut perniagaan normal. Pada tahun kewangan lepas, baki tertunggak untuk transaksi di atas berjumlah RM148,791 dan dimasukkan dalam belum bayar dan akruan.

(c) Imbuhan kakitangan pengurusan utama

Kakitangan pengurusan utama ialah mereka yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk merancang, mengarah dan mengawal aktiviti-aktiviti Institut sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Kakitangan pengurusan utama Institut yang menerima imbuhan ialah Ketua Pegawai Eksekutif, dan Pengarah-pengarah Keahlian & Operasi, Teknikal & Amalan Profesional, Strategi & Pembangunan dan Pengawasan & Penguatkuasaan. Imbuhan untuk kakitangan pengurusan utama bagi tahun kewangan yang termasuk yuran kontrak seperti tercatat di Nota 22(b) adalah seperti berikut:

	2018 RM	2017 RM
Gaji, bonus dan yuran kontrak	2,006,248	1,913,103
Caruman kepada KWSP	270,844	223,866
Lain-lain	3,773	3,079
	2,280,865	2,140,048

Jumlah baki pampasan pada akhir tahun sebanyak RM706,980 (2017: RM604,459) yang perlu dibayar kepada kakitangan pengurusan utama dimasukkan dalam akaun belum bayar dan akruan.

23. Instrumen Kewangan

Instrumen kewangan adalah sebarang kontrak yang mewujudkan aset kewangan bagi satu pihak peniagaan dan liabiliti kewangan atau instrumen ekuiti bagi satu pihak perniagaan yang lain.

(a) Kategori instrumen kewangan

	Aset kewangan tersedia untuk jualan RM	Pinjaman dan belum terima RM	Liabiliti kewangan pada kos terlunas RM	Jumlah RM
Pada 30 Jun 2018				
Aset kewangan :				
- Pelaburan	7,458	-	-	7,458
- Belum terima dan deposit	-	1,487,368	-	1,487,368
- Simpanan tetap di institusi kewangan berlesen	-	21,514,576	-	21,514,576
- Tunai dan baki di bank	-	6,836,396	-	6,836,396
Jumlah aset kewangan	7,458	29,838,340	-	29,845,798
Liabiliti kewangan:				
- Belum bayar	-	-	1,031,357	1,031,357
- Akruan	-	-	6,658,124	6,658,124
Jumlah liabiliti kewangan	-	-	7,689,481	7,689,481
Pada 30 Jun 2017				
Aset kewangan :				
- Pelaburan	7,458	-	-	7,458
- Belum terima dan deposit	-	925,105	-	925,105
- Simpanan tetap di institusi kewangan berlesen	-	11,151,148	-	11,151,148
- Tunai dan baki di bank	-	6,608,700	-	6,608,700
Jumlah aset kewangan	7,458	18,684,953	-	18,692,411
Liabiliti kewangan:				
- Belum bayar	-	-	1,395,344	1,395,344
- Akruan	-	-	5,617,597	5,617,597
Jumlah liabiliti kewangan	-	-	7,012,941	7,012,941

(b) Keuntungan bersih daripada instrumen kewangan

	2018 RM	2017 RM
Pendapatan atas simpanan tetap dan akaun semasa	808,997	517,982
Pendapatan atas faedah – lain-lain	96,934	26,926
Yuran tertunggak disusutnilai dan dihapusnilai	(160,050)	(166,450)
Belum terima dipulih/ (disusutnilai dan dihapusnilai)	26,263	(10,063)
Keuntungan bersih atas pinjaman dan belum terima	772,144	368,395

23. Instrumen Kewangan (Samb.)

(c) Objektif dan dasar pengurusan risiko kewangan

Objektif pengurusan risiko kewangan Institut adalah untuk memastikan Institut mencipta nilai dan memaksimumkan pulangan kepada Institut. Dasar pengurusan risiko kewangan Institut berusaha memastikan bahawa sumber kewangan dan bukan kewangan mencukupi bagi pelaksanaan operasi yang lancar. Institut mempunyai pendedahan terhadap risiko kredit, risiko kecairan dan risiko kadar faedah. Institut tidak melabur dalam saham disebut harga dan oleh itu, tidak terdedah kepada risiko pasaran akibat risiko turun naik instrumen kewangan berikutan perubahan dalam harga pasaran.

(i) Risiko kredit

Belum terima dan urus niaga dengan institusi perbankan mungkin mendatangkan risiko kredit yang memerlukan kerugian diiktiraf sekiranya pihak balas gagal menjalankan urusan sebagaimana ditetapkan dalam kontrak. Pihak balas adalah institusi kewangan berlesen dan organisasi. Dasar Institut adalah untuk memantau kedudukan kewangan pihak-pihak ini secara berterusan bagi memastikan bahawa Institut terdedah kepada risiko kredit yang minimum.

Institut juga telah membuat kawalan yang ketat dengan mengeluarkan ahli-ahli yang mempunyai baki tertunggak melebihi 6 bulan seperti yang diperuntukkan di bawah Kaedah-kaedah Institut Akauntan Malaysia (Keanggotaan dan Majlis) 2001.

Selain daripada yang dinyatakan, Institut tidak mempunyai tumpuan risiko kredit yang ketara. Pendedahan maksimum kepada risiko kredit diwakili oleh amaun dibawa aset kewangan dalam penyata kedudukan kewangan.

(ii) Risiko kecairan

Risiko kecairan atau pembiayaan adalah risiko ketidakupayaan memenuhi komitmen yang berkaitan dengan instrumen kewangan.

Institut mengamalkan pengurusan risiko kecairan yang berhemat untuk mengekalkan tahap tunai dan setara tunai yang mencukupi untuk memenuhi keperluan modal kerjanya.

Analisis kematangan

Profil kematangan liabiliti kewangan Institut pada akhir tempoh pelaporan berdasarkan kepada bayaran berkontrak tidak didiskaunkan adalah seperti berikut:

	Amaun dibawa RM	Aliran tunai kasar berkontrak RM	Tidak lebih daripada 1 tahun RM	Lebih daripada 1 tahun RM
2018				
Belum bayar dan akruan	7,689,481	7,689,481	7,689,481	-
2017				
Belum bayar dan akruan	7,012,941	7,012,941	7,012,941	-

(ii) Risiko kadar faedah

Institut terdedah kepada risiko kadar faedah bagi simpanan tetapnya dengan institusi kewangan dan bank berlesen. Institut menempatkan simpanan tetap pada kadar faedah yang kompetitif di bawah terma dan syarat yang paling baik. Oleh kerana simpanan tetap ini tertakluk kepada kadar tetap dan tidak diambil kira pada nilai saksama melalui untung atau rugi, sebarang perubahan dalam kadar faedah pasaran tidak akan mempengaruhi keputusan kewangan untuk tahun kewangan ini dan dana Institut.

(d) Nilai saksama

Amaun dibawa aset kewangan dan liabiliti kewangan Institut pada akhir tahun kewangan menghampiri nilai saksamanya, pada asas berikut:

Aset kewangan dan liabiliti kewangan jangka pendek

Amaun dibawa menghampiri nilai saksama disebabkan bentuk jangka pendek instrumen kewangan tersebut.

24. Pengurusan Modal

Objektif Institut dalam menguruskan modal adalah:

- (a) untuk melindungi fungsi Institut, iaitu mengawal selia dan membangunkan kerjaya perakaunan di Malaysia selaras dengan kewajipan berkanunnya di bawah Akta Akauntan, 1967;
- (b) untuk membangun dan meningkatkan kecekapan menerusi pendidikan dan latihan berterusan bagi menghadapi cabaran ekonomi sejagat; dan
- (c) untuk menyediakan modal bagi tujuan memperkukuhkan kecekapan operasi Institut.

Institut menyemak dan menguruskan modalnya pada setiap masa untuk memastikan kecukupan bagi keperluan operasi dan modal. Semua lebihan dipindahkan kepada dana terkumpul untuk keperluan operasi masa depan.

Bagi tujuan pendedahan modal, Majlis menganggap dana terkumpul sebagai modal Institut.

25. Komitmen

	2018 RM	2017 RM
Perbelanjaan modal dibenarkan tidak diperuntukkan dalam penyata kewangan:		
(a) Perbelanjaan pembangunan untuk Rangka Kerja Kompetensi MIA	65,772	219,240
(b) Sistem Keahlian dan Sumber Manusia	424,219	-
	489,991	219,240

26. Pajakan Operasi

Institut memeterai perjanjian pajakan bangunan pejabat dan mesin fotostat. Pajakan tidak boleh batal ini mempunyai baki tempoh selama antara 1 dan 5 tahun. Sewa minimum perlu dibayar di masa akan datang di bawah pajakan operasi tidak boleh batal pada tarikh pelaporan adalah seperti berikut:

	2018 RM	2017 RM
Kurang daripada satu tahun	174,512	206,067
Antara satu hingga lima tahun	216,797	313,504
	391,309	519,571

IBU PEJABAT

Malaysian Institute of Accountants

Dewan Akauntan
Unit 33-01, Level 33
Tower A, The Vertical
Avenue 3, Bangsar South City
No. 8, Jalan Kerinchi
59200 Kuala Lumpur, Malaysia
T +603 2722 9000
F +603 2722 9100
W www.mia.org.my

PEJABAT SERANTAU MIA

Johor

T +607 227 0369
F +607 222 0391
E miajbu@mia.org.my

Northern

T +604 261 3320
F +604 261 3321
E miapng@mia.org.my

Sabah

T +6088 261 291
F +6088 261 290
E miakku@mia.org.my

Sarawak

T +6082 418 427
F +6082 417 427
E miakch@mia.org.my